

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGAL KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 15 MEI 2015 (JUMAAT)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lintang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
14	YB. Ong Kok Fook	Berapit
15	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
16	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
17	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
18	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
19	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
20	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
21	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
22	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
23	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
24	YB. Teh Lai Heng	Komtar
25	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
26	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
31	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
32	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
33	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
34	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
35	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
36	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

#### **TIDAK HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
2	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
3	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
4	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

“DOA”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Silakan Padang Lalang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih Dato' Speaker. Saya cuba beri satu gambaran ringkasan terhadap PWDC, dia adalah dua (2) projek yang sangat penting, dua (2) projek yang sangat penting iaitu mengenai *gender responsive participatory budgeting* dan juga dia ada satu (1) program lagi ialah *women empowerment and leadership* dan selain daripada ini, dia ada juga *advocacy* dan *gender policy*. Saya ingin, tak ada orang yang, tak ada Ahli Yang Berhormat yang menanya ataupun membahar tentang *gender responsive participatory budgeting* atau GRPB, tapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penerangan dan juga *impact* projek ini.

Untuk tahun 2015, program GRPB PWDC sedang melangkah ke arena dan komuniti baru, merentas Negeri Pulau Pinang. Ini termasuk kerjasama dengan MBPP untuk menaik taraf dan baik pulih Pasar Bersejarah *Campbell Street* di George Town dan *Neighborhood Park* di Jalan Kenari, Sungai Ara, di samping itu, projek baru di Sungai Pinang. Salah satu projek adalah berkaitan dengan pembangunan semula Kampung Selot yang melibatkan lebih daripada 200 buah rumah dan satu lagi untuk merencanakan aktiviti pekerjaan dan perniagaan di Flat Taman Sri Pinang. Selain itu, melalui proses GRPB juga, PPR Jalan Sungai telah pun melaksanakan sebuah lagi *contract community* iaitu *contract* yang kedua untuk keselamatan dengan MBPP sebagai tambahan kepada *contract community* yang pertama tahun lepas iaitu untuk kebersihan kawasan setempat.

PWDC kini sedang bekerjasama dengan MBPP untuk menjadikan PPR Jalan Sungai sebuah komuniti yang mesra OKU dengan menukar guna dan mengubah suai unit-unit pangsapuri tingkat bawah berdasarkan prinsip *access universal* dan dengan kelengkapan mesra *gender*. Usahasama PWDC dengan MPSP pula telah membuahkan *contract community* untuk menjaga kebersihan di PPR Ampang Jajar. PWDC juga sedang menjalankan proses GRTB bagi salah satu projek dengan MPSP iaitu untuk menaik taraf Taman Tunku di Seberang Perai dan membaik pulih Pasar Seberang Jaya. PWDC melalui proses GRTB kini meraih perhatian dan telah menerima saranan untuk berusahasama dengan pihak Kerajaan Negeri bagi menangani masalah di Blok E1 dan E2 Taman Indah di Seberang Perai....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Ada kaitan juga, tapi saya nak rujuk kepada kelmarin. Kelmarin Padang Lalang memaklumkan tentang perbezaan Majlis Belia Negeri dan Majlis Sukan Negeri. Majlis Sukan Negeri diberi peruntukan yang banyak oleh Kerajaan Negeri dan lantik pegawai-pegawai yang tertentu dan katanya pengwujudan Majlis Sukan Negeri ikut akta. Kelmarin ada sebut kan? Yang saya faham Majlis Belia Negeri juga merupakan pertubuhan yang didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan. Jadi, soalan saya oleh kerana agak kurang aktiviti belia itu sendiri kerana tidak ada satu agensi tertentu, apa salahnya Kerajaan Negeri juga bagi peruntukan yang mencukupi kepada Majlis Belia Negeri kerana Majlis Belia Negeri wujud dalam Negeri, Negeri Pulau Pinang untuk mereka menjalankan aktiviti khususnya berkaitan dengan program belia negeri. Saya faham kelmarin pun mantan EXCO Belia, terang banyak juga. Majlis merupakan satu pertubuhan yang menggabungkan gabungan belia-belia di peringkat negeri. 4B, ABIM, MOIC.....(audio kurang jelas)...dan berbagai-bagai lagi. Sudah tentulah ianya ada kaitan dengan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat akar umbi sebelum ini memang peruntukan diberi agak banyak juga itupun masih gagal Majlis Belia Negeri ini nak buat program yang boleh menyentuh ke peringkat belia-belia akar umbi. Jadi kenapa Kerajaan Negeri tidak memberi peruntukan yang banyak kepada Majlis Belia Negeri supaya seimbang dengan Majlis Sukan Negeri. Maknanya kalau Majlis Sukan Negeri dah ada peruntukan, biar dia tumpu hal sukan pasal dia pun disebutkan sukan. Ini soalan saya. Selamat menyambut Hari Belia Negara. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Dengan.....(audio kurang jelas)... yang MBN dia pertubuhan saja. *Registration* dan dia NGO tetapi MSN ialah agensi Kerajaan dan dia tumpu kepada sukan-sukan yang bertanding prestasi tinggi dan dia tak ada program, dia tak anjurkan program-program biasa. MBN kerana dia adalah sebuah NGO, gabungan NGO. Dia buat program sahaja dan program itu boleh dibuat dengan siapa-siapa sahaja. Jadi saya tidak ingin pergi ke situ lagi kerana saya belum habis dengan PWDC. Nanti saya akan balik ke situ.

PWDC sejak penggal kedua kerajaan ini, juga melaksanakan satu program iaitu bridged wanita dan setakat Mac 2015, sejumlah melebihi 2,000 orang wanita telah didaftarkan sebagai Ahli Bridged Wanita Pulau Pinang. Sebagai badan sukarela di bawah Kerajaan Negeri dan untuk pengetahuan YB. Sungai Aceh, ini Bridged Wanita NGO juga walau pun digalakkan di bawah Kerajaan Negeri tak beri apa-apa pun peruntukan. Dia pun tak dapat apa-apa pun peruntukan setakat ini. Bridged Wanita bertujuan memelihara kebajikan wanita di seluruh negeri dengan menjadi penghubung antara wanita setempat dan program bantuan wanita Kerajaan Negeri. Bridged Wanita sedang berusaha mendaftarkan wanita setempat untuk program bantuan ibu tunggal, ibu emas, memogram percuma dan skim mikro kredit PTSR. Sukacita saya memaklumkan bahawa setakat 30 September 2014 seramai 1,964 orang penerima telah mendapat manfaat PTSR dan daripada jumlah penerimaan ini, 1,089 orang atau 55.4% adalah merupakan peminjam wanita. Malahan seramai 44,939 orang ibu emas telah didaftarkan untuk 2014 dan 5,613 orang ibu tunggal telah didaftarkan pada tahun 2013 hingga 2014.

Pada bulan November 2014, PWDC telah melancarkan satu sistem pemetaan taska Pulau Pinang iaitu portal untuk semua pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar di negeri ini. Sistem pemetaan ini sedang berfungsi sebagai pangkalan data untuk ibu bapa dan penjaga yang bekerja dan menggalakkan pusat penjagaan kanak-kanak untuk mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Setakat pertengahan April 2015, PWDC telah menjalankan *social outreach*, peningkatan kesedaran terhadap *gender*, tadbir urus baik, keganasan terhadap wanita dan sebagainya yang telah mencapai lebih daripada 3,300 orang wanita dan lelaki di seluruh lima (5) daerah. Peserta sesi-sesi ini termasuk kakitangan Kerajaan Tempatan, ahli-ahli komuniti, JKKK, pelajar kolej dan sebagainya. Pada bulan November dan Disember 2014 PWDC telah merintis kempen *Goes Orange*. Ini tak pernah berlaku di mana-mana. Tapi di Penang sahaja.

### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Mohd. Salleh Bin Man):**

Minta laluan sekejap. Ahli Kawasan Padang Lalang. Apa yang telah disebutkan oleh Ahli Kawasan Padang Lalang berkenaan dengan keganasan wanita, keganasan rumah tangga pun berlaku dan bahkan kalau kita lihat nampak amat sangat membimbangkanlah. Apatah lagi sehingga September tahun 2000 saya tengok kes sebanyak 3,673 kes telah pun berlaku dan kita tengok peningkatan pada tahun 2012 meningkat lagi dan dan 2013 sehingga 4,123 kes yang menimbulkan yang amat sangat kita rasa membimbangkan, setiap kali setiap tahun meningkat keganasan yang berpunca daripada banyak sebablah dan banyak faktor dan apatah lagi melibatkan wanita itu sendiri berbagai-bagai tekanan yang dihadapilah. Mungkin bukan sangat sebab, biasanya selalulah bila melibatkan kes-kes keganasan ini, bila wanita yang pula menjadi sasaran, kononnya daripada pihak lelakilah. Ada juga keganasan yang berpunca daripada pihak perempuan. Jadi saya nak tanyalah bagaimana pandangan Ahli Kawasan Padang Lalang untuk menangani masalah yang cukup membimbangkan ini.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih kepada YB. Ahli Kawasan Permatang Pasir. Ia memang merupakan satu masalah yang patut diberi perhatian oleh semua bukan sahaja wanita ya kerana sekiranya ada keganasan di dalam keluarga, keluarga itu akan hancur. Ini akan mendatangkan *impact* dan kesan kepada semua lelaki kah, bapa kah, atau ibu dan kanak-kanak. Jadi Kerajaan Negeri kita mengadakan *Penang Goes Orange* ialah kempen peringkat negeri yang pertama bagi menentang keganasan terhadap wanita.

PWDC telah bekerjasama dengan 24 rakan organisasi dan agensi dari pihak Kerajaan, swasta dan NGO bagi kempen ini. Ia telah mendekati lebih daripada 1,000 penduduk dengan mesej kempen 16 hari ini. Ini tak cukup ya. 1,000 orang pun tak cukup. Kita perlu sampai kesemua lapisan rakyat. Di sini saya memohon supaya semua ahli Yang Berhormat untuk membantu untuk menghebahkan mesej ini bahawa keganasan itu adalah jenayah. Keganasan itu adalah pemusnah kepada keluarga. Tak betul. Kalau ada apa-apa yang perlu dibincang, bincanglah jangan gunakan keganasan. Pada tahun ini MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan satu program Keluarga Berilmu supaya ibu bapa dapat menghadiri bengkel keibubapaan atau pun *communication skill*. Adakan *skill* untuk berkomunikasi supaya tidak perlu ganas menggunakan *violence force*.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri. Saya tertarik juga dengan perbahasan mengenai *domestic violence* ataupun keganasan rumah tangga. Setahu saya memanglah ada undang-undang berkaitan dengan *domestic violence* ataupun keganasan rumah. Saya ingin tahu setakat mana langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memberi pendidikan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengadakan seminar. Bagi saya setakat itu sahaja mungkin kurang berkesan sebab di kawasan-kawasan luar bandar, contohnya saya rasa kursus-kursus ini tidak diadakan. Yang kedua mungkin juga saya rasa Kerajaan Negeri, sebab di kalangan penduduk kita di Pulau Pinang ini terdiri daripada pelbagai kaum. Mungkin juga setiap kaum mempunyai masalah sendiri. Pendidikan agama itu penting, mungkin juga perlu dilihat dari segi pendidikan agama ataupun bukan Islam ada cara-caranya. Saya nak tanya adakah cara-cara yang perkara ini dibincangkan di peringkat negeri dan bagaimanakah cara-cara untuk melaksanakan program-program untuk penduduk bukan sahaja di bandar tetapi di luar bandar. Lagi saya pun nak tahu pernah atau tidak di Negeri Pulau Pinang ini tindakan melalui tindakan undang-undang telah pun diambil terhadap mana-mana yang telah melakukan keganasan terhadap keluarga mereka. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kawasan Penaga. Untuk meningkatkan kesedaran untuk masyarakat umum, kalau saya boleh dapatkan semua sumber saya akan menyiarkannya melalui TV1, TV2, TV3 kerana semua orang menonton tv. Itu ialah cara yang paling cepat untuk disampaikan kepada semua. Ini memerlukan kewangan yang besar. Tapi sekiranya Kerajaan Pusat nak buat boleh gunakan TV1, TV2, TV3.

Untuk tindakan undang-undang kita bergantung kepada pihak Polis Diraja Malaysia. Selama ini pihak Polis dia ada banyak kes. Dia ada kes yang sangat serius seperti rogol, rompak, ragut jadi dia lihat ini keganasan rumah tangga ini sebagai isu yang kecil. Dia selalunya siarkan wanita yang kena pukul itu, sabarlah, balik runding baik-baik dengan suami. Apa yang awak buat sehingga suami awak buat ganas kepada *you*. Saya tidak salahkan mereka juga kerana mereka ada banyak pekerjaan yang lain dan ikut keseriusan kepada mereka ialah kes bunuh, kes rompak dengan senjata, dadah. Itu yang lebih serius. Jadi kalau boleh kita sama-sama menyeru supaya pihak Polis menambah Polis Wanita dan juga Polis yang ada kesedaran tentang isu ini. Jika sekiranya mereka tak ada kesedaran mereka akan memandangnya sebagai satu isu rumah tangga sahaja bukan isu pihak Polis. Sekiranya boleh kita melalui sekolah menyebarkan kesedaran jangan gunakan keganasan. Itu adalah cara yang paling cepat. Kalau menggunakan NGO kita sampaikan sangat *slow* kerana sebuah NGO paling banyak berapa ribu sahaja. Tapi kita ada jutaan rakyat.

Jadi kepada saya ia bukan *cost effective*, saya pun rasa tak sabar untuk meningkatkan kesedaran tentang isu ini. Jadi ini memerlukan satu *structure mechanism* yang disokong oleh kerajaan. Di dalam Parlimen kita perlu mengadakan Suruhanjaya untuk menangani keganasan rumah tangga, supaya kita boleh mendirikan pusat-pusat di seluruh Negara di mana ada yang menghadapi masalah ini dia dapat menghadapi masalah ini dapat mengadu di situ. Pergi ke Balai Polis merupakan cara yang kurang diambil oleh pihak wanita. Pergi ke Balai Polis ia akan mendedahkan masalah rumah tangga kepada semua dan ini selalunya tidak disukai.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan tindakan yang diambil ataupun langkah-langkah yang telah pun diambil oleh Kerajaan Pusat, yang saya tahu ada pusat yang dipanggil An-Nur kalau tak salah saya. Di kawasan saya pun ada sebenarnya. Saya rasa pusat ini ditubuhkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita. Bukan baru agak lama juga. Ada juga kes-kes yang pergi ke situ untuk mendapatkan khidmat nasihat dan sebagainya.

Jadi kalau kita nak kata Kerajaan Pusat tidak mengambil inisiatif untuk mencari jalan membantu ataupun memberi nasihat mengenai keganasan rumah tangga saya rasa itu adalah kurang tepat. Walau bagaimanapun saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya lebih pro aktif lagi dalam hal ini dan cuba mencari langkah-langkah yang baik supaya matlamat untuk menangani masalah keganasan rumah tangga di Pulau Pinang ini dapat diatasi. Mungkin saya tak percaya boleh diatasi sepenuhnya. Itu memang tak akan berlaku dan kita pun tahu adakalanya berlaku keganasan rumah tangga yang mungkin dilakukan oleh suami ataupun isteri melakukan terhadap suami. Saya setuju dengan pandangan daripada Ahli Kawasan Permatang Pasir tetapi kadang-kadang perkara ini tak dilaporkan dan mungkin juga perkara ini kadang-kadang dilaporkan kepada pihak Polis bukannya pihak Polis tidak mahu mengambil tindakan. Setiap laporan yang dibuat kepada Polis mengenai keganasan rumah tangga perlu disiasat dan jika ada....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penaga sila tanya penduduk apa yang hendak penjelasan daripada Padang Lalang ada soalan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Jadi itu maksud saya. Saya cuba memberi penerangan menyatakan bahawa Kerajaan Pusat pun mengambil tindakan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Padang Lalang juga saya peringatkan segera sambungan daripada semalam hampir dua jam digunakan untuk pergulungan Padang Lalang. Sila.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Isu ini, wanita, beri sedikit. Saya tidak kata bahawa Kerajaan Pusat tidak ambil apa-apa inisiatif yang saya kata ialah inisiatif itu boleh ditambah dan memang perlu ditambah. Saya pun setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Berapit *prevention is better than cure*. Rumah Nur, pusat perkhidmatan wanita yang telah didirikan oleh Kerajaan Negeri bersama dengan WCC itu merupakan satu rawatan. Ia sudah

menghadapi masalah jadi kita bagi bantuan tapi untuk memberi kesedaran itu adalah *prevention*. Sepanjang tahun 2014 pula, MMK Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti telah menaja dan menjalankan program-program kesedaran keluarga bahagia di kawasan Seberang Perai yang dihadiri oleh 775 orang daripada JKKK Pusat Khidmat ADUN dan sebagainya. Kita juga kerjasama dengan NGO-NGO tempatan. Kita juga mengadakan program komuniti seperti kem motivasi "*I Belief I Can*" untuk kanak-kanak. Bengkel *Store Chile A Build And Need Clare* program kaunseling *from depression to hold*, program anti keganasan terhadap wanita bersama PWDC dan WCC. Program-program tersebut telah dihadiri oleh 2,191 orang termasuk belia dan kanak-kanak. Bagi tahun ini pula, sehingga akhir bulan Mac 2015, seramai 3,080 orang telah hadir ke program kesedaran komuniti seperti di Hari Wanita Sedunia, *Stress Free Life Style* dan anti buli yang semuanya ditaja oleh Kerajaan Negeri.

Jadi berkenaan isu-isu sosial, saya percaya isu sosial ini ia berakar umbi dari keluarga. Saya bukan kata pendidikan agama tidak memainkan peranan tapi sekiranya sistem pendidikan kita berjaya menyemaikan nilai-nilai yang bagus yang murni kepada pelajar jadi saya rasa kita akan mengurangkan masalah sosial.

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Speaker. Saya tertarik dengan satu item iaitu anti buli telah dijalankan program di beberapa tempat oleh MMK. Adakah ini program ini akan luaskan kepada KADUN-KADUN supaya semua KADUN budak-budak di sana boleh juga ambil bahagian dalam program ini?

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Program Komuniti Bersukan Rakyat Sihat, Program Keluarga Berilmu, Program Anti Buli. Semua ini saya mengalu-alukan, semua Yang Berhormat membantu dalam menganjurkan membuat *organizing, you do the logistic, you* panggil peserta dan kami akan menghantar penceramah. Kita mungkin juga akan menanggung sebahagian bayaran untuk menganjurkan semua program ini. Hanya dengan kerjasama semua Yang Berhormat baru kita boleh sampai kepada seluruh negeri.

Di sini saya hendak bangkitkan satu isu kerana kita ada Yang Berhormat menimbulkan isu *child married*. Kalau mereka masih kanak-kanak lagi belum dewasa tetapi hendak buat perkara dewasa, ini mereka tidak dapat menjalankan tugas yang baik, tanggungjawab dengan baik. Jadi PWC bersama-sama dengan MMK yang lain sedang mencari langkah-langkah ini kalau boleh menangani mengurangkan isu ini. Untuk keselamatan kanak-kanak. Isu rogol di bawah umur. Baru-baru ini kita tahu ada satu kes yang berlaku di Sarawak. Di mana Mahkamah Rayuan di Kuching telah membebaskan seorang lelaki berumur 60 tahun yang di dakwa merogol gadis berumur 15 tahun. Mangsa rogol telah hamil dan melahirkan bayi di Hospital Sibu. Kajian DNA mengesahkan tertuduh adalah bapa kepada bayi itu. Keputusan Mahkamah Rayuan telah menterbalikkan keputusan Mahkamah Seksyen Sibu pada tahun 2013 di mana terduduh dalam kes yang sama telah disabit dan dihukum penjara 43 tahun dengan 11 kali sebatan dan denda RM40,000.00 tapi pergi ke Mahkamah Rayuan dia telah dibebaskan.



Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, hubungan seks dengan remaja di bawah umur 16 tahun adalah jenayah. Di bawah seksyen 375 (f) Kanun Keseksaan. Seksyen 375 mendefinisikan aspek fizikal rogol dengan sangat spesifik sebagai memasukkan zakar lelaki ke dalam bahagian kemaluan wanita atau gadis yang tersebut. Saya minta maaf kalau ini *you rasa not comfortable* tetapi ini adalah definasi. Dalam kes ini tertuduh dibebaskan atas dasar teknikal iaitu bahawa beliau telah menggunakan jari yang dipenuhi dengan air mani. Paling mengecewakan sekali Timbalan Peguam Cara Negara 1, Datuk Tun Abdul Majid Bin Datuk Haji Tun Hamzah telah berkata bahawa Jabatan Peguam Negara menerima keputusan ini dan tidak akan memfail semakan atau *review* balik kes ini. Saya rasa ramai yang tidak setuju dengan pandangan beliau ataupun keputusan beliau. Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri YB. Nancy Shukri sendiri juga telah menyuruh Kerajaan Persekutuan untuk memfail semakan untuk kes ini di bawah aturan 137 Kaedah-kaedah Mahkamah Persekutuan yang menitikberatkan kuasa sedia ada Mahkamah Persekutuan ataupun *Inherent Power Of Courts* untuk bertindak menghalang ketiadaadilan atau penyalahgunaan proses mahkamah.

Saya menyokong dan memohon sokong sebulat suara Dewan yang mulia ini supaya menyeru Jabatan Peguam Negara untuk memfailkan semakan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan di Kuching tersebut. Adakah saya dapat sokongan dari ahli-ahli sini? Ya, ahli-ahli saya menyokong dan memohon sokongan sebulat suara Dewan yang mulia ini supaya menyeru Jabatan Peguam Negara untuk memfailkan semakan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan di Kuching tersebut.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Padang Lalang beri pengulungan minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong atas ini tidak perlu.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Sokong pun boleh supaya Dewan ini boleh menghantar. Sokonglah. Kalau sokong cakap sokong. Saya harap pihak sana pun sokong, ini untuk keadilan untuk kanak-kanak dan tidak ada politik langsung. Saya harap Speaker pun sokong. Speaker boleh sokong?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Dato' Speaker, boleh saya respon sikit.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Minta penjelasan di izinkan tetapi kalau ucapan bahas sudah lalu kerana terlalu panjang lebar.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Sokong saja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Bukan soal sokong tidak sokong. Isu dia ialah kita tidak tahu fakta kes dia, setakat mana siasatan menunjukkan bahawa kes boleh diteruskan atau tidak. Sebagai kuasa yang boleh mendakwa iaitu Peguam Negara mereka mengambil kira semua perkara. Saya rasa ini bukan isu sama ada politik ataupun tidak, bagi saya jika mereka merasakan bahawa ada bukti yang boleh dikemukakan dan di bawa seterusnya mereka akan teruskan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Sekiranya Seksyen 375 tidak terpakai pun terdapat peruntukan lain seperti Seksyen 377 (c)(a) Kanun Keseksaan iaitu seks dengan objek, *Sexual Connection By Object* iaitu yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan yang boleh terpakai. Impak ke atas mangsa dalam kes ini cukup besar akibat serangan seksual ini gadis tersebut telah hamil dan melahirkan seorang anak....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya habiskan ini dulu.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya ingat kita Dato' Speaker bukan hendak menganalisa kes ini. Sebenar bukan pada kita untuk menganalisa kes ini tetapi dari laporan surat khabar hari ini memang ada pihak telah pun membuat. Terima kasih Padang Lalang. Telah pun membuat permohonan untuk disemak semula. Saya menyokong, saya menyokong dan saya percaya semua rakan saya menyokong kalau berlaku ketidakadilan terutama sekali bila telah pun ada DNA *prove* yang kena tuduh adalah bapanya jadi kita semua menuntut keadilan dalam kes ini. Saya rasa kita tidak mahu menganalisa *technicality* di sini kerana bukan forumnya.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Terima kasih kerana menyokong kes ini. Saya akan beri sedikit keterangan tentang pembangunan sukan yang seperti katakan MSN hanya tumpu kepada *elite sport* sahaja. Kerajaan Negeri melalui Badan Induk Pembangunan Sukan Negeri menerusi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberi penekanan kepada kumpulan-kumpulan sasar dalam sukan iaitu para elit dan pegawai kerana mereka merupakan kumpulan terpenting dalam struktur perancangan ke arah mempertingkatkan kecemerlangan sukan negeri dan negara. Untuk itu MSN melalui rancangan *Road to SUKMA 2015, 2016*. 2015 tidak ada SUKMA kerana Sea Games berada di Singapura dan masa itu ada lebih kurang sama. Jadi SUKMA 2015 telah dibatalkan. Membentuk strategi mengukuhkan ke arah pencapaian yang cemerlang berlandaskan pengukuhan jentera sukan negeri dan keupayaan institusi persatuan sukan negeri untuk menggalakkan pencapaian yang lebih baik dalam sukan yang diwakili serta memastikan pembangunan sukan Negeri Pulau

Pinang dijalankan dengan lebih bersistem, cekap dan profesional. Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan banyak terima kasih kepada semua persatuan-persatuan sukan kerana kegigihan dan usaha mereka barulah kita menghasil atlet untuk mewakili negeri ini.

Di bawah program pembangunan sukan Negeri Pulau Pinang yang digerakkan MSNPP untuk memastikan atlet-atlet Negeri yang cemerlang terus berada di Pulau Pinang. Antaranya adalah seperti berikut kerana kalau atlet yang baik ada negeri lain yang kaya akan cuba membeli mereka dengan memberi elaun-elaun yang lebih baik. Jadi untuk Negeri Pulau Pinang kita cuba memberikan menjaga kepentingan atlet-atlet kita semampu yang kita boleh. Pelaksanaan Skim Atlet Elite yang merupakan program pembiayaan untuk meneruskan latihan jangka panjang yang dibahagikan kepada dua (2) kategori mengikut status kemenangan pingat di SUKMA (Sukan Malaysia) iaitu bagi kategori A bagi mereka yang meraih pingat emas dibayar RM500.00 sebulan. Dan kategori B bagi mereka yang memenangi pingat perak dan gangsa dibayar RM300.00 sebulan. Serta pembiayaan latihan skuad SUKMA sebanyak RM50.00 sebulan kepada setiap atlet yang terpilih. Ini untuk mereka yang belum memenangi apa-apa pingatlah. Secara keseluruhan pada tahun 2014 Majlis Sukan Negeri telah mengeluarkan pembayaran kepada atlet-atlet Negeri Pulau Pinang berjumlah sebanyak RM586,395 yang merangkumi elaun elite dan elaun skuad latihan Sukan Malaysia untuk 47 jenis sukan secara keseluruhan. Manakala jumlah pembayaran dalam tahun 2015 hingga 17 April 2015 adalah untuk elaun atlet elite Negeri Pulau Pinang ialah sebanyak RM57,600. Elaun Skuad Latihan SUKMA sebanyak RM64,250. Selain itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga memastikan kebajikan dan hal ehwal atlet-atlet diperkasakan melalui pembayaran elaun-elaun latihan dan elaun atlet ini diteruskan sepanjang tahun yang turut meliputi program seperti Skim Insuran Pegawai dan Atlet, Skim Atlet Elite, Latihan Projek Mutiara dan memberi pemberian makanan tambahan yang berkhasiat (*super supplementary*) kepada atlet negeri. Dan untuk atlet-atlet yang sudah latih dipusat pun kerana mereka akan mewakili Negeri Pulau Pinang di dalam SUKMA kita pun terus memberi sokongan iaitu elaun iaitu seperti kepada atlet Goh Brian Teoh, atlet badminton wanita Goh Chin Wee kita pun terus memberi elaun khas RM1,000.00 setiap tahun. Ini untuk menggalakkan mereka terus mewakili negeri Pulau Pinang ini dan dengan ini saya.. ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Minta penjelasan. Adakah Stadium Batu Kawan digunakan untuk membangkitkan atlet-atlet Pulau Pinang dan juga pertandingan Bola Sepak yang dimainkan di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Stadium Batu Kawan telah ditukar tangan di bawah penjagaan PDC kerana PDC mempunyai modal yang lebih besar dan dia sedang menjalankan menaik taraf supaya dia boleh jadi satu stadium yang ber *standart* tinggi dan memang kita bercadang supaya pada masa depan pertandingan bola sepak akan diadakan di situ. Pada waktu sekarang kalau perlu kita menggunakan Stadium Batu Kawan untuk latihan dan sekiranya ada sesiapa yang ingin menjalankan *Sport Community* ataupun latihan apa-apa sukan sahaja boleh hubungi pejabat saya atau pun MSN. Kita akan memberi segala bantuan. Pintu selalu buka. Asalnya Yang Berhormat berminat dan kita bersedia untuk membantu dan membincang. Sekian terima kasih dan saya menyokong.

## Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Terima kasih Padang Lalang dan saya persilakan Batu Maung.

### Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli EXCO juga sahabat-sahabat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan di atas ucapan perasmian usul, terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 30 April 2015. Terutama sekali mengenai perkara-perkara yang menyentuh tanggungjawab di bawah *portfolio* saya sebagai Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Izin juga saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasi kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas ucapan perasmian DUN.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menggulung perbahasan untuk menjawab soalan-soalan tambahan yang berkaitan dengan isu-isu *portfolio* yang diamanahkan kepada saya. Izinkan saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi komitmen dengan mengambil bahagian dalam perbahasan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun yang melibatkan *portfolio* saya. Tidak ketinggalan ingin saya menzahirkan ucapan tahniah Yang Berhormat Dato' Seri Wan Azizah Bin Wan Ismail di atas kejayaan beliau bertahankan kubu Pakatan Rakyat kerusi Parlimen Permatang Pauh dalam Pilihanraya Kecil yang baru diadakan pada 7 haribulan Mei. Kejayaan Dato' Seri ini adalah kemenangan rakyat menentang kezaliman Barisan Nasional terhadap Dato' Seri Anuar Ibrahim dan juga merupakan *referendum* rakyat untuk menolak cukai barangan perkhidmatan GST. Adakah pihak pembangkang boleh *deny defect that* ini adalah satu kezaliman kepada Dato' Seri Anuar. Semoga kemenangan yang disandang sejak PRU 99 ini akan memantapkan lagi usaha untuk memakmurkan penduduk Permatang Pauh.

Ucapan tahniah yang dirakamkan kepada Dato' Pattayah binti Ismail yang telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang pertama. Izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada wanita-wanita yang bergelar ibu di Pulau Pinang, Hari Jururawat dan juga Hari Guru. Penglibatan golongan-golongan ini dalam aspek sosial, ekonomi dan politik adalah sangat penting dalam membangunkan dan memakmurkan Negeri Pulau Pinang. Ekonomi Negeri Pulau Pinang terus mempamerkan kemajuan dari tahun ke tahun. Peningkatan dalam negeri kasar KDNK Negeri Pulau Pinang daripada 39.2 bilion pada tahun 2005 kepada 62.6 bilion pada tahun 2013 adalah peningkatan sebanyak 6% setahun menunjukkan pada masyarakat bahawa perdagangan di Pulau Pinang adalah mantap dan kukuh. Alhamdulillah. Dalam usaha merancakkan ekonomi Pulau Pinang melalui MMK Perdagangan Dalam Negeri telah merancang pelbagai program dan aktiviti yang terbaik bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat perniagaan yang berdaya maju.

Pada tahun 2015 perancangan program telah memfokuskan kepada perkembangan perniagaan dan usahawan Pulau Pinang termasuk dengan membantu mempromosikan perniagaan usahawan dan mengembangkan jaringan perniagaan mereka. Ianya secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan perdagangan di Pulau Pinang di samping melahirkan usahawan dan perniagaan yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Melalui MMK Perdagangan Dalam Negeri beberapa program telah dirancang dan berjaya dianjurkan sehingga tahun 2015 ini, iaitu yang buat kali keenam iaitu *International Halal Expo And Conference* (PIHEC) dan kali keenam juga *Tread Event Calender 2015*. PIHEC merupakan sebuah program tahunan Kerajaan Negeri yang diadakan di SPICE yang bermula pada 30 Januari sehingga 1 Februari 2015 yang merupakan kali keenam penganjurannya. Pada tahun ini PIHEC mencipta kelainan iaitu berikutan penganjuran kali pertama Festival Kari Sedunia (*World Curry Festival*) di Pulau Pinang. Untuk makluman, Festival Kari Sedunia ini dianjurkan lima (5) kali berturut-turut di Bradford, UK yang terkenal sebagai *The Curry Capital of UK* (dengan izin). Halal Penang berusaha keras untuk membawa acara-acara ini ke Pulau Pinang dan Alhamdulillah telah berjaya dipilih sebagai destinasi pertama di luar UK untuk mengadakan *World Curry Festival*. *World Curry Festival* ini dianjurkan sempena PIHEC selama dua (2) tahun iaitu mulai tahun ini 2015 dan 2016. 2016 dijangka akan menjadi acara bersendirian mulai 2017.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat Batu Maung. Saya tak pernah dengan pun sapa-sapa bertanya berkenaan soalan DUN untuk digulung. Adakah siapa bertanya pada soalan itu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini peluang saya penggulungan untuk MMK saya dan saya. Nanti-nanti...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tapi kita bertanya soalan-soalan untuk dijawab....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Untuk menjawab soalan-soalan yang ditanya saya terpaksa membuat mukadimah saya. Ini adalah mukadimah saya. Kalau semasa Pulau Betong membahaskan ucapan T.Y.T. sapa pun tidak tanya kenapa Pulau Betong bangkitkan perkara ini dan perkara itu dan mukadimah Pulau Betong. So ini apa *floor* saya sekarang. Tak apa ini *floor* saya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa, tak apa, ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau tak mahu dengar penggulungan saya, saya akan berhenti di sini. *Alhamdulillah* sejak lima (5) tahun penganjuran PHEC ini telah berjaya menarik jumlah pengunjung yang tertinggi iaitu 62 ribu orang pengunjung. Selain daripada itu PHEC juga telah berjaya menjadi tarikan pelancong tempatan dan luar negara semasa tempoh

penganjuran. Selain daripada itu, untuk menggiatkan aktiviti perdagangan dan perniagaan di Pulau Pinang, *Penang True Event Calender 2015* juga telah diteruskan pada tahun ini dan ini telah berjaya dijalankan sejak 2009 apabila ia bermula dengan 15 *event* dan pada tahun ini sudah meningkat kepada 140 *event*. Menyedari kerancakan perdagangan yang berlaku ketika musim perayaan maka pada Bulan Ramadhan Jawatankuasa MMK Perdagangan Dama Negeri telah menganjurkan *Program Penang Ramadhan Souq* dan pada kali ini ia akan sekali dijalankan bersama dengan *Ihya Ramadhan*.

Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk mempelbagaikan ekonomi di Negeri Pulau Pinang dengan usaha promosi ke persada antarabangsa dan mempromosikan aktiviti-aktiviti perdagangan. Ini juga adalah dilangsungkan bersama dengan *Asean Economic Community* yang akan dilancarkan pada tahun depan. Kerajaan Negeri dengan perkembangan industri Halal di Pulau Pinang yang menyebabkan potensi yang berkembang pesat yang dianggarkan mencecah 3.0 trilion USD setahun. Merujuk kepada YB. Tanjong Bunga dia kena ikut dia punya untuk meneroka pasaran halal negara melalui *silk road by the sea*. Ini kita akan melihat dengan secara serius kerana setakat ini kita telah mula dengan Wilayah Hernan di mana kita telah berjaya untuk menempatkan beberapa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dat' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sesuaiakah Dato' dok bincang pasal agama. Tak ganggukah?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak ada gangguan kepada Dewan dan saya rasa kalaunya saya rasa tak boleh saya akan minta mereka....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Adakah ini membolehkan kami Yang Berhormat Dato' Speaker di penggal depan kami bawa *placard* macam-macam lagi di depan ini?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nantilah ntuk bantuan sebagai masa perbahasan

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

tetapi ini ini diletak berterusan dalam usul nanti ambil semua pun tak apa.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tumpuan kami di pagi Jumaat ini

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tumpuan ini untuk Ahli Kawasan Batu Maung silakan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Gangguan Dato' Speaker...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak ada gangguan. Nanti saya bagi *chance* nanti saya akan suruh. Pasal itu sudah cukup.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Selepas Wilayah Hernan yang telah kita menerokainya sejak 2009, 2014 juga kita pula dengan Xi Liang Syria di Wilayah Negeri China....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya bagi *fare* sama-sama....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab persoalan ADUN Sungai Dua tentang pelaksanaan projek gelatin di Pulau Pinang. Sebuah syarikat pengeluar gelatin tempatan telah memutuskan untuk membangunkan kilang memproses gelatin di Pulau Pinang dengan sokongan Kerajaan Negeri sejak 2008. Walau bagaimana pun atas sebab-sebab kewangan projek tak dapat dilaksanakan. Pihak Halal Penang telah mengambil alih usaha ini dengan menubuhkan sebuah syarikat bernama PH Gelatin Park Sdn. Bhd. ataupun PHGP bersama pelabur-pelabur tempatan antarabangsa bagi meneruskan projek ini, pada tahun 2011. Rundingan teknikal iaitu, Perunding telah dilantik bagi menyediakan kajian kemungkinan dan *design* tersebut dan permohonan tanah sebesar 8.13 ekar di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang telah diluluskan oleh PDC. Status terkini PHGP berada di tahap perancangan dan reka bentuk arkitek.

Manakala pembinaan kilang akan bermula sebaik sahaja isu-isu perjanjian dan beberapa isu penting tentang pemegang saham diselesaikan dan pihak Halal Penang juga Kerajaan Negeri sedia menerima pelabur-pelabur yang ingin melabur dalam projek ini kerana pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk melepaskan pegangan yang dipegangnya sebagai usaha untuk kita meneruskan projek ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Penjelasan. Saya tertarik dengan isu gelatin halal ini kerana saya bangkitkan isu ini dalam perbahasan yang lepas kerana kita melihat isu gelatin ini merupakan isu yang merangkumi semua masyarakat islam di Negeri Pulau Pinang kerana kita mengalami kekurangan terlampau sedikit yang halal itu sekarang diimport masuk. Jadi saya nak tahu *target* soalan saya *target* berapa *percent* kita nak hasilkan gelatin yang halal bagi kegunaan oleh masyarakat ini. Berapa *percent* kilang boleh siapakan? Jangan lama-lama sangat kalau boleh kita cepatkan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Masalah-masalah yang timbul...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Maung, selepas berlaku adil kepada dua-dua belah pihak. Sila turunkan *placard* semua *placard*. Kena berlaklu adillah, tadi dah bagi *chance* sikit berlaku adil, supaya tidak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A.L Rajaji):**

Dato Speaker, tempat saya memang sempit tak ada tempat.....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Arahan Speaker.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

YB. Dato' Speaker saya sokong supaya turunkan plakad.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Arahan Speaker. Selepas berlaku adil kepada pihak pembangkang. Sudah Ahli Kawasan Batu Maung sambung. Saya rasa sudah berlaku adil kepada pembangkang sudah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Berhubung dengan isu projek gelatin ini, saya ingin sentuh sedikit sebab minat Ahli Berhormat Sungai Dua berhubung dengan projek ini. Setakat ini pengeluaran gelatin halal di dunia adalah hanya 0.2% sahaja. Kurang daripada 1% pengeluaran gelatin halal di dunia dan pihak *market* yang ada ialah lebih kurang 20% daripada kehendak *demand* gelatin di dunia, di kilang ini kita telah *design*, kita telah reka bentuk untuk mengeluarkan daripada 2,000 hingga 3,000 metrik tan setahun dan masalah yang kita sedang hadapi sekarang ialah oleh sebab apabila Kerajaan Negeri mengambil alih pada 2011 dalam usaha untuk mengerakkan pembinaan atau pun *setting up of halal gelatin plant* ini sebagai sebuah Kerajaan kita punya syarat-syarat kita ketat. Oleh yang demikian pihak-pihak pelabur atau *investor* yang bersama-sama kita pada masa sekarang tidak begitu selesa dengan ketatnya syarat-syarat yang diletakkan. Oleh yang demikian kita sedang mencari *investor* untuk mengambil alih pegangan Kerajaan Negeri melalui Halal Penang melalui PDC daripada kita, *so that* bila kalau ada pelabur yang ambil alih dia akan jadi *fully commercial* ....(dengan izin) projek dan bolehlah projek ini diteruskan insyaAllah dan kita sedang melihat beberapa pelabur dalam negeri dan asing.



**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya panjangkan bersama pasaran dengan halal ini ada satu (1) pasaran yang terbesar di dunia. Jikalau pelabur yang ingin masuk pasaran ini adalah pelabur dihadkan mana-mana golongan atau bebas kecuali kalau dia mengikuti syarat-syarat yang tertentu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Pelabur-pelabur bebas, kita menarik pelabur asing Negara China dan Arab dan juga sekarang ini mempunyai satu minat yang tinggi di UK kita menjemput mana-mana pelabur dari Iran dan juga dari Pakistan dan sebagainya. Kita tak ada had golongan-golongan mana yang kita akan benarkan. Ia adalah seperti biasa *condition-condition* biasa, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Ahli Kawasan Batu Maung saya juga nak *recall* balik Yang Berhormat Batu Maung dalam penggal lepas telah bercakap tentang halal *port* dan sebagainya, adakah masalah berterusan atau sudah di....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ya, ini satu soalan yang baik ialah kerana semenjak kita punya penubuhan pada 2009, 2008, Halal Penang. Kita berkonsepkan halal ekosistem di Pulau Pinang termasuk R&D port. Kita dapati *Rotterdam Port* ini cerita lama bertahun-tahun kita dok cakap, *Rotterdam Port* yang mempunyai satu *Halal Port* oleh itu kita menarik Penang Port untuk *Syariah Compliance* dan *Alhamdulillah* 2010 dengan bantuan beberapa syarikat logistik telah berjaya mendapatkan *MS Standard* untuk Penang Port sebagai *Syariah Compliance* dan *Rotterdam Port* ingin bersama-sama dengan Penang Port untuk menjayakan jaringan *Halal Port* ini tapi malangnya Penang Port di bawah Kementerian Pengangkutan dan sebagainya mereka tidak bersedia untuk maju ke hadapan dalam aspek ini dahulunya di bawah Kementerian Pengangkutan pun susah apatah lagi sekarang ini di bawah syarikat yang telah diswastakan. Cukup susah untuk kita dapat memajukan usaha ini kerana di seluruh dunia sekarang di dapati banyak pelabuhan-pelabuhan yang menjurus ke arah *Syariah Compliance Port* ataupun *Halal Port* ini, malangnya *Penang Port* dahulu pun susah sekarang lagi susah untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri .

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, saya nak patah balik, hendak *confirm* dengan gelatin ini. Yang Berhormat Sungai Dua tadi sebut gelatin daripada China ini. Inilah saya hendak *confirm* lepas isu gelatin ini daripada mana?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Jawab soalan Yang Berhormat Sungai Dua. Sungai Dua tanya macam mana projek menubuhkan Syarikat Pengeluaran Gelatin di Pulau Pinang *progress* nya, itu tadi saya cerita itu tentang *progress* penubuhan kilang mengeluarkan halal gelatin di Pulau Pinang di Taman Halal.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Mengawal gelatin halal ini macam mana? Sebab kita tahu gelatin ini daripada tulang, tisu haiwan bagaimana kaedah yang kita letak pada mana?...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Apa Yang Berhormat perlu tahu, Telok Bahang sungguh pun keluarkan sedikit topik, apa topik yang sedang dibincang tadi, nak tanya tentang itu. Itu adalah perkara yang besar yang perlu satu *workshop* untuk kita cerita tentang soalan tadi macam mana nak mengenal pasti dan sebagainya itu memerlukan satu *workshop* setengah hari untuk kita menerangkan bagaimana kualiti ataupun *security control of* gelatin ini, kerana gelatin ini bukan bukan sahaja datang daripada tulang, ia datang juga daripada kulit juga datang daripada rumpai laut datang dari *fish tail, fish skin* daripada sumber-sumber *marine*. Saya minta ini, saya akan jemput Yang Berhormat Telok Bahang untuk hadir satu workshop tentang gelatin *Insyah-Allah*.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan. Terima kasih Yang di-Pertua. Jadi saya fikir dengan adanya peluang *Halal Hub* kita sudah dibinakan jaring ini dan juga tambahan *silk road by the sea* akan dilancarkan di Negeri China. Semua ini ada satu peluang bagi negeri kita supaya kita ambil alih kalau boleh pengurusan *port* supaya kita ada satu *port* dalam jaringan ini dan kembangkan adakah ini diperlukan?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

So tentang Penang Port ini memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita semasa saya ingat tiga (3) tahun yang lepas kita telah mengutus surat kepada Perdana Menteri untuk mengambil bahagian dalam penswastan Penang Port ini termasuk beberapa *Port* besar di dunia yang telah menghantar cadangan kepada Negeri Pulau Pinang, tetapi malangnya pihak Kerajaan Pusat tidak mengendahkan permohonan Kerajaan Negeri untuk mengambil bahagian dalam penswastan *exercised* penswastan ini tapi sekarang sudah lewat kerana *port* ini sudah diswastakan *insyah-Allah* Pilihanraya Umum Ke-14 nanti kalau kita mengambil alih, kita besar kemungkinan boleh mengenal pasti kembali pengswastan *Penang Port* ini *insyah-Allah*.

Dalam Hal Ehwat Pengguna. Menjawab daripada Ahli Kawasan Machang Bubuk dan Paya Terubong tentang GST, memang MMK Pengguna, Hal Ehwat Pengguna adalah dalam usaha untuk kita mengenal pasti apakah bentuk bantuan dan juga sokongan Kerajaan Negeri boleh hulurkan kepada pengguna yang tertekan kuat di bawah masalah *taxation* GST. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan terus menentang undang-undang atau cukai GST ini. Kita juga ada satu usul untuk kita yang akan dibentang di Dewan ini untuk kita mendesak Kerajaan Pusat untuk membatalkan cukai GST.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Batu Maung, pengguna juga *complaint* kenapa tarif air dinaikkan sampai 16% tetapi diberikan *discount* 35% kepada sektor pembinaan? Ini mereka hendak tahu kenapa ada implikasi sebegini, sepatutnya mereka berbentuk komersial begitu banyak diberi kurang *discount* pada hal hari-hari pengguna yang susah hendak minum air ini sebagai keperluan harian dinaikkan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tarif komersial ini, saya rasa Ahli Kawasan Bagan Jermal lebih arif dalam perkara ini. Tarif komersial yang dinaikkan adalah kita menaikkan tarif komersial cukup tinggi daripada tarif *consumer* tetapi kita lihat industri-industri pembinaan di Pulau Pinang selain daripada industri pembuatan ada satu industri yang menjadi *capitalist of growth*....(dengan izin) Pulau Pinang oleh sebab itu kita telah memberi *discount* daripada *commercial rate*, *commercial rate* yang dinaikkan tetapi kalau kita lihat tentang pengguna biasa kita telah meletakkan satu tarif yang tidak akan mengenakan bebanan kepada orang-orang yang berpendapatan rendah yang kecil oleh sebab beberapa, minta Bagan Jermal beberapa had penggunaan yang tidak akan dikenakan kenaikan itu. 35 meter padu yang pertama tidak dikenakan dan kita lihat lebih kurang 70%, 75% pengguna yang tidak akan terlibat dalam kenaikan ini oleh sebab 75% ini menggunakan bawah daripada 35 meter padu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat kalau Yang Berhormat cakap *catalyst* pembangunan, air pun terlibat dalam *catalyst* perniagaan dan ekonomi. Kalau naik tarif air perniagaan yang meniaga macam mana? Pulau Pinang terkenal dengan makanan murah *food heaven food*, *paradise food* so hari bila nak naik air, naik bermacam-macam cukai so telah melibatkan berlaku *tread mark* Pulau Pinang itu hilang.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita memang telah melihat secara teliti perkara-perkara ini dan kita mengambil masa lebih kurang beberapa tahun untuk kita study kenaikan-kenaikkan air ini oleh sebab kita tau yang Pulau Pinang kita nak *maintain* sebagai *the cheapers rate* dengan izin di Malaysia dan kita telah membuat *study* supaya tidak membebankan rakyat dan juga sekaligus juga kita dapat *cover* sikit sebanyak *looses production*, *production cost* air. Selain daripada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih Batu Maung dan Dato' Speaker, tentang kenaikan air ini saya rasa Kerajaan perlu berlaku adil, walaupun tadinya menyatakan bahawa 75% tak kena kenaikan tarif ini tetapi tidak diambil kira pendapatan dan jumlah pengguna untuk setiap bil itu, bil itu dikenakan pada *household* rumah dan ini menjejaskan keluarga yang besar dan ini kalau boleh untuk lebih *equatable*, berlaku adil kepada rakyat biarlah setiap bil itu dia kira atas penggunaan per capital supaya jumlah penggunaan itu diimbangi dengan jumlah pengguna yang menggunakan air itu barulah betul-betul *equatable*.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Memang kita lihat perkara-perkara itu semua, oleh sebab itulah kita menetapkan had *equable* meter air yang tidak akan dikenakan kenaikan dan kita letak had ini menunjukkan 75% daripada pengguna tidak akan terkena dan ini adalah termasuk dengan juga keluarga yang besar dan sebagainya dan hanya 35%, *sorry* 25% sahaja pengguna biasa yang akan dikenakan kenaikan. Tentang....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Kenaikkan air ini, saya juga dalam buat *review* sebenarnya bukan kita suka-suka nak naik air ini pun sebenarnya dapat approval kita *approval* daripada Kementerian Sumber Tenaga juga kita tidak naikkan sesuka hati, *infect* tujuannya adalah untuk kita mengambil kira *conservation of water* satu, ....(dengan izin). Yang kedua untuk keluarga yang besar kita memberi diskaun 8% kepada keluarga yang besar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Pantai Jerejak, Yang Berhormat minta orang bagilah.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Memang dia adakan untuk kita.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dalam segi *board rate*, ini memang kalau keluarga yang mempunyai lapan (8) isi keluarga lebih akan boleh *apply* untuk mendapat diskaun. Dalam persoalan daripada YB. Seri Delima dan Bagan Dalam tentang perkhidmatan bas, subsidi untuk perkhidmatan bas, ini kita sedang dalam mengadakan penelitian dalam kesan GST ini kita dapat melihat apa-apa bantuan yang boleh kita salurkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Batu Maung sekejap....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab juga persoalan Sungai Pinang tentang kenaikan harga barang maka.. (gangguan), nanti saya bagi habis. Memang pun lah daripada usaha MMK Hal Ehwal Pengguna kita telah menubuhkan kumpulan pemantau pengguna dan juga bersama dengan KPDNKK dan juga pihak Kastam kita secara berterusan melihat masalah-masalah yang timbul ini.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Berkaitan dengan air tadi minta penjelasan. Yang orang keluarga ramai buat permohonan boleh dikurangkan. Saya cuma nak dapat maklumat tentang surau, masjid dan rumah ibadat yang lain. Untuk surau, masjid ini memang kita guna air yang banyak lah. Itu lah yang nak tanya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Itu dalam kategori yang berasingan kategori yang berasingan kita caj satu *flat rate* rumah-rumah ibadat *separate rate*. So itu menunjukkan Sungai Acheh tak meneliti akaun-akaun masjid.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Berapa dia punya kadar itu? Kita hendak tahu hari Jumaat ini kita nak tahu Batu Maung.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Kita hendak tahu hari Jumaat ini, kita hendak tahu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat pun tak tahu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Sekarang RM10.00....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang sudah jawab, sudahlah diskaun.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Sekarang ini saya terus kepada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Batu Maung sekejap, diskaun RM10.00 kah *flat rate* RM10.00 Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Diskaun RM10.00.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Diskaun RM10.00 sahaja.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Discoun RM10.00. Dalam pembangunan perkembangan Agama Islam Negeri Pulau Pinang, peruntukkan sebanyak RM57.88 juta yang telah disalurkan kepada Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada tahun 2015 ini berbanding dengan RM25.49 juta sahaja apabila mula kita mengambil-alih Kerajaan iaitu bajet untuk tahun 2008 yang telah

dibangkitkan oleh Pulau Betong tentang *figure* RM57.88 dan juga RM54 juta ini adalah kerana dia punya waran yang telah dikeluarkan setakat ini ialah untuk RM54 juta yang lainnya iaitu program bantuan pendidikan kepada Sekolah Agama Rakyat dan juga Mahad Tahfiz RM1.75 juta bantuan pegawai-pegawai masjid elaun pegawai-pegawai masjid untuk separuh tahun kedua 2015 RM1.26 million dan dua (2) lagi program Ehya Ramadan dan Huffaz belum lagi dikeluarkan waran. Oleh sebab itu ada perbezaan antara RM57.88 juta dengan RM54 juta.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Batu Maung *ok* terima kasih penjelasan, tapi saya merujuk *figure*, kepada *figure* di bawah tajuk yang sama peruntukkan untuk Jabatan Hal Agama Islam kenapa berbeza? Jadi kalau disebut di situ waran yang telah diberikan adalah sekian-sekian banyak lebih *clear* tapi ayat maksud yang sama tetapi *figure* yang berbeza. Itu yang saya tanya.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Terima kasih, terima kasih YB. Pulau Betong. Untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh YB. Telok Ayer Tawar mengadu tentang keadaan surau yang kurang selesa di Dewan Undangan Negeri pada persidangan yang lepas. Saya telah berjanji dalam Dewan ini untuk menyelesaikan masalah dan *Alhamdulillah* ia telah menjadi realiti pada hari ini sebuah surau yang telah dinaik taraf selesa indah dan saya difahamkan surau lama yang seusia dengan bangunan ini selama ini digunakan. Saya tidak pasti sama ada masalah ini pernah dibangkitkan dalam Kerajaan Persidangan Dewan Kerajaan yang lepas. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua serta YB. Dato' Seri SUK dan Dato' PKN yang telah meluluskan peruntukan menambah baik surau di Dewan Undangan ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Batu Maung sedikit cadangan penambahbaikan, memang cantik selesa tetapi kalau boleh almari yang dibelakang itu dikeluarkan kerana itu menghadkan satu saf lagi memang waktu *pick hour* itu memang terlampau ramai orang, kalau boleh dikeluarkan satu (1) almari-almari belakang, itu saya rasa dapat menyelesaikan satu masalah dan menjadikan saf yang lebih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Pertama sekali apa muslimah punya surau kerana almari itu agak besar. Saya pun lepas JKR *design* dan sebagainya setelah mereka mula bila saya lihat memang perkara itu sudah pun ditempah, so tak sempat untuk kita *modified so*, jadi *insya-Allah* saya rasa tak perlu begitu besar almari di belakang terutama sekali surau wanita muslimah yang kecil tambah lagi pula almari yang besar itu telah mengecilkan lagi tempat solat.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian Kerajaan Negeri juga telah mengadakan buat julung kali mengadakan program penerafan Bintang Surau-surau Awam di Pulau Pinang. Mulai 18 September 2014 sehingga 10 Oktober 2014 sebanyak 137 surau telah diaudit oleh Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAIPP, MAIPP, MPPP, MPSP dan juga profesional-profesional perseorangan. Sebanyak enam (6) buah

surau telah berjaya mendapat lima (5) Bintang iaitu lima (5) di Pusat Beli Belah, dua (2) di stesen minyak, dua (2) di hotel dan penyampaian ini telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama. So perkara penarafan bintang ini akan diteruskan dari semasa ke semasa dan kita juga akan melihat surau-surau yang agak tak selesa untuk kita nasihatkan kepada mereka-mereka ini untuk menaiktaraf surau-surau ini.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Batu Maung. Saya menyambut baik usaha untuk mengaudit dan memberi taraf-teraf kepada surau-surau memang amat kita alu-alukan tapi kalau boleh Batu Maung juga mungkin terlepas pandang atau pun telah pun di atasi beberapa hotel-hotel dan restoran-restoran yang tidak menyediakan kemudahan surau, kalau ada pun tak sesuai selain contoh yang dekat dengan Dewan ini pun bila kita nak gunakan rupanya surau itu adalah di sebuah khemah, di kawasan lapang di aras di atas, memang tidak sesuai sangat-sangat dan harap perkara ini dapat diberi teguran dan pihak yang wajib itu ambil usaha untuk membaiki.

#### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Usaha apa ini penarafan bintang ini juga adalah setara *soft approach* iaitu kalau hotel lima (5) bintang tidak dapat surau yang lima (5) bintang dapat satu (1) bintang itu juga satu sebagainya. So ini adalah usaha kita dengan cara lembut untuk kita meminta hotel-hotel *especially* ataupun restoran-restoran untuk menaik taraf surau-surau yang mereka adakan dan kita juga mempamerkan senarai-senarai ini dalam kita punya Muslim *Travel Guide* kita yang telah dilancarkan di Dubai pada tahun lepas. Kita pameran nama-nama hotel-hotel ataupun *outlet* ini yang mempunyai penarafan 5 *star*, 4 *star* dalam usaha untuk menarik mereka membaiki.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Batu Maung. Isu penarafan surau telah saya bangkitkan pada penggal yang lepas. Kebanyakkan surau-surau yang diberikan lima (5) bintang, empat (4) bintang ini adalah di tempat-tempat *commercial*, bermakna Pengurus atau pemilik premis itu mempunyai duit untuk mencantikan supaya pengunjung dapat menggunakan kemudahan yang disediakan. Saya dalam penggal yang lepas ada membawa gambar surau Titi Hights saya kata kecil dan sebagainya. Ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk membaiki surau, kalau YB. Batu Maung mengharap orang kampung di situ atau pun MC di situ untuk membuat, mereka tidak ada duit dan mereka mengharapkan kepada Batu Maung sebagai EXCO untuk membantu mereka, saya tunjuk gambar kepada YB. Batu Maung, dan pagi tadi saya mendapat surat satu lagi mengatakan masih belum buat apa-apa lagi dan kita meminta supaya membantu memperbesarkan surau tersebut dan juga kemudahan bilik air dan sebagainya. Saya minta YB. Batu Maung selain memberi bintang kepada surau-surau yang dibuat oleh pihak lain, memberi bintang juga kepada surau-surau yang dibuat oleh MMK di bawah Batu Maung.

#### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Terima kasih YB. Pulau Betong. Memang ini usaha berterusan. Setiap tahun kita mempunyai peruntukan untuk kita naik taraf surau-surau dan juga masjid-masjid. Ini kita minta supaya surau-surau berkenaan untuk menghubungi Pegawai-pegawai Agama

Daerah dan sebagainya. Boleh juga melalui ADUN, tidak kira ADUN Pembangkang atau ADUN Kerajaan boleh mengutarakan permohonan-permohonan ini.....(gangguan). So, ini kena *formal* oleh sebab dia *procedure* peruntukan dan sebagainya. So, kalau ada *formal request*, kita akan minta pegawai-pegawai daripada JAIPP untuk pergi membuat penelitian dan sebagainya dan untuk mencadangkan supaya peruntukan digunakan untuk menaik taraf.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, YB. Batu Maung. Okey, tak apa. Saya akan majukan surat yang diberikan kepada saya kepada YB. Batu Maung dan minta disegerakan dan disiapkan sebelum sidang Dewan yang akan datang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

InsyaAllah, saya tak boleh janji. Saya kena tengok tahap mana apa ni penambahbaikannya. Kalau dia.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya dah cakap penggal lepas, sesi yang lepas. Tapi kata nak surat *formal* pula. Padahal saya tunjuk gambar di dalam Dewan ini ada bukti dan sebagainya. Tak apa, kalau nak surat saya akan beri surat dan minta selesaikan sebelum sesi yang akan datang.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Peraturan-peraturan kewangan kita kena ada *procedure* nya. *Procedure* nya satu mula dengan surat lepas itu pihak pegawai akan pergi dengan borang untuk *fill up*, *insya-Allah*, saya akan lihat setakat mana kita boleh naik taraf. Selain daripada itu juga, kita juga berusaha untuk konsep wakaf. Konsep wakaf ini, kita tak mahu masyarakat kita sekarang ini sudah lupakan konsep di mana umat Islam yang ingin mewakafkan. Oleh sebab itu, beberapa tempat, beberapa masjid yang ingin menaik taraf karpet, ingin *air cond*, pihak Kerajaan Negeri tidak akan mengeluarkan peruntukan perkara-perkara ini. Tapi kita galakkan supaya masjid-masjid ini mengadakan program-program khas untuk minta jemaah mewakafkan, wakaf tunai atau pun wakaf dengan segi barangan untuk menambahbaikkan surau dan masjid-masjid.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, tadi saya bangun, saya nak tanya soalan yang lima (5) bintang tapi tak sempat beri laluan. Selain daripada itu, baguslah selain dari kita buat penarafan lima (5) bintang untuk surau dan sebagainya dan saya percaya pada agama lain pun dia ada program yang macam itu. Tapi isu dia di sini, selain daripada penarafan yang kita cadangkan itu, yang Kerajaan Negeri cadangkan itu, ada tak program yang mengimarhkan, meramaikan masjid, program dakwah, mengimarhkan masjid, sabar Yang Berhormat, bawa bertenang, bawa bertenang. Tak habis lagi, sikit lagi. So, peruntukan, program, ada atau pun tidak dan sebab apa saya dapati hari ini sahabat saya daripada PAS tak ada. Sebab program pun banyak bagi orang keluar masjid. So, ada tak program mengimarhkan masjid itu.



**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Pertanyaan YB. Telok Bahang ini menunjukkan daripada 2013 sampai sekarang tidak mengikuti perkembangan Agama Islam di Negeri Pulau Pinang. Oleh sebab *core project*, kita punya *core program* yang begini banyak peruntukan yang kita dapat, adalah objektif pertama untuk menarik umat Islam ke masjid sebagai *core project* dan banyak program-program. Saya rasa YB. Telok Bahang mesti tengok *banner-banner* macam-macam. Bulan-bulan Al-Quran. Tiga (3) bulan kita buat program.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Itu program yang *standard*. Maksud saya, program tu dah banyak dari dulu dah ada. Tapi hari ni program kena *modified*. Ada dak program dakwah turun panggil orang mai ke masjid. Yang kita nampak, Yang Berhormat bagitahu saya ada berapa program yang masjid buat, masjid mana dah tambah jemaah. Tolong bagitahu saya tahun lepas 2013, ambil satu masjid tunjukkan kat saya masjid mana dah tambah. ....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti dulu, jangan, jangan. *One by one*.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya boleh bagi statistiknya ....(gangguan). Tanya kat saya dalam ....(gangguan). Masalah dia masalah, YB. Sungai Acheh, YB. Telok Bahang tanya pasai statistik. Tak kan saya nak bohong di sini. Hari ni hari Jumaat pulak dalam Dewan yang mulia pulak ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Sekurang-kurangnya Yang Berhormat boleh beritahu dekat saya, sekurang-kurangnya masjid yang saya pergi, masjid yang selalu Yang Berhormat pergi. Dulu dua saf, la ni lapan saf ....(gangguan). Satu masjid, contoh Yang Berhormat pergi.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dan juga kita telah mengadakan masjid-masjid Madhani. Masjid-masjid Madhani, 10 masjid ini objektif yang pertama ialah untuk menambah jemaah. Kalau kita buat program-program kita ambil 10 masjid ini sebagai model masjid yang mana kita panggilkan masjid-masjid Madhani di Pulau Pinang dan Masjid-masjid Madhani ini terpaksa mesti mengadakan program dan pembangunan agar masjid menjadi satu pusat pembangunan ummah dan ini objektif yang pertama adalah untuk pengimarah masjid, untuk menambah jemaah. ....(gangguan). So, bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh YB. Telok Ayer Tawar tentang jumlah terkini dana wakaf. Rekod menunjukkan sehingga 30 April 2015, kutipan dana wakaf terkumpul adalah RM4,845,676.47. Dana wakaf yang telah digunakan ialah untuk pembelian empat (4) buah bangunan yang berjumlah RM2.3 *million*, saya tak bagi jumlah saya bagi *overall figure*, tiga (3) buah bangunan dalam proses pembelian yang berjumlah RM636,000.00 dan sumbangan kepada NGO-NGO dan pembinaan bangunan-bangunan yang bernilai RM160,000.00. Perbelanjaan lain hasil dari dana wakaf ini termasuk pemberian

sumbangan kepada masjid, sekolah agama, fakir miskin, pembayaran cukai tanah dan pintu, perkhidmatan penilaian, pengurusan harta dan lain-lain adalah sebanyak RM188,000.00.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih YB. Batu Maung yang telah menjawab soalan yang saya utarakan. Kita gembira mendengar bahawa dana wakaf ini dah dapat mengumpul sejumlah RM4.84 juta. Semasa dana wakaf ini diwujudkan masa tu saya duduk dalam Majlis Agama Islam. Tujuan utama dana wakaf ini diwujudkan adalah untuk menambah harta wakaf yang sejak akhir-akhir ini tak ramai yang mewakafkan atau seperti dahulu. Jadi, kalau boleh biarlah dana wakaf ini dapat menetapi matlamat dan tujuan asal ianya ditubuhkan dan bukan untuk tujuan menyelenggara atau pun memberi bantuan kepada masjid-masjid sebab boleh digunakan dana-dana lain dan tidak menambahkan harta wakaf itu untuk masyarakat Islam.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Memang saya setuju dengan cadangan YB. Telok Ayer Tawar. Statistik ini menunjukkan dekat lebih kurang RM3.0 juta daripada RM4.8 juta ini digunakan untuk pembelian bangunan, untuk menambah harta-harta wakaf dan kita akan mengambil cadangan Yang Berhormat tadi supaya dana wakaf ini dikhaskan untuk digunakan untuk penambahan harta-harta wakaf di Negeri Pulau Pinang yang sejak kebelakangan ini tidak begitu banyak orang-orang yang mewakafkan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Dato' Pengerusi. Tadi kalau tak salah saya, saya dengar bahawa Yang Berhormat ada sebut tentang digalakkan orang Islam untuk memberi mewakafkan, mungkin secara barang, karpet, tikar sembahyang dan sebagainya. Saya nak tahu setakat mana dan berapa ramai agaknya yang telah menyahut program wakaf secara begini.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita, ya.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Cuma saya nak dapat maklumat, dulu masa zaman orang tua-tua dulu mereka wakaf tanah ini secara mulut tak berdaftar dan sehingga sekarang ada pembinaan surau, masjid. Jadi sejauh manakah tindakan YB. Batu Maung untuk daftarkan tanah-tanah wakaf yang didaftarkan ini. Kita nak kena segerakan, kita tak mau kalau ikut dari segi hukum adat dalam geran itu masih nama si polan, si polan nanti keluarganya akan menuntut. Jadi sedangkan tempat itu telah dijadikan tempat ibadat. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Masalah yang timbul YB. Sungai Acheh, kalau sudah ada bangunan-bangunan ibadat atau tanah-tanah kubur, itu tidak menjadi masalah. Tapi yang menjadi masalah adalah apabila tanah-tanah yang diduduki oleh kampung dan sebagainya, tapi ada yang tanah-tanah yang kita anggap tanah wakaf tapi ada pihak waris dan sebagainya yang menuntut dan ada tanah-tanah yang telah dijual tapi kemudiannya didapati itu tanah wakaf kerana tidak ada tulisan atau pun tidak ada *documentation*. So, perkara yang pertama tiada masalah iaitu perkara jikalau sudah ada bangunan-bangunan masjid dan surau dan juga tanah-tanah perkuburan. Tapi yang menjadi masalah perundangan sekarang ialah apabila tanah-tanah yang tidak mempunyai *documentation* yang jelas atau pun tidak ada langsung *documentation*. Ini akan menyebabkan banyak kes yang timbul sehingga *federal court* sehingga masuk ke *federal court* dan sebagainya yang telah melibatkan waris atau pun *so call* waris terhadap tanah-tanah ini.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Penjelasan, sikit saja. Jangan sebut perkataan tidak masalah. Dari segi undang-undang, dalam geran masih sebut nama si polan. Kata Ahmad, saya pinjam nama. So kalau ikut undang-undang, adat, keluarga Ahmad, kalau Ahmad meninggal, keluarga Ahmad dia boleh tuntutan, saya bimbang benda ini pernah berlaku. Saya nak ambil contoh untuk rekod kawasan, saya ada surau di Parit Kasa, Jalan Sempadan. Ada bangunan surau di situ dan ada sekolah agama dan nama juga bukan nama pemilik yang telah meninggal lama. Jadi baru ini bila kita minta peruntukan Kerajaan Pusat, kita nak tambah pembaikan maka mereka perlukan kebenaran. Sedangkan pemilik itu telah meninggal. Dia nak kena ambil kuasa dan sebagainya. Saya nak minta YB. Batu Maung jangan anggap perkara itu enteng. Maknanya Batu Maung kena ambil tindakan segera. Dapatkan senarai-senarai tanah wakaf yang wakaf secara mulut yang belum didaftarkan lagi supaya ianya diselaraskan. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya bukan ambil perkara ini enteng. Maksud saya kerana kerajaan mempunyai kuasa untuk pengambilan alih tanah. So, apabila terdapat macam ini pihak Kerajaan Negeri boleh mengambil alih tanah itu dan mendaftarkan. So, itu maksud saya tidak *complicated*. Yang *complicated* ini apabila tak ada dokumen. Atau tak dak *structure* yang jurus kepada wakaf. Sila Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Batu Maung. Saya nak tahu dua (2) perkara. Satu (1), Kampung Binjai yang itu telah pun ada transaksi tetapi ditahan kerana ada difahamkan ia antara tanah wakaf. Saya telah menulis surat kepada pihak Majlis Agama Islam untuk meminta kepastian supaya untuk mengurangkan rasa resah di kalangan masyarakat. Tapi sampai hari ini saya belum dapat pengesahan tentang status tanah tentang Kampung Binjai itu. Jadi, saya rasa YB. Pantai Jerejak *aware* tentang tanah itulah. Kedua saya berharap juga dalam hal kita nak mengumumkan tanah wakaf di Pulau Pinang ini, saya rasa kita perlu bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk mendapatkan dana-dana tertentu bagi membantu kita membangunkan tanah-tanah wakaf supaya mempunyai nilai tinggi dan pulangan balik kepada pewakaf-pewakaf tertentu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tentang Kampung Binjai, memang itu satu masalah yang timbul. Kita telah menasihatkan dua-dua belah pihak untuk ketengahkan kepada mahkamah untuk memutuskan dokumen itu boleh diisytiharkan oleh mahkamah sebagai tanah wakaf kerana dia ada dua (2) geran. Satu (1) geran adalah yang geran lama tulisan tangan yang menunjukkan kata dia wakaf dan sebagainya. So ini saya rasa diperingkat mahkamah sekarang atau pun akan ke mahkamah untuk menentukan status tanah itu tanah wakaf.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya nak minta YB. Batu Maung, Majlis Agama Islam adalah pemegang amanah kepada kesemua tanah wakaf dan mereka yang harus mengambil inisiatif bagi memastikan kesahihan wakaf tanah tersebut.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dan InsyaaAllah kita akan...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Memang penduduk ada bertemu dalam sesi perbincangan, bila tanah wakaf ini dia melibatkan berpuluh-puluh tahun yang lalu, jadi pemaju yang ingin memajukan kita buat *research* tiba-tiba kita tahu itu adalah pernah rekod wakaf, jadi saya ingat proses sedang di ambil oleh pihak EXCO.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau boleh tolong jawab soalan yang saya hantar kepada Majlis Agama Islam itu.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dan satu lagi soalan tentang kerjasama sejak 2008 tidak timbul masalah kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat berhubung dengan agama Islam Negeri Pulau Pinang. Itu adalah memang perkara yang berjalan dan Pihak Menteri dan pihak JAWHAR tidak *double standard* sungguhpun beberapa ministry lain ada *double standard* tapi Alhamdulillah pihak kementerian....(gangguan), bagus apa lagi, kalau nak cakap pasal *double standard* kementerian lain saya rasa satu hari lagi pun tak habis. So di peringkat agama sekarang *Alhamdulillah* kita juga telah mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 beberapa projek besar, so saya mintalah sahabat-sahabat saya di sana untuk berusaha kita minta dua (2), *big project*, Satu (1) adalah Kampus tetap KITAB, Tanah-tanah Wakaf kita minta untuk pihak Kerajaan Pusat masukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Yang kedua adalah Pusat Islam yang kita ingin dirikan di mana kita nak dirikan Komplek Pentadbiran Agama Islam dan juga dengan masjid dan sebagainya seperti mana di dekat Masjid Negara untuk didirikan di dalam George Town dan saya minta supaya Kerajaan Pusat dapat meluluskan dua-dua projek ini dalam Rancangan Malaysia Ke-11 nanti.

Menjawab soalan Yang Berhormat Sungai Dua tentang isu Syiah, saya tak mahu baca sebab masa tidak mengizinkan, memang kita tidak belum tak dapat lagi mengenalpasti. Kita tak *operation* atau operasi cara Syiah ini depa memang *very, very low* dan tak mahu mengaku dan kalau kita bawa ketengah pun diorang tak akan mengaku. So itu saya mintalah pihak Yang terhormat Sungai Dua ataupun mana-mana *information* apa maklumat untuk diberi kepada pihak JAIPP supaya kita dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, minta laluan, saya minta berpatah balik tentang isu wakaf tadi. Saya minta penjelasan daripada Majlis Agama Islam kenapa satu kes di Padang Ibu pemilik tanah berdaftar telah menulis surat untuk mewakafkan tanah dia untuk tujuan masjid, untuk pembesaran kubur, tetapi Pihak Majlis Agama Islam enggan menerima wakafnya, enggan menerima dan mendaftarkan wakafnya atas satu sebab dan mungkin ada sini konflik kepentingan kerana orang yang tak bersetuju adalah duduk dalam Jawatankuasa Majlis Agama Islam. Saya minta diperjelaskan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Insyah-Allah* saya tak dapat jelaskan secara terperinci saya minta Yang Berhormat Telok Ayer Tawar untuk bagi *information* nanti supaya saya dapat menyiasat tengok apakah sebabnya *because* kita sangat-sangat memerlukan penambahan Tanah Wakaf sebab-sebab itulah Majlis Agama Islam sekarang ini sedang dalam proses untuk menubuhkan satu satu (1) badan dalam Majlis Agama Islam untuk *specialist* tentang wakaf ini dan kita akan membuat pengumuman tidak lama lagi.

Tentang Syiah tadi ini, selain daripada maklumat dan juga penguatkuasaan kita, *approach* kita adalah untuk kita apa ni *promote* Ahli Sunnah wa'l-Jama'ah, ini banyak di kalangan kita sungguhpun kita memang Ahli Sunnah wa'l-Jama'ah tapi kita tak begitu faham apa itu Ahli Sunnah wa'l-Jama'ah, pertama sekali kaum-kaum muda dan profesional so mereka terbuka dengan ajaran Syiah sebab itu sejak dua (2) tahun yang lepas kita banyak memfokuskan usaha kita adalah untuk memberi penerangan dan juga pendidikan tentang Ahli Sunnah wa'l-Jama'ah tentang sahabat-sahabat Nabi dan sebagainya supaya apabila ada usaha untuk menerapkan mereka ataupun mengembangkan kefahaman Syiah ini dapat mereka sendiri menolaknya, so sebab itu fokus kita sejak dua (2) tahun ini adalah untuk pendidikan tentang Ahli Sunnah wa'l-Jama'ah konsep Ahli Sunnah wa'l-Jama'ah.

Tentang Masjid, penggunaan dana Masjid bagi pembayaran yuran keahlian saya rasa itu telah saya jawab dan telah saya bagi *detail*, iaitu kita tidak ada tidak ada anak emas kepada Jawatankuasa Kariah, maaf, Persatuan Kariah ka ataupun Persatuan Pegawai-pegawai Masjid dan sebagainya. Persatuan Pegawai-pegawai Masjid ini didirikan di Pusat, di bawah aktiviti Pusat dan di mana juga diberi pengiktirafan oleh pihak JAKIM dan sebagainya so apabila mai di Pulau Pinang, depa nak tubuh di Pulau Pinang kita juga kata okeylah untuk kebajikan Pegawai-pegawai Masjid boleh kita bagi tubuh. Dia orang ini ialah untuk kebajikan pegawai-pegawai tidak ada apa-apa pertembungan dengan Persatuan Kariah. Persatuan Kariah juga adalah satu persatuan satu NGO boleh kata kebajikan juga dia ada program-program *light-light* program. So saya teruskan kepada ..... (gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Dato Speaker, Persatuan Kariah, satu (1) lagi untuk yang untuk masjid?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Persatuan Pegawai-pegawai Masjid.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Persatuan Pegawai-pegawai Masjid yang telah didaftarkan. Yang Kariah daftar tak? .....(gangguan) tak ingat, itu lah tak turun padang, bila pegang EXCO, bila ambil alih kita kena ambil tahu jangan kita dok salah orang lain.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Sungai Aceh saya tak salahkan siapa Sungai Aceh.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Nanti sat bagi peluang kepada , hari jumaat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Jangan tuduh, kalau tak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Dak, saya tak tuduh, saya kata sahaja .....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sabar, sabar hari Jumaat.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Saya sabar lah ini, sebab itu Perai kata apa, saya tak kata apa cuma Dato' Speaker yang saya bimbang ini bila ada wujud dua (2) persatuan, YB. Batu Maung ini ikhlas saya cakap bila wujud dia jadi ada kumpulan masjid ada kumpulan kariah kalau tak salah saya dalam Enakmen Agama atau peraturan Agama Islam dari dulu lagi yang *control* pegawai-pegawai masjid ini di bawah Kariah, Kariahlah yang nak mencadangkan nama-nama Imam, nama Siak, nama Bilal dan dia berkuasa. Kalau ikut dulu pun Kariahlah yang mengatur jadual-jadual Imam, minggu ini siapa jadi Imam, minggu ini siapa baca khutbah, jadi bimbang nanti pihak Kariah Masjid pun kata kami ada kuasa kami telah diiktiraf maka kami juga nak bertindak sendiri maka bertembunglah di situ maka sekali lagi Batu Maung gagal untuk menyatu padukan umat Islam Pulau Pinang.

### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Inilah Sungai Acheh sendiri kata hari Jumaat jangan buat tomahan...(gangguan). Sungai Acheh, Kariah ini ialah Jawatankuasa Kariah, Persatuan Kariah ini saya rasa setahun sekali depa buat program kot. So jangan susah hati. Persatuan Kariah ini macam Yang Berhormat Telok Ayer Tawar bersetuju dengan saya, lama punya Persatuan depa setahun sekali buat program, yang berkuasa Jawatankuasa Kariah, bawah Majlis Agama Islam Jawatankuasa Kariah. Okey Sungai Acheh? Okey.

*All right* untuk menjawab soalan Sungai Dua berhubung dengan sokongan Kerajaan Negeri tentang pemantapan Pengurusan Masjid memang ini menjadi satu tugas dan kewajiban dan juga objektif Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat adalah untuk memantapkan masjid untuk menjadikan masjid sebagai Pusat Pembangunan Ummah dan ini adalah usaha kita buat berterusan dan kita telah mengadakan banyak program-program. Apabila 2012 kita menubuhkan Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang. Ini juga merupakan satu lagi Badan bantu Majlis Agama Islam dan juga portfolio agama untuk kita adakan usaha ini dan banyak kursus-kursus telah diadakan dan selepas ini kita juga akan mengadakan penerapan bintang terhadap akaun-akaun masjid dan kerana kita telah cadangkan supaya Jawatankuasa Kariah Masjid ini mengambil anak-anak Kariah yang mempunyai kemahiran di dalam akaun mengambil masuk sebagai Jawatankuasa dan sebagainya supaya akaun-akaun mereka ini akan dinaikkan taraf menjadi akaun-akaun yang baik untuk kita. Selain daripada itu kita ada program-program tentang Pengurusan Kewangan dan juga Imam dan juga pengurusan Pentadbiran Masjid.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Di antara program-program yang dibuat adalah program Marhabah pada bulan Mac yang lalu. Saya difahamkan program itu besar sambutan tak begitu ramai, cuma saya nak tahu Yang Berhormat Batu Maung berapa kos yang dibelanjakan untuk program Marhabah itu dan saya difahamkan bayaran dibayarkan kepada seorang artis itu dah cukup-cukup tinggi, minta penjelasan YB. Batu Maung. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya tidak mempunyai *figure* nya sekarang oleh sebab ini soalan-soalan yang dibangkitkan ini *figure*. So ini adalah satu program yang dijalankan *back to back* dengan PIHEC tadi, so setiap kali kita ada program *Halal Expo and Conference* kita akan adakan program macam tahun lepas kita adakan program Zikir Hafiz Hamidun di sPICE juga dan kali ini kita ada program yang di Padang Kota di mana kita bawa khas Imam daripada Masjid Shah Alam Syaikh Zaki daripada Masjid Shah Alam dan juga adakan program-program. Program ini adalah *three in one*. Satu (1) kita ada Expo Pengguna, nombor dua (2) kita ada Program Marhabah ini dan yang ketiga kita ada Halal Penang juga bersama-sama dalam program ini jadi kita *share cost*, kita *share cost* sebab itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita sangat mementingkan fakta-fakta *cost* ini, sebab itu kita ada *three in one* supaya kita tidak membazir dan In shaa Allah saya akan memberi *figure* itu kepada Yang Berhormat Pulau Betong.

Tentang menjawab persoalan pembaikan Masjid di Permatang Bogak Alor Megah oleh Yang Berhormat Penaga. Setakat ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui JAIPP mendapati tiada permohonan yang dibuat oleh pihak masjid sepatutnya pihak masjid yang mempunyai masalah kebocoran dan sebagainya hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Agama Daerah supaya Unit Pembangunan akan turun untuk membuat penelitian dan *assessment* untuk diadakan penambahbaikan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Masjid mana itu Yang Berhormat?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Di sini yang di laporkan adalah Masjid Permatang Bogak.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Dan di dalam KADUN Penaga .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ini yang dibangkitkan .....(gangguan). Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Berangan, masjid di dalam bandar dan luar bandar tidak ada kita tidak ada orang kata apa kita tidak ada membezakan, kita *go on need base* iaitu kalau Masjid itu memerlukan bocor, tandas dan sebagainya kita akan membuat pembayaran. Yang Berhormat Penaga juga membangkitkan isu anak Kariah Masjid Bakar Kapur, Penaga yang tidak puas hati dengan pelantikan mesyuarat Jawatankuasanya dan saya telah beberapa kali memberi maklum balas yang telah dibangkitkan oleh Penaga dan tak apa *insya-Allah* sekali lagi saya boleh lagi bangkitkan iaitu untuk makluman Yang Berhormat di antara sebab-sebab calon-calon yang dipilih oleh Mesyuarat Agung, Kariah Bakar Kapur tidak dilantik oleh MAIPP ialah kerana calon-calon yang dipilih telah lanjut usia seumpamanya, iaitu melebihi 65 tahun, jarang berjemaah di masjid, bekas pengerusi adalah seorang dari Sungai Petani, masalah akhlak dan juga tidak menjalankan tugas. Ini adalah di antara sebab-sebab yang disenaraikan, jikalau kerana pihak Majlis Agama Islam mempunyai apa ni kuasa penuh untuk melantik kariah-kariah dan terdapat hanya beberapa Masjid sahaja setelah Mesyuarat Agung diadakan yang pihak Majlis Agama Islam tidak mengikut keputusan Mesyuarat Agung bukan banyak tetapi beberapa masjid sahaja.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Dato' Speaker, berkaitan dengan pemilihan pelantikan pengerusi. Tadi jawapan yang diberi alasan yang sebenarnya yang mana lebih spesifik, saya nak tahu? Berkaitan dengan aduan, sebab mengikut aduan surat yang dihantar pengerusi kariah selepas mesyuarat pemilihan yang dijalankan pada 2013, dikatakan di sini aduan perjalanan mesyuarat, itu tak spesifik, apa yang sebabnya yang apa yang aduan yang begitu serius dan begitu khusus sehingga menangguhkan keputusan senarai jawatankuasa dan melantik orang lain. Itu dari segi pengerusi, dari segi pelantikan setiausaha berlaku juga, padahal setiausaha muda lagi, dan lain-lain. Jadi banyak perkara yang saya timbulkan jadi berkaitan dengan pengerusi dulu saya nak benda ini diselesaikan dan saya nak sebab-sebabnya yang khususnya bagi kes ini.



**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Okey, *insya-Allah* saya akan mengutus surat kepada YB. Penaga untuk bagi *detail* dan kerana kita dapati pelantikan jawatankuasa melalui mesyuarat agung 95% yang kita mengikuti keputusan yang telah diadakan. Kalau nak tengok *interm of figure* ialah 156 masjid daripada 164 masjid yang kita ambil keputusan mesyuarat agung kita lantik, cuma hanya yang kita dapati beberapa masjid saja yang tidak kita ikut secara keseluruhan pelantikan yang kita diedarkan melalui mesyuarat agung.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Kami sedia maklum, tetapi seperti yang saya kata ini kes yang spesifik bagi setiap masjid, dia apabila sayakan spesifik ini mestilah ada spesifik *reason*, sebab-sebab dia, tak boleh cakap secara umum.....(gangguan), saya faham apa yang disebutkan tadi memang menyatakan dengan tatacara saya faham, saya baca,

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

So tadi saya dah kata saya kata *insya-Allah*, saya akan bagi *specific answer*.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

*Please*, lagi satu (1) saya nak tahu sama ada setelah keputusan di buat dan setelah jawatankuasa khas, mengikut surat ini, jawatankuasa khas di bawah majlis akan menjalankan siasatan dan selepas siasatan dibuat adakah perkara ini di umumkan di dalam masjid? Ini pun satu (1) perkara yang menjadi masalah di kawasan saya.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Baik, saya akan bagi secara.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Secara *detail please*, saya minta ya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Berhubung dengan.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

YB Batu Maung saya nak minta laluan sikit... (gangguan) Ayahanda saya minta dulu... (ketawa) pagi-pagi Jumaat.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

YB. Sungai Acheh duduk dulu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Kalau Batu Maung nampak saya dulu ka nampak dia dulu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Saya nampak Bertam dulu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sebab dia badan besar .....(ketawa).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Menyakitkan hati pagi Jumaat. *Ya-Allah*, sat-sat orang ajak sembahyang Jumaat elok dah. Batu Maung tadi saya turut mengikuti pergulungan daripada Yang Berhormat Batu Maung berkenan dengan usia tok-tok imam, Guru-guru Tasmik dan Pengerusi Kariah yang ditetapkan cuma setakat umu 65 tahun. Adakah ini arahan daripada yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang saja atau juga di negeri-negeri lain juga. Sebab bagi pandangan peribadi saya ialah tok imam, guru-guru tasmik ustaz-ustaz ini jikalau 65 tahun bagi saya depa masih kuat depa masih muda kena pula depa ni jenis yang duk mengaji orang mengaji ni Dato' Speaker, Allah, Tuhan kami ni menjanjikan orang mengaji ni depa takkan nyanyuk, depa akan boleh mengajar sampai bila-bila, yang nak nyanyuk ni orang-orang macam kami ni, duk bertengkar-bertengkar sampai satu masa dia nyanyuk lah, tapi dak lagi tak sampai 65 lagi, jadi saya minta kalau benda ini boleh kita longgar kan, sebab ada dua tiga orang guru-guru mengaji datang jumpa saya. Dia kata YB., saya ini baru 65 masih kuat jadi minta supaya diizinkan depa nak mengajar Al-Quran, ilmu ini adalah benda yang bukan jenis kelmarin pi belajar, hari ini mai mengajar jadi saya nak pandangan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ini peraturan 65 ini termaktub dalam peraturan, tetapi banyak, bukan satu (1), dua (2) banyak, tetapi setelah kita meneliti kita membenarkan kerana saya faham apa yang Bertam bangkitkan kerana ustaz-ustaz kita, kita perlu dia orang kerana ilmu mereka dan apa yang ada pada mereka. Memang kita bagi kebenaran setelah kita meneliti orang itu kita benarkan, tetapi pengerusi kariah ini juga kita beri kebenaran kalau ada spesifik kes, tetapi dia bukan kategori ustaz. Kalau dia masih kuat, dia masih boleh bertugas dan sebagainya dan kita tak ada banyak *complain* kita akan benarkan, tetapi kategori ustaz ini memang kita akan bagi kalau kita dapati masih lagi boleh...(gangguan). Tadi Sungai Aceh saya kena berlaku adil...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Saya minta maaf awal, kalau saya sebut dan sapa yang terasa, saya amat setuju lah Dato' Speaker pada pandangan Bertam tadi, yang biarlah orang tua-tua ini, yang mengajilah, ada yang tak mengaji...(ketawa). Jadi eloklah, kita pun kalau peringkat perjawatan pun yang profesional ini, Hakim kah, semuanya dia lagi tua, lagi bertenaga dan lagi berfikiran, contohlah. Soalan, merujuk kepada Masjid Sungai Aceh, di Sungai

Acheh pun begitu juga Dato' Speaker, mesyuarat agung dijalankan dan dipilih secara majoriti tetapi yang menang Seberang Jaya, yang menang tak dipilih.....(gangguan). Saya peringat kepada dia, pasal mereka kata Permatang Pauh Wan Azizah menang dipilih.... (ketawa) contohnya, maknanya yang menang kena pilihlah, demokrasi betul tak? Permatang Pauh Wan Azizah menang, so diisytihar Wan Azizah Parlimen....(gangguan). Nanti sat tak habis lagi, tak jangan, masa itu emas. Jadi saya tanya balik soalan. Yang menang tidak dipilih dan dilantik yang lain, kebetulan yang dilantik dan dipilih juga, yang tak hadir mesyuarat agung, yang keluar daripada mesyuarat agung. Ada pemerhati daripada Pejabat Pentadbir Agama.....(gangguan), sama di mana pun sama, jadi kenapa benda ini berlaku. Selepas itu yang kedua Dato' Speaker, pengerusi yang depa pilih hari itu, sekarang hendak disingkir pula, nak diganti yang baru. Kalau hangpa tak kata... (gangguan) hanpa nak kata apa...(gangguan)

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Hiss”

#### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Jadi Dato' Speaker, dulu Jabatan Agama keluar *circular*, mengadakan mesyuarat agung memilih pemimpin kariah, betul Batu Maung? Sekarang had yang baru ni, tak pakai, tak pakai dah kan? Kalau ikut nak ganti yang Batu Maung ka pihak tertentu pilih kena ada mesyuarat agung semula untuk memilih pengerusi. Adakah selepas ini pelantikan ini tidak perlu dibuat dalam mesyuarat agung. Kalau tak perlu maka sia-sia saja surat pekeliling yang keluar hari itu, terima kasih Dato' Speaker.

#### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Yang Berhormat Sungai Acheh perkara yang dikatakan itu adalah berhubung dengan Masjid kariah Sungai Acheh yang saya ingin menjawab sekarang okey. Iaitu ialah di antara masjid-masjid yang mana kita buat keputusan diperingkat Majlis Agama Islam yang kita tidak mengikut keputusan oleh sebab-sebab yang dinyatakan tadi. So kalau perlu dan *term* dia pun dah *expired* dah *expired* Mac, April 2015, kita *extend* lagi setahun oleh sebab dalam setahun ini kita nak melihat dia punya kaedah-kaedah dia kalau ada *problem* yang dulu punya problem kita nak selesaikan dia punya *condition-condition* dia untuk *insya-Allah* pada pemilihan-pemilihan yang akan datang. So sebab itu saya kata perkara ini kirta akan cuba mengatasi apa-apa *problem* yang telah timbul sebelum ini untuk kita memperbaiki dan untuk diperbetulkan. Okey, menjawab persoalan tanah perkuburan Telok Ayer Tawar iaitu isu tanah .....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

(gangguan audio)...., jawapan yang memuaskan, juga kes -kes bukit-bukit yang digondol itu, kita mula berbahas isu-isu bukit sejak 2000.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Boleh kita *go through the point*? Masa tak mengizinkan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya ada juga menanya tentang isu di mana dakwaan yang dibuat tiada mesyuarat agung dijalankan di Masjid Bakar Kapor pada tahun sudah, soalan itu saya buat dan mendapat jawapan daripada Yang Berhormat mengatakan bahawa Majlis Agama Islam boleh melantik mana-mana anak kariah yang mana pandangan adalah layak atas syor yang dibuat oleh Pegawai Tadbir Agama. Jadi sekiranya betul dakwaan mengatakan bahawa tiada mesyuarat agung dilaksanakan pada tahun sudah, di Masjid Bakar Kapor adakah Batu Maung akan melantik orang baru?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Tidak semudah itu, ....(gangguan), tak- tak keputusannya bukan semudah itu, kalau satu (1) tahun, tak buat mesyuarat agung pun, kita nak ubah orang pun tak boleh kita kena siasat tengok kalau pentadbiran dia tidak mengadakan mesyuarat dan sebagainya. Kita akan ambil tindakan, kalau nak ikut-ikut Masjid Sungai Acheh. Saya nak bangkitkan Masjid Sungai Acheh 10 tahun tidak bentang dan ahli jawatankuasa lama tidak pernah bentang laporan kewangan sejak 10 tahun, baru tindakan-tindakan yang perlu kita ambil tindakan drastik, tetapi kalau setakat setahun kita kena *advise*, kita nasihat, kita kena tunjuk ajar dan sebagainya, tapi itu adalah budi bicara pihak Majlis Agama Islam dan juga Pegawai Agama Daerah. Apabila sampai satu (1) tahap di mana pentadbiran masjid sampai ke satu tahap yang begitu efisien, maka bolehlah cadangan Penaga tadi kita *straight* pada peraturan satu (1) tahun tak buat kita ubah. Apabila semua dah sampai satu tahap *efficiency* yang kita kehendaki itu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Penjelasan sikit. Memang saya faham apa itu enakmen atau tata cara ini budi bicara memang diberi kepada Majlis Agama Islam, tapi bagi saya setiap budi bicara yang hendak dilaksanakan hendaklah dilaksanakan dengan adil. Itu yang penting sebab perkara ini melibatkan masjid, seperti di Bakar Kapor di mana pemilihan dibuat dan saya bentangkan secara *detail* dan apa yang tercatat dalam minit mesyuarat. Pemilihan pengerusi dapat berapa undi yang dilantik gantinya dapat berapa undi ini, semua saya jelaskan supaya dengan tujuan direkodkan dalam hansard dan itulah sebabnya budi bicara walau pun diberi oleh Majlis Agama Islam kita kena berlaku adil.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Batu Maung.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab persoalan Yang Berhormat YB Telok Ayer Tawar berhubung isu tanah perkuburan Tok Yan di Jalan Permatang Kucing di kawasan Telok Ayer Tawar sekitar 70-an Kerajaan Persekutuan telah mengambil tanah di seluruh kampung tersebut yang juga termasuk kawasan perkuburan dijadikan Pengkalan Tentera Udara. Tanah perkuburan itu tidak pernah digunakan oleh kariah untuk tujuan apa-apa pengkebumian jenazah kerana ada beberapa masalah berbangkit, termasuk soal keselamatan yang tidak lagi digunakan dan ia telah dipagar oleh TUDM. Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Daerah Seberang

Perai Utara telah menghantar surat pada 28 Januari 2010 dan 3 Mei 2011 kepada Komander Pangkalan TUDM Butterworth untuk mengguna semula tanah perkuburan tersebut. Walau bagaimanapun permohonan berkenaan tidak mendapat maklum balas positif dari TUDM. Saya berpandangan ia mungkin berkaitan dengan projek pembangunan tanah berkenaan oleh Kerajaan Persekutuan dan mendapat bantahan penduduk sekarang. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk berunding dengan semua pihak yang terbabit bagi mendapatkan kelulusan untuk mengguna semula tanah perkuburan tersebut. Ini juga kita ada pengalaman dengan *Penang International Airport* di mana kita buat *double fencing*, dekat kubur itu kita buat *double fencing* dan pihak *security* boleh jalan *double fencing* itu, *fencing* yang di bawah itu kuncinya dipegang oleh MAB, Macam ini juga kita boleh guna konsep yang sama. Ya, Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Tajuk tanah perkuburan, begini Dato' Speaker, untuk menentukan tanah itu dijadikan sebagai kawasan perkuburan. Siapakah yang berkuasa untuk menentukan, sama ada Majlis Agama, Jabatan Agama atau kariah, sebab sebagai contoh Dato' Speaker, di Masjid Sri Ambangan, Masjid Putih sampai sekarang tidak ada lagi tanah perkuburan dan YB. Pantai Jerejak sudah dua (2), mungkin Pantari Jerejak tengok tanah kubur tidak ada, kariah bertanya siapa menentukan tanah perkuburan pada siapa?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kuasa menentukan tanah perkuburan ini adalah secara bersama. Ada yang dicadangkan oleh kariah di mana pihak jabatan akan membuat siasatan dan mencadangkan kepada Majlis Agama sebelum kita membuat pengambilan alih. Ini adalah secara bersama dan juga pandangan Mufti akan diambil kira tentang tanah-tanah perkuburan ini.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dari segi pengetahuan YB. Batu Maung, Masjid Putih, Sri Ambangan ini sudah adakah tanah kubur? Sebab saya kerap bangkit berkenaan ini, dia ada kroni tanah ini, asal USM ada bagi tanah, dalam geran sudah digazet sebagai tanah perkuburan dan sebagainya. Kalau ianya diwartakan sebagai tanah perkuburan maka kena ada kubur.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau sudah ada pewartaan tanah perkuburan memang mesti ada tanah kubur, tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Kalau sudah ada pewartaan, tetapi tidak ada kata nak buat kubur.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau diwartakan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Kalau diwartakan tetapi tidak buat kubur.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kalau diwartakan, Majlis Agama Islam bersama dengan kariah akan mengusahakan untuk supaya kubur itu wujud di situ, kalau telah didaftarkan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Dato' Speaker, sebagai wakil rakyat kawasan, hendak minta jasa baik Majlis Agama Islam bersama dengan kariah segerakan wujudn kubur itu sebab di situ ramai penduduk. Bila ada kematian kami terpaksa pergi ke kariah Permatang Tok Mat.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Insyallah* saya akan usahakan.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Selepas ini saya tidak akan cakap lagi mengenai perkara ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Menjawab persoalan YB. Telok Bahang tentang Mahkamah Syariah, pihak Peguam Negara telah mengadakan satu (1) taklimat kepada pihak Majlis Agama Islam dan ini adalah untuk mewujudkan *the five tier, five tier*, peringkat Mahkamah Syariah. Setakat ini di mana pihak Majlis Agama sedang berusaha untuk pergi ke *next level*, tetapi di peringkat nasional lagi pihak Peguam Negara masih lagi mengadakan pertemuan dengan Raja-Raja di Negeri-Negeri lain sebelum satu Akta Parlimen yang akan diadakan.

Menjawab persoalan Telok Ayer Tawar berhubung dengan penguatkuasaan Bahagian Sokongan Keluarga, maka perkara ini pun kita ada peraturan, tetapi masalahnya adalah kita telah berbincang dengan PWDC bersama-sama tentang isu ini. Kita juga telah melihat tentang penerangan *education, explanation* kes kepada pengadu-pengadu, kes perceraian ini, supaya menggunakan SPP iaitu tabung yang telah kita ada untuk memberi bantuan kepada isteri-isteri yang menuntut cerai dan tidak dapat nafkah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Batu Maung. Saya hendak tahu tentang *Family Support Decision....* (dengan izin) Bahagian Sokongan Keluarga. Mahkamah Syariah ini amat penting kerana kita umum maklum bahawa bila seorang isteri itu mendapat perceraian, penghakiman untuk sara keluarga dan sebagainya, ramai lelaki atau suami ini lari, bagi alamat salah dan sebagainya dan ini tidak dapat dilaksanakan. Jadi wanita ramai di Pulau Pinang tidak tahu ada khidmat ini dan mereka tidak mampu untuk mencari peguam. Saya harap Majlis Agama Islam dapat meuar-uarkan khidmat ini supaya lebih ramai dapat faedah dari khidmat Bahagian Sokongan Keluarga.

### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Kita memang sudah putuskan baru-baru ini supaya kita mengadakan program-program masyarakat untuk memberi penerangan tentang wujudnya sistem sokongan ini di mana kita ada *fund* sebanyak RM300,000.00 untuk disalurkan sementara waktu sebelum mendapat kutipan daripada suami-suami ini, sebelum dapat perintah mahkamah. Ini sedang dilaksanakan.

Menjawab persoalan Air Itam tentang dua (2) kes, satu (1) adalah kes Nora Teoh ataupun Teoh dan Halimah. Kedua-dua kes ini adalah kes mahkamah yang telah diputuskan. Saya rasa kedua-dua kes ini sungguhpun memang ada terlibat sedikit-sebanyak masalah pentadbiran terutama sekali kes Nora Teoh, terdapat sedikit sebanyak masalah pentadbiran di mana pengislaman Cik Teoh ini tidak begitu kemas dalam segi... (gangguan). Perkara kedua timbul adalah juga *support service*, apabila Cik Teoh ini memeluk Agama Islam maka tidak ada *support* kepada beliau untuk beliau menjadi *practicing* Muslim. Inilah yang menyebabkan kes ini dibawa ke mahkamah dan keluarga Cik Teoh ini berjaya dalam kes ini. Kes Halimah begitu rumit sebab beliau adalah warga Indonesia yang mengaku sebagai orang Islam. Kalau kita warga Malaysia ini senang, kita ada dokumen dan sebagainya. Dia mengaku beragama Islam semasa dia ditangkap dan selepas itu dia mengaku bukan beragama Islam, sebab itulah kes ini berlarutan sehingga ke Mahkamah Persekutuan, dan akhirnya keputusan telah memihak kepada beliau yang beliau bukan beragama Islam.

Menjawab persoalan YB. Telok Ayer Tawar berhubung dengan jenayah syariah, memang kita berusaha untuk memperbaiki keadaan terutama sekali isu-isu moral, isu sosial dan sebagainya untuk kita menambahbaikkan agar masyarakat tidak akan terjebak dalam kes-kes ini dan kita tidak perlu mengambil tindakan. Selain daripada itu juga *education process* adalah perkara yang mustahak. Saya ingin menerapkan konsep *education process* ini dalam bahagian penguatkuasaan *itself*. Penguatkuasaan itu bukan sahaja mereka hendak menguatkuasakan enakmen tetapi mereka juga mesti mempunyai aspek-aspek pendidikan. *Insyah-Allah*.

Isu berkaitan dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Dua. Memang Enakmen Agama Islam hanya boleh dikuatkuasakan ke atas orang-orang yang beragama Islam sahaja. Tetapi walau bagaimanapun, ada undang-undang di bawah Kanun Keseksaan seperti Seksyen 298 dan 298(a) ataupun Akta Hasutan Seksyen 4(1)(c) yang boleh digunakan oleh pihak Polis untuk mengambil tindakan kepada orang-orang bukan beragama Islam yang menyinggung perasaan atau telah *go out of bound* dari segi agama.

Zakat, menjawab persoalan YB. Sungai Aceh, memang kita telah berjaya mengutip kutipan zakat hampir RM80 juta lebih dan kita juga telah mengeluarkan sumbangan zakat kepada asnaf-asnaf. Saya telah menjawab secara *detail* dalam soalan bertulis.

### **Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Penjelasan. Sebut tentang itu, berkaitan dengan pembinaan rumah, perbelanjaan.... (gangguan).

### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ya memang, hakikatnya adalah Sungai Aceh mencadangkan supaya kemasukan elektrik dan air juga dimasukkan bersama dengan itu memang pihak Zakat Pulau Pinang (ZPP) meneliti perkara ini dan akan melaksanakan secara pakej, kalau mereka sudah dapat rumah dari ZPP dan kita juga akan melihat secara pakej, *insya-Allah*.

Sekolah Agama Rakyat, YB. Permatang Berangan dan YB. Sungai Dua membangkitkan tentang sekuriti atau pun keselamatan Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini. Setakat ini kita melihat ini sebagai satu perkara yang mustahak kerana penubuhan Maahad Tahfiz adalah seperti cendawan. Kita melihat dua (2) perkara, satu (1) adalah tentang pentadbiran dan kualiti dan kedua dari segi keselamatan. Sebab itu kita telah menubuhkan satu Majlis Pengetua-pengetua Maahad Tahfiz Pulau Pinang dan kita letakkan semua pengetua-pengetua ini sekali, yang daftar dan yang tidak daftar. Tidak daftar ini kita akan jadikan ianya berdaftar supaya mereka akan duduk semeja dan mengambil pengalaman pengetua-pengetua lain dan kita dapat menyalurkan bantuan. Di samping itu kita dapat memberi tunjuk ajar dan bimbingan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan juga tidak ketinggalan keselamatan. Kita juga tidak akan mengeneppikan aspek-aspek keselamatan iaitu peraturan-peraturan PBT kerana ini adalah untuk keselamatan dan *insya-Allah* ini adalah perkara yang kita sedang memantau. Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebentar Yang Berhormat, saya menunggu mengenai Medan Fair. Saya difahamkan Medan Fair dipertanggungjawabkan kepada YB. Batu Maung dan bukan YB. Pantai Jerejak.

### **Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Medan Fair*. YB. Pulau Betong, saya ingat Yang Berhormat tidak dapat *picture* yang sepeenuh. Satu (1) ialah *Medan Fair* ini sudah pun berjalan bertahun-tahun sejak Kerajaan dahulu. Tetapi apabila kita mengambil alih, konsep dan prinsip Kerajaan Pulau Pinang adalah apabila belanjanya perlu ada pulangan. Kita lihat, apa yang kita belanja di *Medan Fair* tidak mendatangkan hasil kepada pengusaha-pengusaha, nombor satu (1). Kedua, pihak penganjur di Medan itu juga tidak mempunyai satu (1) semangat bekerjasama dengan baik dengan kita. Pada tahun 2012 kalau tidak silap saya, barang-barangan kita sungguhpun *G to G* barang kita *stranded* dekat *airport*. Sungguhpun perkara ini sudah berlaku bertahun-tahun, ia *stranded* di *airport* dan tidak dibenarkan masuk sehingga terpaksa dipulangkan barang-barangan itu dan kita mengalami satu kerugian. Kerajaan Negeri dan juga pengusaha-pengusaha menghadapi kerugian.

Bila datang tahun berikutnya, kita pergi dan cuba berbincang, Dato' SUK pun pergi bersama untuk cuba berbincang tetapi mereka mempunyai masalah dalaman antara Jakarta dan Medan, Gabenor nya dan sebagainya. Ini menyebabkan satu kesulitan yang berlaku. Kita juga berbincang dengan pihak Konsul General Indonesia di sini, iaitu kita kena ada timbal-balik, iaitu program-program kita di sini juga mesti mendapat sambutan dari peniaga-peniaga dan juga persatuan-persatuan perniagaan, *Chamber of Commerce* dari Medan. Tetapi bila di sini mereka dingin sahaja, buat tidak tahu, tidak ada *participation*



dan sebagainya. Tetapi di sana, kita dapat lihat perbelanjaan kita dan usaha kita tidak berbaloi oleh sebab itu kita telah memutuskan dan pihak konsul sendiri tahu keputusan kita yang kita tidak menyertai *Medan Fair* oleh sebab-sebab ini.

Tentang PERDASAMA, saya rasa satu persatuan yang baru, yang baru diberi nafas baru-baru ini, saya rasa mereka agak *excited*, boleh tidak mengapa, mereka boleh pergi, bawa dan kita boleh sokong, tidak ada masalah tetapi penyertaan Kerajaan Negeri sehingga kini, kita telah putuskan untuk tidak menyertai tetapi terpulang kepada tahun depan kita akan lihat bagaimana.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Batu Maung, saya pun hairan macam mana portfolio ini Medan Fair diberikan kepada YB. Batu Maung kerana setahu saya sepatutnya di bawah Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B Dato' Haji Abdul Malik Bin Abdul Kassim):**

Memang bila dalam Kerajaan Negeri kerana perdagangan dalam Negeri adalah termasuk dengan hasil.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih. Pavillion Pulau Pinang ini dibina dengan duit Kerajaan Persekutuan dan diserahkan kepada MPPP untuk menyiapkannya, telah pun siap dan saya difahamkan pada tahun 2013, 2014, 2015, tiga (3) tahun dah tak boleh berbahagian. Yang Berhormat kata seolah-olah pihak Konsul General ini memahani dan tidak ada masalah untuk tidak hadir, setahu saya mereka kecewa sebenarnya, mereka kecewa kerana Penang tidak hadir kerana bangunan Pavillion Penang ini terkenal terletak di kawasan yang cukup strategik. Hari ini dah tiga (3) tahun, di sebalik keceriaan semua tempat tiba-tiba Pulau Pinang tidak hadir kawasan ini gelap itu memberikan pandangan yang negatif kepada Negeri Pulau Pinang sendiri dan ini dan juga mungkin membawa sedikit kemaluan .... (ketawa) kepada ....(gangguan) bukan maksud saya, maksud saya ketidakpuasan hati kepada pihak penganjur kerana tempat itu ada tapi gelap tidak digunakan dan saya difahamkan juga pihak Kerajaan Negeri membiayai, *maintenance* bangunan tersebut dengan kos yang agak tinggi dan tentulah kepada semua usahawan-usahawan di Pulau Pinang ini kecewa, tentulah mereka tidak dapat keuntungan yang banyak, tetapi paling kurang mereka dapat mempromosikan produk-produk mereka di mana lagi mereka nak pergi, lainlah kalau Kerajaan Negeri Pulau Pinang patutnya membawa mereka pergi ke Komboja ke, ke Thailand ke, tempat-tempat lain tak bawa juga so ini dah ada kemudahan tetapi tidak digunakan itulah yang mereka kecewa dengan Batu Maung ini dan saya difahamkan ini pun pihak SUK telah pun bersedia hendak pergi tetapi *last minutes* di *cancel* di batalkan oleh Batu Maung. So benda-benda ini sebenarnya cukup mengecewakan kerana saya tahu saya ada bersama usahawan-usahawan berasa sangat kecewa dengan sikap Batu Maung. Tetapi siapa pun Yang Berhormat jika sekiranya Pulau Pinang tidak berminat lagi untuk mengisi tempat itu, minta diserahkan kepada pihak Persekutuan untuk kami membawa usahawan Pulau Pinang ke sana pula daripada membiarkan premis itu kosong, tak ada cahaya, memberikan dan mendatangkan nama buruk kepada Pulau Pinang ini, biarlah kami mengambil alih untuk mengambil alih untuk meneruskan usaha-usaha yang telah dibuat daripada awal hingga ke hadapan.

**Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B Dato' Haji Abdul Malik Bin Abdul Kassim):**

Sebenarnya untuk membuat keputusan ini, bukanlah keputusan muktamad. Keputusannya kita akan membuat pada setiap tahun. Pada tahun akan datang *insya-Allah* awal tahun bulan depan kita akan membuat keputusan, jikalau kita rasa, kita tidak dapat mengambil bahagian bahagian, maka kita akan membuat *arrangement* kerana PERDASAMA pun datang *last minute*, saya rasa seminggu dua sebelum majlis, sebelum acara itu itupun tidak datang secara *official* masuk dalam surat khabar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Batu Maung, sebab mereka tahu sebenarnya keputusan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri, tetapi *last minute cancel* dan itu yang mereka kecewa dan saya tahu PC itu sebab saya nampak surat khabar yang dibuat. Apapun yang dibuat Batu Maung saya tidak meng *argue* perkara ini demi kelangsungan usahawan kita di Pulau Pinang ini. Dalam bulan Januari kalau Yang Berhormat tidak minat hendak sambung maklumkan kepada kami dan kami akan meneruskan untuk menjaga nama baik Pulau Pinang ini.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B Dato' Haji Abdul Malik Bin Abdul Kassim):**

*Insya-Allah* kalau Kerajaan Negeri tidak berminat hendak pergi saya akan bincang dengan persatuan-persatuan tidak payah bagi dekat *federal*, dengan persatuan-persatuan perniagaan yang mana .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tidak mengapa yang penting adalah jangan biarkan Pavilion Pulau Pinang itu gelap di tengah-tengah keceriaan tempat lain, malu kita.

**Ahli Kawasan Batu Maung ( Y.B Dato' Haji Abdul Malik Bin Abdul Kassim):**

Okey baik terima kasih Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Sudah terima kasih Yang Berhormat Batu Maung, saya minta Yang Amat Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri. Selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya persidangan hari ini 15 Mei 2015 Jumaat dilanjutkan sehingga kesemua urusan mesyuarat selesai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya sokong. Saya sokong, cuma saya minta Padang Kota, kalau boleh kami nak keluar sebentar ke bilik air jangan kata kami tidak setuju kami hendak tunggu sebenarnya jawapan daripada Padang Kota. Permisi keluar sebentar pak.....(ketawa).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong atas cadangan ini, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan masa persidangan hari ini 15 Mei 2015 hari Jumaat dilanjutkan sehingga semua urusan mesyuarat diselesaikan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan "Ya", Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila katakan "Tidak",

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara kita terima, usul dipersetujui. Saya persilakan Padang Kota untuk sesi penggulungan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekali. Izinkan saya untuk membuat atau mengambil bahagian dalam perbahasan dan memberi jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan semasa sesi perbahasan mengikut portfolio yang di Pengeruskan oleh saya. Pertamanya Kerajaan Tempatan. Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mendapat perhatian Tuan Yang Terutama Tun sendiri dan juga ramai ahli-ahli Dewan ini. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada MBPP atas dinaiktarafkan kepada Majlis Bandaraya dan ini bukan sahaja membuka lembaran baru kepada MBPP malah melonjakkan lagi sasaran dan tanggungjawab Majlis Bandaraya ini yang lebih mencabar iaitu dari segi memantapkan lagi pekhidmatan yang sedia ada yang menjuruskan kepada matlamat Kerajaan Negeri *safer, cleaner, greener and healthier Penang*. Dengan pengurusan pentadbiran yang berhemah pro aktif dan inovatif. Dalam usaha murni dalam merealisasikan cadangan rancangan dan strategi MBPP beberapa penekanan akan diberi dan keutamaannya antaranya adalah seperti berikut:

- Pembangunan imej persekitaran dengan meningkatkan tahap kebersihan dan kehijauan secara holistik
- Rangkaian Perhubungan Efektif dan akan diperkukuh dengan peningkatan pengurusan lalu lintas yang lebih baik.
- Pembangunan Bandar Mampan dengan meningkatkan keselamatan awam dan melahirkan warga Negeri Pulau Pinang yang sihat dan cergas.
- Memberi perkhidmatan yang berkualiti serta meningkat kutipan hasil

Ekoran daripada pengisytiharan ini kita mendapati pembayar-pembayar cukai Ahli-ahli Dewan ini juga menaruh harapan dan ekspektasi yang lebih tinggi terhadap MBPP dan menganggap mungkin MBPP ini *only portal, only present* dan dapat menangani segala isu Perbandaran. Kita menyahut cabaran ini tetapi kita perlu sedar bahawa MBPP beroperasi mengikut undang-undang dan juga sumber-sumber yang terhad selari dengan kedudukan sebagai *third tier of our government*. Namun begitu pihak Kerajaan Negeri, saya sebagai EXCO yang bertanggungjawab setia untuk memimpin MBPP untuk menyahut cabaran-cabaran dan mencapai matlamat-matlamat yang saya nyatakan tadi. Kita juga memerlukan penyertaan daripada Ahli-ahli Dewan, agensi-agensi Persekutuan dan Negeri. Sektor-sektor korporat dan swasta, perbadanan-perbadanan bukan Kerajaan, pembayar-pembayar cukai dan rakyat jelata secara amnya untuk sama-sama menjayakan matlamat ini.

Untuk menjawab kepada soalan berhubung dengan tunggakan cukai pintu, saya telah meneliti perkara ini dengan Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan ingin menegaskan bahawa kedua-dua PBT ini memang serius untuk menangani isu tunggakan cukai dan telah mengambil pelbagai tindakan untuk memastikan cukai-cukai yang tertunggak ini dapat dikutip dan hasil daripada usaha ini pada tahun 2014 MPSP berjaya kutip RM26.73 juta, manakala MBPP RM25.99 juta, tetapi, maaf ya, MPSP RM21.64 juta. Tetapi masih ada tunggakan yang dinyatakan dalam ucapan Ketua Pembangkang dan saya telah meneliti bersama dengan MBPP dan telah memberi arahan bahawa bagi pihak-pihak yang mempunyai tunggakan cukai pintu khususnya pihak-pihak yang ada permohonan atau perlu memperbaharui lesen-lesen permohonan ini akan ditimbang tetapi dengan keperluan dan arahan bahawa mereka ini perlu menjelaskan tunggakan ini sebelum permohonan mereka dapat dipertimbangkan dan diluluskan. Di antara pihak yang saya nampak dalam senarai ada pun pemaju-pemaju perumahan dan saya mahu Majlis memastikan pemaju-pemaju yang ada tunggakan perlu menjelaskan tunggakan ini sebelum permohonan mereka diluluskan. Saya percaya dengan tindakan sedemikian tunggakan dapat dikurangkan dalam masa-masa akan datang.

Status hotel tanpa lesen banyak sudah pun diberikan maklumat dan saya percaya ini adalah untuk menjaga imej Negeri Pulau Pinang dari segi sektor pelancongan supaya hotel-hotel di Negeri Pulau Pinang ini dapat beroperasi dengan lesen yang sah. Tindakan penguatkuasaan akan bermula tahun 2016 setelah tamatnya tempoh pemutihan yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha untuk mensahihkan operasi mereka melalui permohonan pelan bangunan.

Untuk menjawab Seri Delima, tender untuk menaik taraf pasar Taman Tun Sardon telah pun tutup pada 6 April 2015 dan kini dalam proses pelantikan kontraktor dan diharapkan hasrat Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya untuk menaikkan taraf pasar dan kompleks makanan akan tercapai. Saya merasakan ini satu prestasi yang amat membanggakan MBPP dan MPSP sepanjang empat (4), lima (5) tahun ini dapat menaik taraf banyak pasar dan kompleks makanan di bawah seliaan mereka dan usaha ini akan diteruskan. Usaha ini telah membawa perubahan yang ketara kepada pengusaha, peniaga dan juga pelanggan-pelanggan. Kita berterima kasihlah kepada beberapa Ahli Majlis pada masa itu Ahli Majlis hari ini sudah jadi Ahli Dewan Undangan yang mengusahakan bersama majlis dan bersama saya juga.

Seterusnya isu penggondolan Bukit Relau telah banyak kali dibangkitkan dan saya ingin menegaskan di sini bahawa Majlis Bandaraya memang serius dalam menangani isu ini di atas lot 11396 dan telah bermesyuarat sebanyak 13 kali sejak 26 Mac 2014 bersama konsultan bersama dengan tuan tanah dan arahan-arahan untuk menjalankan kerja-kerja mitigasi dengan segera di tapak mengikut pelan mitigasi yang telah diluluskan pada 21 April 2014 dan tambahan pula pelan mitigasi tambahan yang diluluskan pada 31 Mac 2015 ini. Syarikat yang berkenaan telah menjalankan kerja-kerja *hydro seeding* itu kaedah penyemburan benih rumput dan juga *close turfing* baru-baru ini pada kawasan-kawasan akses yang terdedah untuk meminimumkan hakisan tanah. Syarikat itu juga diarah oleh Majlis untuk menyelenggarakan kawasan *close turfing*, *parit* dan *kolam enapan* dari semasa ke semasa supaya kesan hakisan dapat dikawal.

Mengenai kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang di Bukit Laksamana ianya merupakan kes yang turut sudah pun diambil tindakan oleh Majlis dan kini dalam proses tindakan mahkamah, maksudnya ianya bukan satu kes yang baru. Dalam perbahasan mengenai isu ini kita mendapati dan mengakui adanya kekurangan dan kelemahan pihak Kerajaan Tempatan dalam menangani isu ini dan sudah sampai masanya tindakan-tindakan yang lebih tegas perlu diambil. Antara satu kelemahan adalah dari segi penalti yang boleh dikenakan dan saya bercadang kepada Kerajaan Negeri untuk meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau pun Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk kaji semula Akta-akta Parit, Bangunan dan Jalan. Akta-akta Perancang Bandar dan Desa supaya penalti dan hukuman boleh ditingkatkan sehingga berjuta-juta ringgit dan tempoh penjara dinaikkan sehingga lima (5) atau 10 tahun supaya ianya menunjukkan ketegasan kita dalam menangani isu ini tambahan pula saya nampaknya sampai masanya meminta arahan baru daripada pihak Kerajaan Negeri untuk membekukan mana-mana permohonan pembangunan dari tuan tanah-tuan tanah untuk tempoh lima (5) hingga 10 tahun sekiranya mereka melanggar dengan menjalankan kerja-kerja tanah tanpa kelulusan, dan tindakan ini dengan tepukan ini saya sedar ada sokongan padu daripada Ahli-ahli Dewan ini dan ini masanya Kerajaan Negeri buat keputusan yang tegas bagi meneruskan ketegasan kita dalam isu ini.

Yang Berhormat KOMTAR telah membangkitkan projek-projek Majlis yang mengalami kelewatan siap dan kita mengakui ini berlaku bukan saja di peringkat Majlis Perbandaran tetapi di lain-lain agensi kerajaan, projek-projek menghadapi kelewatan dan MMK EXCO atau Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah seperti mengarahkan supaya LAD ditingkatkan jumlah dia, LAD setiap hari ditingkat dan juga menyenaraihitamkan dan kontraktor-kontraktor yang gagal atas kegagalan mereka sendiri kalau kegagalan disebabkan masalah-masalah teknikal oleh pihak yang lain mungkin kita

dapat pertimbangkan *expansion of time* dan sebagainya. Jadi cuma saya ingin menyatakan selain dari projek yang dinyatakan oleh YB. KOMTAR, Projek SPICE yang ditunggu-tunggukan juga perlu dilanjutkan tarikh siapnya dari 15 Oktober 2015 sehingga 24 Julai 2016. Itulah satu kemudahan yang kita menantikan-nantikan khususnya oleh sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang dan dengan siapnya SPICE ini tambah satu lagi kemudahan yang amat diperlukan untuk sektor pelancongan ini. Kesemua projek ini dipantau dengan teliti bagi memastikan projek dapat disiapkan. Memang terdapat kelemahan pihak kontraktor juga dan kita berharap juga kontraktor-kontraktor yang diberikan peluang begitu banyak peluang oleh pihak Kerajaan Negeri boleh dapat menambahbaikan prestasi mereka.

Isu Intistitusi untuk warga-warga emas, untuk penukaran kegunaan untuk TADIKA, *Confinement Center, Old Folks Home* dan sebagainya. Saya suka memaklumkan bahawa di bawah pentadbiran MBPP tiada garis panduan khusus untuk pusat penjagaan orang tua. Walau bagaimanapun di bawah Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MBPP telah menetapkan pemajuan rumah orang tua dikelaskan sebagai 'Institusi' yang boleh dibina di dalam zon 'Institusi', 'Perniagaan Am,' 'Pelancongan Am,' 'Kegunaan Kebudayaan dan Pendidikan.' Maksudnya institusi-institusi ini sama ada *Confinement Home, Convalescent Home, Old Folks Home* dan sebagainya boleh dan sudah ada ruang yang begitu cukup, tetapi masalahnya mereka tidak pilih untuk beroperasi dalam zon-zon berkenaan, tetapi pilih untuk beroperasi dalam zon kediaman. Kediaman diwujudkan untuk tujuan kediaman, tetapi pada hari ini ada beratus, sehingga beribu kes-kes di mana perniagaan beroperasi dalam zon kediaman. Kalau itu *we be keep the purpose the having all this zoning*. Kediaman patut untuk tujuan kediaman, bukan tak ada ruang untuk lain-lain sektor untuk beroperasi, memang ada. Zon institusi boleh, perniagaan boleh, pelancongan am boleh, kegunaan-kegunaan kebudayaan boleh, zon pendidikan pun boleh untuk menampung sektor-sektor ini.

Satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jawi berhubung dengan pengurusan kebersihan dan landskap oleh MPSP. Sukacita saya secara ringkas menjawab bahawa pada tahun, sebelum tahun 2013 cuma ada Unit Landskap di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran di MPSP, tetapi pada 1 April 2013 ianya dinaik taraf sebagai satu (1) jabatan bagi memastikan Pentadbiran Pengurusan Pembangunan dan Penyelenggaraan Landskap dapat dijaga dengan lebih baik, tetapi dikekal oleh bilangan kakitangan yang ada iaitu seramai 158 sahaja, tidak ada jawatan tambahan yang boleh diperolehi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) oleh MPSP semasa Jabatan Landskap ini ditubuhkan sehingga sekarang untuk jawatan baru. Oleh itu mereka perlu beroperasi dengan yang ada sekarang dan jabatan ini dipimpin oleh seorang Arkitek Landskap J41 dan bertanggungjawab atas seluruh Seberang Perai iaitu meliputi kawasan sebanyak 738 kilometer persegi. Untuk makluman Dewan MPSP adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang terbesar sekali di Negara ini dari segi kawasan...(ganguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Padang Kota. Terima kasih Padang Kota, jika sekiranya PBA, PDC, Perbadanan Bukit Bendera boleh mengambil kakitangan *contract for service*, kenapa tidak MPPP, MBPP dan juga MPSP mengambil tindakan yang serupa untuk menguatkan lagi pekerjaan ataupun organisasi MPPP dan MPSP.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Pandangan Yang Berhormat boleh dipertimbangkan sebab memang MPSP sejak keputusan untuk mengambil alih semua kerja-kerja pengurusan sisa pepejal telah melantik melebihi 2,000 pekerja di bawah kontrak, jadi saya merasa elok juga MPSP timbang untuk buat lantikan secara kontrak untuk mengisi jawatan-jawatan yang dapat membantu dalam penyampian satu prestasi yang lebih baik.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soo Lip Chee):**

Minta penjelasan daripada Padang Kota....(gangguan).

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Tadi saya minta penjelasan daripada Padang Kota Lama kepada soalan jawapan, yang sebelum ini MPPP atau MPSP mengenai *Zoning Old Folks Home, child care center* tapi YB. Padang Kota kata tidak boleh dibuat tempat kediaman perumahan. Adakah MBPP atau MPSP perancangan *development-development* yang baru projek-projek *housing* yang TADIKA di *development* itu sebab penduduk beli rumah mereka mahu pergi kerja, anak-anak mereka letak di *care centre* dan juga di tamannya, dia senang kalau mahu balik tengok mereka dan bagi warga emas juga sama, kalau kata di tempat perniagaan itu memang tidak begitu sesuai dan saya harap ambillah pembangunan di Singapore, Hong Kong dalam *condominium or apartment* dia bawah ada ruang, dia ada *centre* untuk warga emas, untuk wanita, untuk *youth*, untuk children.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya rasa dasar ini sudah dilaksanakan oleh MPSP sejak dua (2) tahun dahulu di mana tapak untuk kemudahan ini disyaratkan dalam kebenaran merancang ini, tetapi kalau lebih banyak syarat diletakkan ini akan menjadi beban kepada pemaju dan jangan menyalahkan mereka kalau syarat-syarat tambahan membawa kepada peningkatan kos, sebab itulah bebanan terhadap pihak pemaju. Tetapi walau bagaimanapun sudahpun dilaksanakan oleh MPSP dan akan ditimbang oleh MPPP.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soo Lip Chee):**

Minta penjelasan daripada Padang Kota. Soalan saya adalah memang MPSP ada satu seorang arkitek yang berpangkat 41. Soalan yang saya tujui adalah kerana saya rasai arkitek tersebut tidak bertanggungjawab, kurang mampu untuk menanggung jawatan tersebut kerana sikap beliau, sebagai ADUN, Ahli Majlis berikan aduan terhadap isu-isu di bawah bidang beliau, ia tidak mampu menjalankan tugas, bukan masalah kekurangan kakitangan, sikap beliau untuk melaksanakan tugas tersebut.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Perkara ini telah diambil oleh Yang di-Pertua Majlis dan akan ditangani di peringkat Majlis.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada jam 3.00 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.45 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Saya mempersilakan Padang Kota untuk menyambung.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati. Untuk sambung penyertaan saya dalam perbahasan ini, saya menyambung tentang tapak pelupusan di Jelutong di mana pada kali ini minatnya adalah berhubung dengan satu cadangan untuk membina bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Beri laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Belum lagi.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Dan prihatinan terhadap tapak ini sesuai memandangkan ianya digunakan sebagai tapak pelupusan sampah. Makluman terkini berhubung dengan tapak ini, 53 ekar di Jelutong ini telah berhenti menerima sisa pepejal organik dan kini cuma menerima sisa-sisa *construction* dan *demolition waste*. Kerajaan Negeri telah memutus untuk membangunkan kawasan ini dengan pembangunan bercampur dan PDC dilantik sebagai pengurus projek. Sebelum itu pun dilantik Perunding M.E.I Consultants untuk melaksanakan kajian di tapak oleh PDC dan selepas itu PDC telah memanggil satu (1) *request for proposal* pada 12 Mac tahun ini untuk menjemput pembida-pembida untuk memulihkan dan membangunkan tapak ini. RFP ini akan tutup pada 14 September tahun ini dan setakat ini saya dimaklumkan ada lebih kurang 15,16 borang sudah pun di jual tetapi kita cuma dapat pasti sama ada mana-mana pembida masuk untuk menyahut



cabaran pemulihan tapak ini selepas tender ini tutup. Di antara tanggungjawab pembida yang berjaya adalah menyediakan laporan geo-teknikal untuk memastikan tapak ini selamat untuk dibangunkan, menghentikan kebakaran di tapak, menguruskan *leachate* dan gas metana dan melaksanakan *landfill mining* dengan mengitar semula benda-benda yang boleh dikitar semula serta memastikan kerja-kerja yang dilaksanakan tidak menyebabkan pemendapan di muara sungai dan pantai berdekatan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh tentang tadi dibangkitkan bahawa rumah orang tua boleh menggunakan mana-mana zon, tapi saya berasa bahawa kenyataan tersebut sebenarnya telah meringankan tanggungjawab pihak Kerajaan Tempatan yang seharusnya mempunyai jabatan perancangan yang akan merancang kawasan untuk komuniti, kawasan untuk fasiliti-fasiliti seperti rumah orang tua ataupun pusat komuniti. Sewajarnya mana-mana rakyat keluar dari rumah dalam radius 400 meter boleh tiba di kawasan, sebuah pusat komuniti dan rumah orang tua tu buat masa kini bukan perniagaan yang senang dijalankan. Ada banyak cabaran, jadi jika ingin mereka beroperasi di bangunan komersial dengan kadar-kadar komersial, sewa komersial, boleh menjadi sukar bagi mereka. Jadi saya berharap bahawa tanggungjawab jabatan perancangan, pihak PBT dan juga bekerjasama antara PBT dan JPPD dengan kebajikan dieratkan agar keperluan-keperluan komuniti ini dijagai....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penjelasan yang diperlukan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Ini adalah maklum balas kepada apa yang telah dinyatakan. Okey soalan saya, di perbincangan saya juga dibangkitkan bahawa masalah sedia ada di Persiaran Gurney masih belum diselesaikan, ditangani lagi. Ini masalah yang sudah lama berlanjutan dan saya telah memohon agar Kerajaan Negeri sekarang menyahut cabaran untuk menyelesaikan masalah sedia ada di Persiaran Gurney dan punca masalah sedia ada ini adalah kelemahan dalam perancangan bandar kami dan saya berharap bahawa pihak PBT akan memandang berat kelemahan dalam perancangan bandar. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Apakah masalah di Persiaran Gurney? Sila ulangi.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Di Persiaran Gurney, di sepanjang Persiaran Gurney kami lihat, ada lihat tempat-tempat komersial seperti *hawker center*, restoran-restoran dan sebagainya tetapi perancangan, apabila Kerajaan dulu meluluskan kedai-kedai komersial ini, mereka haruslah meneliti sama ada satu tempat letak kereta dan infrastruktur-infrastruktur yang diperlukan bagi sepanjang kedai-kedai komersial ini adalah mencukupi dan oleh kerana tidak mencukupi maka penduduk-penduduk di persekitaran sana, Solok Birch, Solok Concordia dan sebagainya, sekarang tinggal dalam keadaan yang ditenggelami oleh kenderaan-kenderaan luar. Dan kedua lagi, kedua yang lebih penting adalah masalah

perparitan. Di sana ada *low lying land* di mana di kawasan Solok Birch, Solok Concordia sebagainya sentiasa mengalami *flash flood* apabila hujan sedikit sahaja dan sampai sekarang MPPP sendiri telah *admit* kepada saya bahawa mereka tak dapat menangani kerana situasi tanah tersebut dan kedua walaupun ada masalah yang sebegini.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Masa amat bernilai. Yang Berhormat telah mengambil kesempatan ini untuk membawa isu-isu yang baru. Bukan, tak adil kepada Yang Berhormat sendiri sebab isu-isu ini tidak dibangkitkan semasa masa diberikan kepada Yang Berhormat tetapi dibangkitkan pun tak adil kepada saya kalau tak ada jawapan, markah dua (2) akan ditolak dari prestasi saya...(ketawa).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Dato' Speaker, dalam perbahasan.....(gangguan)

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Jelas saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Dalam perbahasan saya ada menyuarakan tiga (3)....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Bagi jawapan kepada apa yang dibangkitkan ambil masa juga. Saya tidak katakan kemudahan-kemudahan orang tua, *convalescent home* boleh ditubuhkan di mana-mana. Saya tidak kata itu. Saya kata di atas zon institusi perniagaan am, pelancongan am, kegunaan, kebudayaan dan pendidikan. Saya tak sebut kediaman sebab kediaman bukan untuk maksud apa-apa jenis selain daripada kediaman. Sebenarnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bercanggah dengan pandangan. Persiaran Gurney sememangnya satu (1) zon kediaman. Termasuk kedai-kedai di hadapan tetapi ditukar guna menjadi kedai kopi, *hawkers center* dan *food court*. Tetapi setelah desakan, ianya dibenarkan untuk *rezoning*. Kalaulah Yang Berhormat memegang kuat kepada itu, sebenarnya bangunan-bangunan itu tidak boleh tukar guna kepada komersial, kita faham dan tidak akan timbul masalah. Sama juga kepada taska ke, rumah orang tua juga, pengusaha-pengusaha juga patut mematuhi prinsip bahawa apabila seseorang membeli sebuah rumah kediaman, dia nak menikmati suasana kediaman dan bukan dicampur aduk dan dicerobohi oleh kegiatan-kegiatan komersial. Tetapi sepanjang ini kita faham Kerajaan pun bertolak ansur. Kalau TASKA ada permintaan, ada garis panduan yang tertentu untuk membolehkan. Sekarang pun kalau kata Seberang Perai dalam perancangan disyaratkan juga. Setiap 200 unit perumahan perlu sediakan kemudahan ini. Ini *respond* pihak Perancang Bandar kepada suasana yang sering berubah, *township planning* dan *town planning* tak boleh statik. Kita faham sebab aktiviti-aktiviti manusia ini berubah-ubah dan ada keperluan yang baru dari semasa ke semasa. Jadi itulah *town planning*, cabaran dia kena mengikuti dan memenuhi....(gangguan), boleh duduk dulu, ini sudah melanggar peraturan. Apabila seorang ahli berucap, yang lain perlu duduk.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Jadi saya berharap Yang Berhormat faham dengan keadaan ini. Oleh kerana ini perkara-perkara yang baru saya sepatutnya tak perlu jawablah.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan, penjelasan bukan baru....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Ingin menumpukan kepada jawapan yang seterusnya.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan, terima kasih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Ingat bahawa jangan mengambil kesempatan bawa isu-isu yang baru. Tak adil untuk semua pihak.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Memang dalam perbahasan saya.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih Yang di-Pertua, soalan saya adalah *dump side* Jelutong yang 53 ekar ini saya setuju kalau dengan syaratlah ia guna sebagai tapak baru untuk Dewan tetapi di kawasan itu ada tambakan baru, selain daripada 50 ekar ini tambakan baru pada pandangan saya adalah lebih kurang 18% tambahan mengikut gambar yang saya dapatlah. Adakah tambakan baru itu termasuk dalam 50 ekar itu atau tambakan baru itu haram atau tidak?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Tambakan baru itu, sebab saya kata tadi walaupun sudah henti menerima sisa pepejal organik, namun sisa-sisa *construction* dan *demolition waste* masih dibenarkan masuk ke Jelutong. Jadi oleh kerana tapak pelupusan kini telah mencapai satu ketinggian yang hampir maksimum dan tidak selamat untuk ditimbun lagi jadi *construction* dan *demolition waste* yang perlu dimasukkan juga di timbus di kawasan-kawasan ke laut, tetapi dalam RFP ini pembida perlu juga mencari satu tapak yang baru sebab sisa organik semua dihantar ke Pulau Burung tetapi *construction* dan *demolition waste* apabila mulanya kerja-kerja *rehabilitation* jelutong, *C&D waste* juga akan ditamatkan. Jadi

pembida ini perlu mencari satu tapak yang baru di sekitar Negeri Pulau Pinang lah sebab kalau di sana kos pengangkutan itu amat mencabarkan. Jadi ini keadaan apabila syarikat kalau ada sebab kita faham memang syarat-syaratnya memang mencabar. Kalau ada pembida yang berjaya, dia bertanggungjawab untuk mencari tapak baru supaya apabila dia mulakan kerja-kerja *rehabilitation*, *C&D waste* ada satu tapak yang baru untuk dihantarkan.

Saya mengalih kepada Pengurusan Lalu Lintas. Di mana, beberapa Yang Berhormat telah membangkitkan *transport master plan*. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mula ini TMP telah menjadi dokumen rasmi Kerajaan Negeri setelah ianya dibentangkan dan diterima pada 12 Mac 2013. Kerajaan Negeri komited dengan pelaksanaan pelan induk pengangkutan yang mana mengambil masa sehingga tahun 2030. Pelan Induk ini adalah satu (1) pelan yang menyeluruh merangkumi semua aspek pengangkutan dan pengurusan lalu lintas termasuk penambahbaikan kepada jaringan jalan raya dan lebuhraya, jaringan pengangkutan awam dan juga assebiliti infrastruktur. Komponen tersebut turut merangkumi menaik taraf pembinaan infrastruktur bagi pengangkutan awam yang mana meliputi jaringan LRT, BRT, KTM, Komuter dan sebagainya. Sepertimana banyak kali saya sebutkan, TMP yang dirangka ini di terima pakai oleh pihak Kerajaan Negeri tetapi apa pula dengan perlaksanaannya? Perlaksanaannya bidang kuasa pelbagai ada terletak di tangan Kerajaan Persekutuan adanya Kerajaan Negeri boleh buat, adanya Pihak Berkuasa Tempatan boleh melakukannya, adanya pula boleh disyaratkan kepada pemaju-pemaju untuk melakukan bahagian-bahagian yang diperlukan.

Tetapi Kerajaan Negeri akhirnya memutuskan kalaulah kita hendak menunggu pihak Kerajaan Pusat melaksanakan cadangan-cadangan yang kita tak pasti bilakah ianya akan dilakukan. Langsung tak ada minat kita pun membentangkan TMP ini kepada SPAD dan memaklumkan kepada Kerajaan Pusat tentang TMP dan kalau boleh diminta melaksanakan apa yang di bawah bidang kuasa Pusat. Akhirnya kita putus kan kita tidak akan menunggu, sebab rakyat pun sudah menunggu janji-janji LRT tak ditunaikan juga, dan kita putus kan mengadakan satu RFB untuk melantik projek *Delivery Partner* supaya melihat bagaimana TMP ini boleh dilaksanakan dengan hasrat bahawa walau pun melibatkan berbilion-bilion ringgit, RM27 bilion yang di luar kemampuan Kerajaan Negeri sama ada model yang digunakan sebelum ini iaitu penukaran di antara tanah tebus guna dengan projek-projek TMP ini. Itulah model yang pernah di pakai di Negeri Pulau Pinang. Jadi kalaulah EDP dilantik kelak ianya mula dibuka pada tahun yang lepas bulan Ogos dan ditutup pada 16 Februari dan sebanyak enam (6) syarikat telah kemukakan pembidaan mereka dan kini kita sudah masuk kepada penilaian yang terakhir. Dijangka senarai pendek boleh keluar, tak semestinya diumumkan pada bulan Jun untuk urusan perundingan secara *details* oleh kerana tempoh keberkesanan RMP ini sehingga bulan September, dijangka pelantikan akan dibuat dalam tempoh ini.

Sepertimana yang di hujahkan tadi Yang Berhormat KOMTAR tentang KTM. KTM di bawah bidang kuasa KTM Komuter yang diharapkan kita akan memainkan peranan untuk meminta KTM mengekalkan perkhidmatan KTM Komuter yang amat penting, saya rasa dari Perak Utara sehingga ke Selatan Kedah yang melalui Negeri Pulau Pinang.

Isu tempat meletak kereta yang sering kita dengar dan pihak MBPP sepanjang masa ini tiga tempat letak kereta bertingkat iaitu di Jalan Hutton, jalan di Lebuhraya Union, di Lebuhraya Victoria telah dibina untuk menyediakan lebih banyak tempat letak kereta di bandaraya ini termasuk menambahkan bilangan petak meletakkan tempat letak kereta semasa kalau ada apa-apa pelebaran jalan ataupun aliran trafik ditukarkan kepada sehalu. MBPP juga meletakkan syarat semasa kebenaran merancang supaya tempat letak kereta perlu disediakan oleh pemohon-pemohon dan wajib disediakan. Mengenai masalah meletak kenderaan berat seperti bas-bas kilang yang banyak kali di bawa ke Dewan yang mulia ini, di mesyuarat MMK Pengurusan Lalu Lintas pun perkara ini pernah dibincangkan. Saya sebut kembalilah apa yang saya katakan tadi.

Majlis Bandaraya cuma *the third tier of our government system*. Banyak kuasa terletak di luar MBPP. Apa yang MBPP boleh buat telah disekat oleh undang-undang dan bidang kuasa. Dalam perkara ini, walau pun begitu MBPP telah mengambil tindakan-tindakan termasuk MPSP pun mengeluarkan kompaun kepada kenderaan berat di bawah perintah pengangkutan jalan tempat letak kereta dan juga Akta Jalan Parit dan juga Bangunan.

Sehingga bagi tempoh Januari 2014 sehingga Mac tahun ini sebanyak 524 kompaun telah dikeluarkan. *Led agency* dalam perkara ini saya percaya adalah SPAD dan JPJ sebab agensi ini mengeluarkan permit kepada kenderaan lori dan bas kilang. Semasa permohonan pemohon perlu menyatakan di mana letaknya tapak untuk meletakkan bas atau van atau lori mereka, sebelum SPAD atau JPJ boleh mengeluarkan permit. Jadi adakah SPAD atau JPJ melakukan pemantauan apabila lori-lori ini sepatutnya simpan di depo, bas kilang sepatutnya simpan di depo diletakkan di merata tempat. Adakah mereka memainkan peranan untuk memastikan pemegang lesen itu, kenderaan komersial itu mematuhi syarat yang telah diletakkan? Ini banyak kali telah di bawa untuk perhatian JPJ, SPAD dan PDRM. Memang penguatkuasaan adalah amat lemah dan oleh itu saya ingin melihatnya dengan satu perpektif yang baru atau buat cadangan yang baru untuk kita lihat kalaulah bas-bas kilang yang memberi perkhidmatan kepada syarikat kilang A, B atau C sama ada kilang A, B atau C kalau ada ruang dalam kilang itu setelah tamat memberi perkhidmatan kepada pekerja-pekerja. Bolehkah bas-bas kilang ini diletakkan dalam halaman kilang tersebut sebab secara langsung atau tidak langsung kilang itu perlu kerja, perlu bas. Jika bas menimbulkan masalah kilang boleh membantu dari segi menyediakan tempat letak kenderaan berat khususnya bas-bas kilang di kilang tersebut.

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya teruskan dengan portfolio tebatan banjir...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huei):**

Minta laluan. Saya ingin memohon pandangan Yang Berhormat sebagai Pengerusi MMK Pengurusan Lalu Lintas sama ada kos kajian bagi terowong bawah laut itu iaitu kos untuk membuat kajian sahaja RM96 juta itu seharusnya diberikan *priority* dalam dengan Konsortium Zenith BUCG, perjanjian bayaran tanah tebus guna di persisiran Gurney. Adakah ia wajib ataupun sesuai untuk diberikan *priority* RM96 juta ini bagi kajian terowong bawah laut lebih tinggi daripada menggunakan wang tersebut sekarang dan ia lebih baik untuk dibuat penambahbaikan jalan raya dan sebagainya. Sekian terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Pulau Tikus, saya rasa perkara ini adalah di bawah seliaan Yang Berhormat Bagan Jermal. Saya memang bukan seorang ahli dalam jawatankuasa teknikal untuk projek-projek mega ini. Saya pun cuma di pertanggungjawabkan untuk TMP dan juga akan pastikan RFP untuk melaksanakan TMP. Walau pun empat (4) projek itu termasuk dalam TMP di mana ia dilaksanakan lebih cepat daripada projek-projek yang lain ataupun cadangan-cadangan yang lain di dalam TMP ini. Itulah kedudukan oleh sebab saya bukan seorang ahli, *detail-detail* dia pun sudahpun dibahaskan kelmarin apabila Yang Berhormat Bagan Jermal memberi butir-butir tentang perkara ini.

Beralih ke tebatan banjir memang Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sedar bahawa kita perlu memastikan infrastruktur dan kemudahan sentiasa dapat dibaik pulih atau dinaiktaraf dan disediakan untuk meningkatkan kualiti hidup dan memberikan keselesaan pada warga Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti JPS, JKR, MBPP, MPSP dan pejabat-pejabat daerah telah menyediakan pelan pencegahan banjir dalam Negeri ini. Saya menganggap ini satu cabaran yang besar memandangkan setelah saya diberikan portfolio ini, kita perlu berhadapan dengan banyak kawasan yang menjadi kawasan-kawasan yang boleh dilanda banjir kilat dan saya percaya semasa Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri pun cabaran itu tidak kurang. Ini kemungkinan lebih banyak tempat dilanda banjir dan projek-projek tebatan banjir memang diperlukan. Oleh itu dalam dua (2) tahun kebelakangan ini memang banyak projek dilaksanakan dibawah portfolio dan MMK Tebatan Banjir. Boleh saya katakan dalam pengalaman dua (2) tahun ini, Daerah SPT (Seberang Perai Tengah) mungkin kerana keadaan geografinya adalah daerah yang paling banyak *hotspot* banjir kilat di negeri ini.

Sejak satu (1) tahun kebelakangan ini memang saya dengan pasukan saya dalam JPS, MPSP dan Pejabat Daerah memberi tumpuan kepada SPT tetapi tidak mengabaikan lain-lain daerah. Baru-baru ini kita mengumumkan empat (4), sebenarnya lima (5) lah kalau masuk kolam tadahan di kawasan Alma, *five high impact project* seperti di kampung Tanah Liat dan Taman Guru. Ini memang kawasan hitam, sering berlakunya banjir kilat dan di Padang Lalang serta kampung Permatang Rawa akan kita melaksanakan projek. Ketiga di Parit Empat, Bukit Tengah, Taman Desa Damai, Jalan Medan Tembikai satu projek yang akan kita laksanakan satu (1) projek serta Taman Mangga dan Jalan Juru yang akan menelan perbelanjaan hampir RM70 juta yang akan dilaksanakan mungkin dalam satu hingga empat tahun mengikut jadual. Selain itu....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

Punca-punca banjir, satu (1) punca banjir, terdapat parit yang besar juga dibina semasa satu pembangunan dibina, tapi parit itu tidak bernama dan tidak ada pemiliknya. Jadi bagaimanakah Kerajaan Negeri hendak membantu supaya parit ini dapat di *maintain*?

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh. Saya akan sampai kepada perkara ini. Selain dari apa yang saya sebutkan di daerah SPT memang di lain-lain kawasan juga dilaksanakan projek-projek yang perlu seperti Sungai Jelutong, Taman Minden Height, walau pun ada kelewatan dan Yang Berhormat Batu Uban pun selalu memantau sebab diserbu oleh penduduk tetapi akhirnya disempurnakan juga di Macalister, Transfer Road dan Jalan Hutton pun kontrak baru ditawarkan dan dijangka akan dilancarkan pada bulan Jun ini. Di Taman Siakap, Seberang Jaya, Taman Seri Jaya dan Taman Sungai Rambai, Padang Lalang dan pasukan dia selalu memantau perkara ini hampir siap, tetapi menunggu bekalan elektrik untuk rumah pam. Parit Monsun di Taman Bagan pun sudah siap, di Bagan Jermal ada kajian dan reka bentuk terperinci. Di Lumba Kuda sudah siap kajian, tengok Yang Berhormat hendak projek atau tidak. Di Jelutong pun reka bentuk terperinci siap. Kita pun menyediakan kajian pelan induk di Daerah SPT, SPS, Barat Daya sudah siap. Butterworth memang sudah ada *master plan* dia bawah JAICA dan dilaksanakan berperingkat-peringkat. Kini JPS Pusat pun baru selesaikan projek di Sungai Muda, sekarang di Sungai Kerian dan di bawah RMKe-11 kita berharap Sungai Pinang pun dapat satu peruntukan yang besar RM450 juta untuk projek tebatan banjir dan bukan tebatan banjir sahaja tetapi diberi gelaran *river of life* sebab selain daripada tebatan banjir kualiti air, pencemaran pun akan ditangani semasa projek dilaksanakan.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Acheh pembahagian bidang kuasa atas perparitan kalau diletak *reserve* jalan ianya akan diselenggara oleh JKR termasuk parit perkampungan baru dan kawasan penempatan semula. Parit Monsun yang bukan untuk tujuan pertanian akan diselenggara oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Parit-parit pertanian adalah di bawah JPS tetapi adanya parit-parit yang tidak bertuan *new category*. Parit-parit yang tidak bertuan ini maksudnya tidak ada orang di bawah bidang kuasa yang mana pun tidak ada orang tahu. Kalau ianya parit monsun saya percaya sudah di bawah tanggungan agensi-agensi. Apa yang kita hadapi masalah adalah di kawasan kampung seperti Sungai Dua pun membangkitkan parit-parit di kampung memang terletak dalam tanah-tanah persendirian.

Memang tidak ada sistem perparitan walau pun begitu ianya di bawah tanggungan atau tanggungjawab Pejabat Daerah yang boleh buat permohonan kepada negeri ataupun Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri untuk peruntukan-peruntukan. Kita baru enam (6) bulan kebelakangan ini meluluskan hampir RM2 juta lebih di kawasan Penanti. Enam (6) bulan lebih kita pun tidak tahu ada pilihan raya kecil. Jadi tidak sangkut-paut dengan pilihan raya kecil tetapi ADUN sering bawa masalah sebab itu memang kawasan yang hitam. SPT termasuk Penanti memang, Machang Bubuk pun kawasan hitam. Oleh itu kita beri tumpuan dan enam (6) bulan kebelakangan ini, hampir RM2 juta lebih disalurkan kepada JPS kepada MPSP kepada Pejabat Daerah pun untuk buat kerja-kerja kecil-kecilan RM30,000.00, RM50,000.00 itu.

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Sikit saja. Kebetulan untuk rekod. Di kawasan ini tempat nama Kampung Transkrian atau sekarang kita panggil baru Kampung Seri Ampangan. Jadi sebelah USM Cawangan Kejuruteraan wujud parit besar, mungkin masa pembinaan hari itu. Jadi memang parit ini siapa pun tidak jaga, cuma saya minta JPS, jasa baik JPS membantu tapi itu pun tidak boleh selalu tidak ada peruntukan khas. Jadi saya minta supaya direkodkan parit sebelah

pagar USM di Kampung Transkrian berhadapan dengan Kampung Transkrian sebab air daripada USM masuk di parit melimpah ke sana, sebab di USM mereka ada satu skim parit besar mesra apa saya lupa apa dia punya teknikal. Ya la. Jadi air pergi ke sana. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya percaya pegawai dari JPS yang ada akan mengambil maklum dan siasat perkara ini.

Dato' Yang di-Pertua memang tebatan banjir adalah satu cabaran yang besar dan saya bercadang melakukan apa yang boleh supaya lebih banyak kawasan boleh dibebaskan daripada ancaman banjir yang serius ataupun ancaman banjir kilat tetapi isu pembangunan yang mungkin dibangkitkan yang menyebabkan banjir di setempat berdekatan dengan projek-projek pembangunan itu akan diketatkan syarat-syarat dan pemantauan. Saya juga mengambil kesempatan ini sebut sedikit tentang pencemaran sungai dan laut yang juga diberikan tanggungjawab ini kepada portfolio ini. Baru-baru ini ada berita baik dan berita tidak baik pun ada. Surat khabar *The Star* pada hari Isnin atau Selasa telah memetik juru cakap dari JAS bahawa sungai yang paling bersih ...(gangguan audio), saya pun tidak berani hendak percaya sebab kita selalu dapat gelaran yang negatif tetapi mengikut indeks bulan Februari daripada *sampling* di stesen-stesen JAS didapati sungai yang paling bersih pada bulan Februari itu adalah Sungai Ara. Sepatutnya itu *up stream* saya percaya *up stream* Sungai Ara di Batu Maung dan di Bayan Lepas tetapi pada keseluruhannya di Negeri Pulau Pinang ada sungai yang di bawah kategori-kategori sungai bersih ada juga di Lembangan Sungai Muda misalnya Sungai Ceper, Sungai Ketil, Sungai Muda, Sungai Pegang, Sungai Sedim boleh dikatakan sungai bersih. Di Empangan Jawi, Sungai Junjung boleh dikatakan bersih. Itu tahun 2014. Tahun ini akan hujung tahun.

JAS akan keluaran setiap bulan saya percaya setiap bulan dan agregitkan satu (1) tahun juga. Empangan Sungai Kluang di Bayan Lepas itu Sungai Ara yang paling bersih, Perai pun ada tapi Sungai Kulim tapi Sungai Kulim pun menyebabkan banjir juga. Di Sungai Pinang pun ada. Sungai Pinang Anak Sungai, Sungai Air Terjun, Sungai Kerian pun ada Sungai Kerian, Sungai Kecil dan Sungai Kerian. Kategori sungai bersih kategori sungai sederhana tercemar. Sungai Jerung, Sungai Karangan, di Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas, Sungai Tiram di Jawi Sungai Machang Bubuk di Juru Sungai Kilang Ubi dan Sungai Pasir. Di Sungai Kluang ini Sungai Relau bukan saja tercemar tetapi baru-baru ini pun berlaku banjir. Di Perai Sungai Jarak, Sungai Keladi, Sungai Perai sendiri Sungai Pinang ada banyak yang sederhana tercemar, Sungai Air Itam, Sungai Dondang, Sungai Pinang sendiri. Di Krian ada juga Sungai Selama yang paling tercemar ada juga. Di Jawi Sungai Jawi, di Juru Sungai Juru dan Sungai Rambai. Di Perai Sungai Kerik dan Sungai Pertama dan di Sungai Pinang, Sungai Jelutong.

Kerajaan Negeri memang memandang serius tentang perkara ini dan satu (1) *task force* pencemaran sungai dan laut Pulau Pinang telah ditubuhkan pada 2014 untuk memantau, merekod, mengenal pasti, mengatasi punca-punca pencemaran sungai dan pantai. *Task Force* ini telah sediakan pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani isu pencemaran sungai dan laut. *Task Force* ini terdiri JPS sebagai urus setia, UPEN Negeri, MBPP, MPSP, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dan Indah Water Consortium. Indah Water Consortium memang dijemput sebab kalau boleh



Sungai Puyu selalu kena pastikan IWK sebagai satu sumber pencemaran kerana pelepasan itu mungkin tidak mematuhi piawaian. Saya ingin memaklumkan bahawa di Batu Feringghi yang kita mulakan *task force* mulakan tumpuan kita JPS dan IWK di Sungai Batu Feringghi di mana dilaporkan pencemaran yang serius sudah diambil tindakan. IWK telah mula menaik taraf stesen itu dan akan menyambung JPS akan membina *out force* sehingga 120 meter ke laut di Sungai Batu Feringghi dan Sungai Emas saya percaya. Dua (2) batang sungai di mana masalah muara di tutup mengikut musim menyebabkan air tidak boleh mengalir keluar. Itu sebab berlakunya pencemaran. Kita boleh lihat dari angka ini Sungai Satu dikatakan bersih tetapi Sungai Satu Batu Feringghi kalau Yang Berhormat Tanjong Bunga tahu saya pun pernah lawat adalah yang saya rasa tercemar sekali, tetapi ianya kata sudah capai kategori I. Setelah kita siasat didapati stesen pengukuran itu di *up stream* di bukit. Jadi jarak sungai itu dua kilometer sahaja. Perbezaan begitu ketara *up stream* boleh capai kelas I *down stream* capai kelas IV atau V. Apabila ia melalui penempatan, kediaman, industri khususnya pusat-pusat penjaja dan sebagainya. Kedai-kedai motosikal yang mencurahkan sisa-sisa minyak, makanan itu perbezaan kualiti apabila sungai mengalir dari bukit ke laut. Jadi itu saja Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan. Saya ucapkan terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Yoon Lip Chee):**

Minta laluan Padang Kota. Saya ada satu soalan minta penjelasan kerana semalam saya ada tanya soalan ini. Soalan ini berkaitan alam sekitar dan juga PBT. Jawapan yang diberi oleh Dewan pada 13 November 2014 merujuk Penyata Rasmi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua. Soalan saya adalah sama ada PBT mempunyai kuasa untuk saman kepada isu-isu ataupun pemilik yang membakar sampah secara terbuka *open burning* (dengan izin). Jawapan yang saya dapat tahun lepas Yang Berhormat juga membagikan pembakaran sampah secara terbuka dan semak-samun. Saya rasa di bawah undang-undang memang kuasa untuk mendakwa terletak di bawah akta atau perintah kualiti alam sekitar dan PBT hanya berperanan sebagai Pegawai Penyiasat bagi kes-kes pembakaran terbuka dan kalau hendak di bawa ke mahkamah ianya memang menjadi tanggungjawab pihak Jabatan Alam Sekitar. Tiada undang-undang kecil di peringkat Majlis yang memperuntukkan kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan dalam kes aktiviti pembakaran sampah secara terbuka. So sama ada jawapan ini kerana bercanggah dengan jawapan yang diberi oleh EXCO Alam Sekitar iaitu Sungai Puyu diberitahu bahawa memang kedua-dua PBT ada kuasa mengeluarkan saman kepada sesiapa yang melakukan pembakaran terbuka atau ...(dengan izin) *Open Burning*. So disini saya nak minta penjelasan sama ada PBT ada atau tiada.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chon Yeow):**

Terima kasih Yang Berhormat Jawi. Saya percaya soalan ini pernah dijawab dalam soalan bertulis. Jadi memandangkan Yang Berhormat kata ada percanggahan, saya pun tak pasti sama ada Sungai Puyu canggah dengan Padang Kota atau Padang Kota canggah dengan Sungai Puyu. Saya akan minta MPSP teliti perkara ini dan akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sebelum mengakhiri dalam Dewan ini saya mewakili kawan-kawan semua meminta pertimbangan Padang Kota supaya apabila kita sampai pada hari-hari perayaan supaya *banner-banner* yang kami pasang itu tidak diturunkan dengan sewenang-wenangnya. Beri kelonggaran kepada kami tempoh yang agak munasabah untuk perayaan sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chon Yeow):**

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong yang mewakili semua Ahli Pembangkang. Pandangan ini akan dipertimbangkan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Minta penjelasan daripada Padang Kota mungkin tadi ada isu berkaitan lalu lintas tapi tak jawab soalan yang saya bangkitkan walau pun itu adalah isu Kerajaan Persekutuan di mana semasa perbahasan saya, saya ada minta kerana pada April 2013 calon daripada Barisan Nasional iaitu Ketua UMNO Negeri Pulau Pinang yang telah membuat sidang akhbar, *press conference* mengatakan bahawa akan bina stesen bas di Pekan Nibong Tebal itu. Tetapi selepas dua (2) tahun saya ditanya oleh penduduk-penduduk di kawasan Nibong Tebal terutamanya masih tidak ada sebarang projek atau pun tindakan. Di sini saya tanya sama ada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan dan sepatutnya bertanggungjawab untuk pembinaan stesen bas itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chon Yeow):**

Terima kasih Yang Berhormat Jawi. Sekali lagi perkara ini saya sedar dan juga pernah melawat tapak sebab Rapid Penang serta pemilik aset syarikat yang memiliki aset Rapid iaitu prasarana memang berminat untuk mendirikan terminal di Pekan Nibong Tebal. Tetapi oleh kerana isu tanah milikan JKP, mungkin JKP pun ada rancangan dia, itu saya tidak pasti. Oleh itu cadangan itu masih belum dapat dilaksanakan. Rapid dan Prasarana sanggup mendirikan terminal kalau tanah disediakan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chon Yeow):**

Saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua dan juga agensi-agensi dibawah portfolio saya termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dibawah MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir. Sumbangan Yang Berhormat-Yang Berhormat adalah amat dihargai. Kalau apa-apa isu yang tertunggak di sini boleh bawa ke Mesyuarat MMK masing-masing.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Mohon sokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya dengan ini menyokong usul ucapan terima kasih yang dibawa oleh Yang Berhormat Pulau Tikus.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Padang Kota dan saya minta persilakan Perai.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya ucapkan terima kasih Dato' Yang di-Pertua atas memberi kebenaran saya untuk gulung perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Dewan ini dan saya akan mempercepatkan penggulungan saya sebab saya rasa masa adalah emas pada hari ini. Jadi saya teruskan Dato' Speaker. Pertama saya merujuk kepada Yang Berhormat Tanjung Bunga yang telah bertanyakan berkenaan rancangan dan peruntukan khas bagi menangani golongan pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran di sekolah terutama yang datang dari keluarga miskin dan kurang mampu. Kerajaan Negeri melalui *Bold Association* telah memberi peruntukan kewangan dan Jawatankuasa MMK Pendidikan untuk membantu *bold* menjalankan program-program *intervensi* yang amat diperlukan oleh kanak-kanak keperluan khas dengan bantuan kewangan daripada MMK Pendidikan program *intervensi bold* telah membawa faedah kepada ratusan kanak-kanak keperluan khas. Setiap tahun peruntukan MMK Pendidikan digunakan kepada 2 program *intervensi* iaitu sejak 2011 iaitu fokus mesrasasi dan bermain, belajar berkembang bersama, Program Fokus ini membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah belajar membaca.

Program ini berasaskan prinsip *intervensi* awal membantu kanak-kanak prasekolah dan darjah 1 dan 2 supaya mereka membaca dengan tepat dan fasih sesuai dengan peringkat umur mereka. Program bermain, belajar, berkembang bersama pula bertujuan memberansangkan perkembangan kemahiran sosial dan komunikasi bagi membantu kanak-kanak yang mempunyai keperluan khas akibat kelambatan dan gangguan perkembangan seperti *Autism* ringan dan masalah pertuturan *Attention Deficit Disorder (ADD)* atau *Attention Deficit Hyperactivity Disorder*. *Programme Bold* dijalankan di beberapa tempat di pusat *bold*, ACS Seberang Jaya, Cangkat Minden, AJK Mak Mandi, AJK Sungai Ara, TADIKA Than Hsiang dan TADIKA Hwa Ten Chee.

Selain daripada *program bold*, program-program lain turut dijalankan oleh badan-badan seperti *Creativity Art, Centre for Creativity Art Therapy*. Program-program yang dijalankan akan dibawa ke bawah MMK Pendidikan adalah secara *informal* dan dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak. Masalah-masalah yang dihadapi di atasi adalah masalah-masalah yang tidak boleh diatasi di sekolah yang *in formal* yang kita ada sekarang. Usaha bagi program-program yang dijalankan tertumpu kepada perkembangan secara kreatif agar proses pembelajaran menjadi sesuatu yang seronok dan memupuk minat dan menggalakkan kanak-kanak meneruskan pembelajaran dalam hidup mereka. Tumpuan saksama turut diberi terhadap pembentukan minda dan ketahanan emosi agar dapat menikmati kehidupan yang seimbang dan sempurna meningkatkan mutu proses

pembelajaran. Program yang dijalankan bukan untuk bertumpu untuk memperdaya kanak-kanak yang mengalami kesukaran pembelajaran tetapi juga untuk melatih tenaga pelajar dan ibu bapa bagi membentuk sebuah komuniti yang bertimbang rasa, cerdik, bebas serta menyumbang kepada pembentukan sebuah masyarakat yang penyayang dan progresif.

Yang Berhormat Tanjung Bunga turut bertanyakan berkenaan potensi peluang pendidikan tinggi bagi kelas menengah serta hab pendidikan di Batu Kawan. Bagi membantu golongan kelas menengah Kerajaan Negeri sentiasa membantu anak-anak muda yang kurang berkemampuan kerana ini bukan sahaja kelas menengah dan kelas bawah. Kerajaan Negeri sentiasa membantu anak-anak muda yang kurang berkemampuan dan tidak mampu membiayai pengajian ke peringkat lebih tinggi. Seperti yang kita maklum termasuk peluang kemasukan ke IPTA dan IPTS kini lebih baik berbanding dahulu dengan adanya bantuan seperti oleh Kerajaan Pusat iaitu PTPTN dan biasiswa-biasiswa Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi bantuan pendaftaran sebanyak RM1,000 untuk pelajar yang berjaya dipilih ke IPTA untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Diploma dan Ijazah. Dengan pemberian ini dapat membantu mengurangkan beban ibu bapa untuk menghantar anak ke universiti atau kolej.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan baru-baru ini, *Penang Future Foundation* dana yang di biayai oleh penderma syarikat swasta untuk menyediakan biasiswa penuh untuk membantu semua pelajar Malaysia yang berbakat dan mengekalkan modal insan. Biasiswa ini dibuka kepada semua rakyat Malaysia walau pun keutamaan secara amnya akan diberikan kepada penduduk Pulau Pinang dan semua pelajar yang ditaja dikehendaki bekerja selama lapan (8) tahun di Pulau Pinang dengan pilihan untuk berkhidmat disektor awam atau pun di sektor swasta. *Penang Future Foundation* merupakan satu lagi usaha ke arah mengekalkan modal insan bukan saja dari Pulau Pinang tetapi juga dari negeri-negeri lain di Malaysia. Malangnya buat masa kini terdapat seramai 400,000 graduan yang sedang yang masih menganggur. Di Malaysia inilah, berita terkini daripada seorang Menteri yang kita dapat dan sejauh mana ini mungkin saya rasa serius juga sama ada bilangan ini adalah mereka dalam proses transaksi mencari kerja atau pun dalam erti katanya betul-betul menganggur sukar dikesan.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta penjelasan Perai. Terima kasih Yang Berhormat Perai. Saya hendak tahu daripada Perai kenapa *Penang Turf Club* yang merupakan penyumbang utama kepada PFF ini tidak melaksanakannya sendiri sebagai ....(tidak jelas). Biasanya yang saya tahu kalau macam *Genting Highland Resort* contohnya, mereka membuat sendiri dan tidak menyerahkan duit itu kepada Kerajaan Negeri Pahang, mereka buat sendiri. Adakah ini kena mengena dengan pembangunan tanah *Penang Turf Club* itu sendiri kenapa kenapa penyumbang-penyumbang lain tidak melibatkan diri dan juga bagi rakyat Pulau Pinang yang beragama Islam tentunya lah jika sumber ini dari *Turf Club* mereka sukar untuk menerima keadaan yang bercanggah. So bagaimanakah langkah-langkah yang diambil oeh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong. Apa yang kita berdebat dalam perbincangan kita mengenai *Penang Future Foundation* adalah pihak *Penang Turf Club* ini mereka tidak ada kepakaran atau kebolehan untuk menguruskan biasiswa ini. Mungkin dia

perlu mungkin Kerajaan Negeri membantu melantik mereka yang mungkin boleh di terima boleh menjalankan aktiviti ini yang tidak ada politikal slot. Jadi memang isu ini juga kita bincang bahawa bagaimana dengan masyarakat Islam. Sebab *Turf Club* ini mungkin dana ini dianggap sebagai haram sebab berkaitan dengan judi dan sebagainya. Oleh kerana dana itu, walau pun berasal bukan sahaja dari *Turf Club* sahaja, tetapi juga mungkin dari agensi-agensi lain saya tidak tahu siapa lagi. Mungkin ini merupakan satu kolektif sumbangan, tapi isu ini dengan masyarakat Islam, jadi sumber mungkin bukan sahaja *Turf Club* mungkin juga salah satu sumber. Jadi saya rasa ini perlu diputuskan sama ada boleh diterima sebagai biasiswa oleh pelajar-pelajar Islam. Ini saya rasa saya tidak boleh menentukan mungkin saya rasa mungkin Yang Berhormat Batu Maung atau pun rakan saya ada sini boleh memberi komen mengenai itu. Tapi saya rasa isu ini adalah semata-mata daripada sumber dari judi ini, jadi saya rasa itu bukan betul, tetapi kita pun tahu ini baru dimulakan dan saya rasa Badan Pengurus pun sudah dilantik jadi ini mungkin boleh jadi isulah.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Teguran saya Yang Berhormat ikhlas supaya sebelum ia melangkah lebih jauh lagi harus diperbetulkan dan mungkin penglibatan Pantai Jerjak dan pihak Mufti sendiri memberi pandangan tentang perjalanan PFF ini kerana ia memberi manfaat kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya dan cuma saya juga hairan kenapa masyarakat Pulau Pinang yang bijak pandai ramai sekali ini, kenapa nak buka kepada seluruh Malaysia, kenapa tak beri penumpuan kepada Pulau Pinang sahaja kerana saya rasa tahap pendidikan ini bukan sahaja di IPTA, IPTS ada yang peringkat Diploma, sijil; dan sebagainya dan mereka ini memerlukan biayaan dan bantuan dari pihak Kerajaan.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong, saya rasa soalan-soalan ini saya rasa boleh diterima boleh dibincang untuk kebaikan rakyat Pulau Pinang, tetapi saya rasa dalam hal biasiswa ini saya rasa kita semua ini orang Malaysia, rakyat Malaysia. Saya sendiri pandangan saya mana-mana mesti dibuka kepada semua rakyat. Walau pun saya rasa keutamaan boleh diberikan kepada Pulau Pinang, sebab rasa kita tak boleh ada satu (1) sikap yang lebih makro lebih Nasional daripada kenegerian. Jadi tapi saya rasa isu ini saya rasa mungkin perlu diambil kira. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Penjelasan, untuk biasiswa. Tahukah Yang Berhormat Perai bahawa biasiswa-biasiswa salah satu (1) syarat biasiswa-biasiswa yang termasuk JPA dan lain telah menetapkan perlu adanya *guarantor* dan *guarantor* tersebut sama ada ibu bapa dan juga saudara mara yang perlu menjadi *guarantor* itu dan jumlah hutang atau jumlah amoun yang perlu dibayar sebagai pampasan adalah sangat tinggi khasnya bagi pelajar-pelajar cemerlang yang pergi ke London atau UK ke luar negeri kadangkala sampai RM600,000 atau RM700,000. So yang boleh menandatangani *guarantor* itu adalah sangat terhad khasnya bagi pelajar-pelajar cemerlang dari keluarga miskin. Adakah Kerajaan Negeri ada macam mana boleh membantu pelajar-pelajar miskin yang tetapi mendapat keputusan yang cemerlang? Mereka boleh pergi ke luar negara untuk belajar dengan adanya *guarantor* sebab sekiranya mereka tak dapat tandatangan perjanjian itu maka mereka tidak dapat pergi ke luar negara. Kerajaan mempertimbangkan perkara ini.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih, Yang Berhormat Machang Bubuk saya rasa kalau Yang Berhormat. Rujuk kepada *Penang Future Foundation* ini bukan pinjaman, ini biasiswa, biasiswa tetapi mungkin saya belum melihat secara *detail*, secara dalam macam mana borang itu, adakah ruang penjamin dan sebagainya. Tetapi ini akan berdasarkan semata-mata kepada keputusan perperiksaan sahaja mungkin ada mekanisme dalaman sahaja, di mana mereka boleh mengawasi pelajar-pelajar sama ada dia betul-betul selepas dia dapat biasiswa ini betul-betul meningkatkan prestasi di universiti atau kolej mana-mana.

Jadi isu ini, isu penjamin, ini saya rasa sama ada pinjaman atau tidak, biasiswa biasanya tidak ada penjamin, misalnya universiti tempatan ini mereka dapat juga bantuan untuk ke peringkat Sarjana dan PHD dalam dan luar negeri, mereka sebenarnya tidak ada pinjaman sebab itu *one off, is one off* bukan terbalikkan. Walau pun selepas saya keluar universiti saya dengar universiti ini akan guna mekanisme lebih ketat supaya mereka pergi ke luar negeri dia mesti dapat PHD atau Master dan kembali ke sini. Kalau mereka tak kembali dengan mendapat PHD atau Master maka mungkin kena bayar balik duit yang telah dibelanja. Saya tidak tahu saya mungkin sudah keluar universiti sudah lama.

## **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan, cakap tentang isu biasiswa saya ingin tanya dua (2) perkara. Satu (1), saya telah lihat laman *facebook* pada hari ini di mana terdapat pengumuman pertamanya Timbalan Menteri Pendidikan tentang pelajar India yang gagal memasuki Universiti akan diberi biasiswa untuk menggalakkan mereka memohon membuat jurusan Diploma di bawah Program Mengubah Destinasi Anak India. Adakah Yang Berhormat sedia maklum sama ada program itu singkatan kata MDAIM itu pertamanya wujud? Itu soalan pertama saya keduanya, kita telah dikejutkan dengan berita dalam satu surat khabar Tamil di mana kononnya dikatakan RM28.8 bilion telah pun diagihkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk digunakan bagi manfaat kaum India dan mungkin juga pemuda kita untuk meneruskan pelajaran mereka. Adakah Yang Berhormat sedia maklum tentang kedua-dua perkara ini sampai ke Kerajaan Negeri atau rakyat bagi tujuan manfaat mereka digunakan? Terima kasih.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Kepada soalan pertama ini saya pun mungkin kurang sedar tentang program yang mereka gunakan untuk membantu pelajar-pelajar India yang kurang yang tak boleh masuk universiti, mungkin ada, mungkin saya minta maaf saya tak ada berita terkini tentang program itu. Kemudian isu ini dibangkit ialah isu peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada masyarakat India yang saya rasa dapat dikeluarkan surat khabar semalam *headlines* ini adalah surat khabar Tamil yang sangat popular nama dia Malaysia Namban kawan kepada Malaysia. Kawan kepada rakyat Malaysia namanya. Ini mungkin lebih kurang *people's paper*. Jadi ini adalah daripada Setiausaha Kementerian Kewangan Tan Sri Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah. Ada satu persidangan akhbar 13 Mei 2015 di mana beliau mengatakan bahawa antara tahun 2012 hingga 2014 Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan RM2.88 bilion kepada masyarakat India. Memang ini Najib yang telah memberikan dana ini kepada masyarakat India sampai ke tidak ke masyarakat India?

Ini dia punya *headline*. jadi saya tidak tahu ini memang mengejutkan saya dana ini besar sekali bagus kalau dana ini betul disampaikan. Saya rasa kita tak ada mungkin kita, tapi saya tidak tahu sebab semalam ada banyak yang telefon sama ada Profesor tahu tentang perkara ini. Saya kata, saya pun tidak tahu tentang perkara ini baru saya tahu mungkin tak apa saya sudah panggil sidang akhbar petang ini memang sudah keluar saya tak tahu dan mungkin saya tanyalah kalau Kerajaan Persekutuan telah bagi RM2.88 bilion ini bermakna lebih kurang RM1.0 bilion satu (1) tahun. Ini satu dana yang besar sekali kepada masyarakat India.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat saya ada soalan sedikit ini perkara soalan susulan saya dan ini adalah perkara serius. RM2.88 bilion itu adalah kalau betul, saya cuma ingin tahu adakah ini benar-benar inisiatif Kerajaan Negeri Persekutuan ataupun cuma setakat sandiwara sahaja atau pun saya risau kalau wang ini seperti lazimnya diserahkan kepada mana-mana parti politik sekarang kita ada macam-macam parti politik kita, kita ada MIC, PPP kita ada MUIP kita Markel Sakti, a,b,c,d,e,f,g entah apa sahajalah. Semuanya yang sokong Barisan Nasional. Kerisauan saya adalah wang ini tidak digunakan manfaat pelajar-pelajar India dan diambil oleh, di *hijack* oleh parti-parti politik dan bagi tujuan politik mereka. Apakah tindakan diambil kerana banyak pelajar India yang bertanya? Di Pulau Pinang apakah wang ini boleh digunakan bagi tujuan manfaat mereka, bagi tujuan pembelajaran? Apakah penjelasan Yang Berhormat?

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima saya sebenarnya saya pun tidak tahu, semalam baru saya tahu bahawa ini cukup besar kalau betul-betul ini sudah sampai masyarakat saya mesti ucap terima kasih kepada Perdana Menteri tetapi saya tak tahu perbelanjaan ini adalah untuk *entrepreneur-entrepreneur* masyarakat India untuk sekolah Tamil, kepada pemuda-pemuda, kepada wanita dan selepas itu lima (5) bahagian dia bagi. So jadi kita tunggu jawapan Yang Berhormat Seri Delima, so jadi kita tanya siapa dana diberikan? Siapa organisasi, sama ada ini diberikan parti-parti politik, ini memang kita tunggu jawapan sebelum buat apa-apa kesimpulan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya sambung.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Dato' Speaker berkenaan hab pendidikan di Batu Kawan Kolej KDU serta Univeristi KDU akan ditubuhkan di atas tanah berluasan 30 ekar di Batu Kawan. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan PDC menjual tanah kepada Paramour Corporation Sdn. Bhd. dan iaitu untuk Syarikat Paramour Property dan Kumpulan Pendidikan KDU. Universiti Kolej KDU akan menawarkan kursus dalam Kejuruteraan, Perakaunan, Perniagaan dan Hospitality, Kulinari dan Pelancongan, Komunikasi dan Sistem Maklumat kesemua kursus akan ditawarkan akan memenuhi industri sedia ada di Pulau Pinang. Selain daripada itu Kerajaan Negeri sedang berusaha membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai hab pendidikan melalui penjualan tanah kepada PKT logistik yang akan

mewujudkan kerjasama dengan HULL Universiti UK akan menawarkan kursus dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, elektronik serta Mekanikal, Pengajian Perniagaan, Perakaunan, Perniagaan, Pengajian Logistik, Sistem Maklumat serta Undang-undang dan pembangunan hab pendidikan ini peluang pendidikan bagi semua golongan di Pulau Pinang.

Seri Delima bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Delima berkenaan tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan janji-janji pemimpin Barisan Nasional yang dikatakan dengan pendidikan, khasnya semasa Pilihanraya Parlimen Permatang Pauh sama ada ini akan ditunaikan atau tidak, saya harap bahawa ini akan ditunaikan. Walaupun mereka kalah di Permatang Pauh, saya harap ini akan ditunaikan khususnya Hospital Seberang Jaya dan kemudian sekolah-sekolah dan sebagainya.

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Delima iaitu gejala penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar yang semakin berleluasa pun diberi perhatian dan ditangani. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat memastikan gejala dadah dikalangan pelajar di negeri ini ditangani.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan. Saya juga lihat bahawa sejak kebelakangan ini Ahli-ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengambil inisiatif baru untuk menangani masalah penyalahgunaan samsu di mana kita lihat kebanyakan yang menggunakan samsu ini adalah terdiri daripada pengguna-pengguna budak-budak sekolah dan pekerja-pekerja khususnya kepada masalah ini meruncing dan merunsingkan di kalangan kaum India. Saya ingin tahu adakah apa-apa peruntukan yang akan disediakan khas bagi kita melancarkan dan menjayakan kempen ini, yang saya lihat sejak kebelakangan ini sedang dilaksanakan dengan hebatnya oleh Ahli-ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai dan juga MBPP, kerana masalah penyalahgunaan samsu ini merupakan satu perkara yang sedang menular dalam masyarakat India. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Minta penjelasan sekira saya memang isu samsu itu wujud tapi saya juga dapati alkohol murah sudah mudah masuk di kawasan kediaman terutama di flat saya juga ada ini juga saya fikir harus diuruskan.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Delima tadi dan Yang Berhormat Tanjong Bunga. Isu alkohol ini yang murah kita panggil nama lain samsu ini tak sentuh kepada alkohol seperti *beer*, *whiskey* dan seperti sebagainya atau *brandy* cuma ini kepada alkohol yang dapat dibuat secara lebih kasar dan kemudian dan harganya begitu rendah sekali, mungkin saya dengar *popularity* botol yang kecil ini hanya RM2 sahaja. Jadi inilah yang jadi isu kepada kita sekarang dan ini saya peminum-peminum ini saya rasa bukan saja masyarakat India, saya rasa sekarang masyarakat pekerja-pekerja Nepal sudah jadi nombor satu (1) dan juga pekerja asing dan sebagainya. Jadi ini merupakan satu isu yang perlu kita ditangani dan saya rasa isu kempen terhadap minuman alkohol yang murah ini adalah memberi satu (1) sejarah terutama di kalangan India daripada 40-an sampai sekarang. Jadi isu ini perlu dikawal dan dikawal supaya dan mungkin saya kita



tidak minta bahawa mereka ini haram, tapi ini perlu kawalan terutama di kedai-kedai runcit yang menjual alkohol ini di tempat-tempat di kawasan yang kita rasa di mana terdapatnya banyak orang yang miskin dan pendapatan mereka sehari adalah cukup alkohol dan ini akan memberi kesan yang begitu buruk dan kita boleh nampak terang-terang di masyarakat kita. Jadi dua (2), tiga (3) Ahli-ahli MPSP telah bermesyuarat dan mereka telah buat satu (1) kempen bukan sahaja di Pulau Pinang di seluruh Negara supaya bagaimana kita akan mengurangkan bagaimana kita akan mengawal alkohol ini yang begitu murah sekali yang dibuat di Malaysia dan kemudian dijual di kedai-kedai runcit di tempat-tempat yang mereka duduk. So satu kempen yang saya rasa kita sokong sebab saya rasa kita tau memang ada banyak kajian yang menunjukkan supaya Dr. Jayabalan dia faham, seorang doktor betapa bahayanya alkohol ini kepada dan mereka siapa-siapa boleh beli, macam Negara ini kalau dia beli apa mesti ada 21 tahun, siapa-siapa boleh beli. Jadi ini lah merupakan satu bahaya kepada masyarakat terutamanya kepada golongan yang miskin dan memang saya terima kasih pada Yang Berhormat Seri Delima dan Yang Berhormat perlu dibendung perlu dikawal supaya mereka dapat satu kehidupan yang lebih selesa dan baik.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan Yang Berhormat, saya nak minta sekali kalau boleh di samping Kerajaan Tempatan MPSP dengan Majlis Bandaraya terlibat dalam buat *checking* dalam samsu ini, begitu juga saya nak mohon *extend* kadar CD atau DVD yang dijual secara haram, filem-filem *gangster* daripada Tamil India ini sebab banyak mempengaruhi budak-budak sekolah. Kalau kita boleh jalan sekali buat program bersama pun saya boleh turut terlibat, sebab saya tengok depa banyak dipengaruhi oleh filem-filem terutamanya. Saya minta sekali lagi supaya kita kena ada kekerapan program memiliki *check* perkara-perkara ini yang merosakkan masyarakat India secara khususnya.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cuma saya nak peringatkanlah kalau minta penjelasan itu biar yang ataupun bawa lagi yang baru nanti Perai kena panjang.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ini berkenaan dengan penjualan tanah ke PKT Logistik, ada syarat-syarat, ada apa-apa syarat yang diletak untuk dia gunakan untuk tubuh tempat pendidik. Kenapa PKT Logistik saya faham dia ini *logistic company logistic*.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Pertama terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang atas apa sokongan kepada kempen ini anti alkohol anti alkohol yang murah. Kemudian soalan daripada Yang Berhormat Batu Uban dengan PKT Logistik mungkin saya pun terperanjat juga apa *logistic* ini berkenaan dengan pendidikan tapi saya memang ada satu perjanjian dengan PKR *logistic* mungkin saya pun dengar Ketua PKT Logistik adalah bekas pelajar Universiti HULL dan baru-baru ini semasa pemergiaan saya ke UK dengan Yang Berhormat Batu Maung memang saya jumpa Naib Canselor Universiti dengan Timbalan-Timbalan Naib Canselor memang kita bincang isu ini pendidikan dan mereka rasa seperti faham mereka ini pendidikan dan mutu ini sangat-sangat penting kepada mereka. Sama ada PKT Logistik

sama ada mungkin macam mana kita boleh kawal kualiti pendidikan so jadi ini on going. Kemungkinan besar hal akan letakkan kampus di sini mungkin dia rasa dalam proses kajianlah jadi PKT ini cuma mungkin dia mengalu-alukan Universiti HULL ini dan mungkin saya rasa apa dia punya perjanjian secara terperinci itu saja.

Saya akan teruskan. Air Itam saya ingin menyentuh isu berkenaan dengan Kolej Universiti Sains Perubatan Alliance atau Alliance University College of Medical Science telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Air Itam ini adalah satu (1) perkembangan yang sangat sedih sebab saya sendiri telah membuka satu (1) fail tentang isu ini sebab beberapa pelajar ibu bapa dan kemudian kakitangan-kakitangan telah datang berjumpa dengan saya beberapa kali dan isu adalah kolej ini yang telah diasaskan seorang pakar pembedahan Dato' Zainuddin Muhamad Wazir ini seorang pakar, tetapi apabila dia tubuhkan universiti ini dan dapat sambutan yang baik sekali di Kepala Batas di Pulau Pinang. Saya pun tidak faham kolej ini jadi muflis dan kita pun dengar bahawa Dato' Dr. Zainuddin ini telah melabur RM156 juta di Trandbark di London untuk buat lagi satu kolej jadi pertanyaan sama saya ialah bagaimana Kementerian Pendidikan boleh membenarkan sebuah universiti syarikat yang menguruskan universiti ini biarkan begitu saja sampai ke situasi di mana lebih kurang 2,000 pelajar adalah pelajar-pelajar perubatan dan saya rasa 500 kakitangan univeristi, 50 adalah kakitangan daripada luar Negeri Pakistan, India, begitu saja kolej ini tutup begitu saja dan memang intervensi daripada Kementerian Pendidikan ada cuma untuk menempatkan pelajar-pelajar perubatan saja di kolej-kolej yang lain.

Pelajar-pelajar lain macam mana saya pun tidak tau tapi apa yang sedih ialah mereka yang sudah pinjam untuk kereta, untuk rumah ada macam-macam memang mereka datang saya bagi sidang akhbar kepada mereka bagaimana. Cuma saya tanya, kalau di Australia memang ada saya masih ingat Bond university muflis tapi Kementerian Pendidikan dia boleh menyelamatkan situasitapi kita proses dia tak ada sini macam AUCMS tidak ada siapapun yang menyelamatkan universiti ini, menyelamatkan pelajar-pelajar menyelamatkan kakitangan jadi mereka ini hanyut sekarang. Jadi dia datang mungkin 50 laporan polis telah dibuat mereka sudah mengadu kepada Jabatan Sumber Manusia dan sebagainya. Sampai saat ini tidak ada apa-apa penyelesaian kepada mereka jadi inilah isu yang saya rasa agak sedih bahawa mereka tidak ada alternatif. Mereka yang datang kata, makan pun susah saya ingat mungkin Yang Berhormat Telok Ayer *you* pun rasa sini itulah saya rasa sangat-sangat sedih. Ini berlaku di Pulau Pinang dan tidak ada satu penyelesaian kepada kolej dan kakitangannya.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan Yang Berhormat, saya tahu Dr. Zainuddin Wazir ini adalah seorang *cardiologist* yang terkenal dulu berkhidmat di Hospital *cardiologist* di Hospital Pulau Pinang. Soalan saya ringkas saja. Di manakah beliau sekarang dan apakah tindakan susulan yang akan diambil sama ada oleh Kerajaan Negeri atau Kementerian untuk kita membela murid-murid atau pun pelajar-pelajar yang belajar di situ. Bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan adakah beliau berada di tanah air ataupun telah pun ke luar Negara. Terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima Kasih Yang Berhormat Seri Delima, saya sebenarnya pun tak pasti mana dia ada yang katakan dia ada berada di UK, dan yang katakan dia memang dia ada sini saya pun tidak tahu mana dia ada sekarang. Jadi isu adalah bahawa 450 kakitangan yang menderita sekarang.

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta penjelasan. Terima kasih Perai, kalau tak salah saya berita tentang AUCMS keluar dalam televisyen dan akhbar dan menjadi perkara yang cukup gah lagi di Negara kita. Soalan saya di sini ialah sama ada ada tak sebarang usaha atau inisiatif untuk menghubungi Kementerian dari pihak Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan kemelut ini dari jawapan yang Perai bagi tadi seolahnya tidak ada sebarang usaha yang dibuat dari pihak dia ataupun pihak Kementerian ataupun pihak Negeri. Boleh kita dapat penjelasan sikit.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Yang Berhormat daripada Telok Ayer Tawar. Saya sendiri telah menghulurkan bantuan kepada mereka tapi bantuan ini tidak banyaklah. Apa yang boleh bagi saya bagi bantuan kepada mereka. Selain daripada itu memang mereka mengadakan satu perbincangan supaya sekurang-kurangnya kita melantik seorang peguam supaya mewakili mereka. Selain daripada itu Kementerian Pelajaran juga mungkin dia telah menghubungi member Parlimen Dato' Seri Rezal, mungkin dari pandangan saya tidak ada respon daripada Dato' Seri Rezal juga supaya menyuarakan masalah ini kepada pihak berkenaan di Kementerian Pendidikan. Jadi cuma saya bertanya kenapa Kementerian ini tidak boleh membela atau menyelamatkan kolej? Itu yang saya tanya kenapa? Walaupun saya rasa ini bukan kesalahan Kementerian bukan tapi ini mungkin kesalahan pengurusan mungkin saya rasa memang sudah tamak dia mahu pergi labur di sini sana. Itu jadi....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Nak sentuh sikit. Yang Berhormat sebut nama Ahli Parlimen Kepala Batas, Dato' Seri Rezal. Saya rasa beliau ada cuba membantu ada yang beliau cuba ataupun membantu secara personal pun saya tahu, beliau pernah menceritakan kepada saya dan beliau pun cuba berusaha untuk memang banyak staff yang tidak dapat gaji berbulan-bulan, setahun. Jadi ini memanglah kita pun rasa sedih kerana berlaku di kawasan Kepala Batas sebenarnya dan kita pun terkejut sebenarnya. Sepatutnya ia menjadi satu (1) institusi yang baik di kawasan yang baik. Jadi bagi menjawab sama ada Dato' Seri Rezal membantu atau tidak, memang beliau berusaha sedaya upaya dan pernah berbincang kalau tak salah sayalah. Secara peribadi memang beliau membantu sama ada beliau terus dan saya difahamkan beliau juga cuba berbincang dengan MARA dan lain-lain agensi. Sebab kalau tak salah saya hostel yang disewa oleh *student* AUCMS ..... (gangguan) Amanah Raya Berhad dan itulah di mana beliau terlibat dalam perkara ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya nak pendekkan ceritalah.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):**

Saya Minta laluan. Saya nak tambah sikit saja apa yang diterangkan oleh YB. Penaga sebab apabila disebut mengatakan bahawa perkara tersebut pernah dirujuk kepada Ahli Parlimen Kepala Batas. Sebenarnya memang ya, saya tak nafikan Ahli Parlimen Kepala Batas telah sedaya upaya melakukan apa yang boleh setakat kemampuan beliau. Memandangkan ini adalah kolej swasta, beliau telah membawa perkara ini kepada pengetahuan pihak Kementerian dan juga telah berusaha berjumpa dengan pihak-pihak swasta yang lain. Universiti-universiti swasta yang berminat untuk mengambil alih kolej tersebut dan satu (1) tindakan yang telah pun dilaksanakan ialah kebanyakan pelajar-pelajar ini diserap masuk ke kolej-kolej yang lain seperti MAHSA Kolej, MAHSA Universiti sementara menunggu proses keseluruhan problem dengan AUCMS ini dapat diselesaikan. Itu dapat saya pastikan dan saya juga ingin maklumkan kepada Dewan bahawa saya tidak nafikan ramai yang datang juga ke Pusat Khidmat saya dan saya memberi bantuan setakat yang kita mampu. Tapi kalau kita nak beri bantuan berterusan, kita pun ada komitmen yang lain. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Perai pendekkan. Ini kerana kemungkinan besar kena dapat jawapan daripada .... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Perai, ini yang saya nak katakan bahawasanya ini banyak berlaku di luar pengetahuan kita kerana saya tahu bahawa semasa saya bersama politik pun ada kita bantu AUCMS. Mungkin dia *over expend, un understand*. Saya rasa mungkin ini kita tidak akan dapat perincian di sini YB. Perai. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih kepada YB. Penaga, YB. Bertam dan YB. Pulau Betong. Memang walau pun ini satu yang tidak boleh dielakkan, saya rasa Kementerian perlu diketatkan supaya menentukan siapa yang menguruskan kolej ini. Ini bukanlah perkara yang mudah. Jangan bagi *license* kepada siapa-siapa suka hati dan sebab saya rasa masalah ini dihadapi oleh pelajar, ibu bapa kemudian pekerja-pekerja. Jadi berbalik kepada soalan yang ditanya oleh YB. Telok Ayer Tawar, mungkin sekarang kita cari peguam supaya wakili mereka dan kemudian kita memang suruh adakan lagi satu (1) perundingan dengan mereka. Macam mana saya boleh bantu, saya bantu. Tak ada masalah. Jadi, dengan Kementerian ini mungkin satu *step*, saya tak ada masalah, saya tulis kepada Kementerian. Tapi mereka pun memang tahu tentang perkara ini, bukan tidak tahu lagi dah. Jadi saya rasa kalau tulah tadi secara peribadi kita boleh tolong, tak ada masalah. Tak mengapa kita boleh tolong. Berapa hari kita mahu tolong. Jadi saya rasa perkara ini perlu, ini saya sudah minta *Member Parliament* di sini di Pulau Pinang bangkitkan di Parlimen supaya dapat satu gambaran yang jelas. Terima kasih.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sambung. Habis?

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya mahu pendekkan sedikitlah supaya saya punya kawan pun tunggu. Saya ingat mungkin ada, bukan soalan ini apabila mereka sentuh banyak telah dijawab. Jadi saya tidak mahu berulang. Saya akan terus pergi kepada isu Sungai Pinang. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat berkenaan pembangunan Pusat Perkembangan Bakat dan sebagainya. Jadi, secara pendeknya Kerajaan Negeri melalui Invest Penang juga telah merangka beberapa strategi pelaburan dan pertumbuhan ekonomi termasuk Pusat Penubuhan, Pusat Penasihat Pasaran, Sumber Latihan IKS, *SME Market Advisory, Resource and Training (SMART) Centre*. Pusat *smart* ini membantu golongan keciciran ini dengan memberi khidmat nasihat dari segi informasi perniagaan yang berguna dan terkini. Oleh itu, golongan ini boleh majukan perniagaan mereka melalui penyenaiaan syarikat mereka dalam *directory smart* atas talian *smart online directory*. Menyertai bengkel pembangunan keupayaan yang dianjurkan oleh Pusat Smart Capacity Workshop Building dan turut serta dalam pepadanan perniagaan (*business matching*) yang dijalankan dari semasa ke semasa.

Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh YB. Tanjong Bunga, berkenaan dengan dan juga YB. Bukit Tengah dan YB. Berapit berkenaan peluang pekerjaan diwujudkan. Saya rasa perkara ini juga mungkin akan disentuh oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Berkenaan dengan Batu Kawan, bagaimana kedatangan pelabur-pelabur asing ini akan meningkatkan peluang pekerjaan dan mungkin, memang ini secara ringkaslah. Jadi, YB. Tanjong Bunga juga turut tanya tentang kemampuan negeri untuk menyediakan *scale laborious* berteknologi tinggi dan saya rasa dalam usaha Kerajaan Negeri untuk memenuhi pasaran sumber tenaga kerja, pembangunan dan pendidikan dan kemahiran adalah faktor yang penting. Misalnya *Penang Skills Development Centre (PSDC)*, memainkan peranan untuk melatih sumber manusia di pelbagai bidang kemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri berasaskan teknologi tinggi.

Selain itu, institut latihan kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Tinggi Mara (IKTM) dan Japan Malaysian Technical Institute (JMTI) turut memainkan peranan menyediakan sumber tenaga mahir di negara ini. Kerajaan Negeri turut berhasrat untuk membangunkan sistem pendidikan vokasional ala Jerman di Negeri Pulau Pinang tapi ini memang sedang proses dan tugas ini telah diberikan kepada Penang Institute untuk mereka model latihan ini. Jadi, kepada YB. Pulau Betong, ini memang saya sudah jawab, ini isu *Contract of Service* di PDC. Ini memang satu isu dan saya rasa *Contract for Service not Contract of Service*. *Contract for Service* ini mungkin saya rasa tidak terjejas kenaikan pangkat mereka. Ini memang kita sudah jelaskan dalam mesyuarat perjawatan. Jadi .....(gangguan).

## **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Isunya Yang Berhormat, apabila memberikan mereka *Contract for Service* ini, tangga gaji mereka lebih banyak daripada *existing staff*. Ini yang menimbulkan ketidakpuasan hati staf yang dalaman itu.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya telah mencadangkan kepada PDC supaya saya mahu berjumpa staf mereka untuk menerangkan isu ini, sebab PDC seperti PBA, seperti MPSP adalah *closed*. *You* tidak boleh naikkan pangkat apabila *you* pindah mereka. *So*, jadi ini memang kita sangat-sangat peka tentang perkara ini dan kita mahu bagi macam di PBA, Kesatuan Sekerja PBA telah menekankan isu ini. Kita memberi apabila ada wujud jawatan ini kita memberi *priority* kepada orang dalam, bukan orang luar. Kecuali kita ada orang dalam. *So*, ini PDC pun saya rasa langkah terbaru ini yang kita ambil adalah supaya kita memberi peluang kepada dalam sebab mereka sudah kerja lama. *So*, jadi ini maka pengambilan *Contract For Service* ini bukan tak ramai mungkin 3,4 orang saja. Ini tidak menjejaskan .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Seperti nila setitik merosakkan susu sebelanga. Yang Berhormat pernah terlibat tak dengan Perbadanan Bukit Bendera. Sebab ini juga ada isu yang sama. ....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Soalan yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong. *You* kata tidak kan. Apabila *you* tanya satu isu tentang *Contract For Service* penggal lepas.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bukan bila masuk dalam PAC *meeting*, tapi kita tidak diberikan jawapan. Kita masih menunggu *detail* daripada pihak...(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya akan tanya dan saya akan bekalkan jawapan itu kepada Yang Berhormat. Kita tidak mahu sembunyi apa-apa. Kemudian, Jawi telah bangkitkan isu perumahan pekerja. Saya rasa ini telah dijawab oleh YB. Datok Keramat. *So*, saya tidak mahu mengulangi. *I think you have go into details, isn't it*. *So*, jadi tak payah jawablah itu.

Akhir sekali Isu Rohingya ini kita faham, tak payah bincang isu Rohingya, pelarian daripada Myanmar ke sini, dan kemudian tindakan tegas akan diambil oleh Malaysia, seperti tindakan tegas yang diambil oleh Indonesia. Tapi walau bagaimanapun saya rasa dari segi perikemanusiaan kita mesti mahu jaga, itu saja. Akhir sekali tentang FOI. Soalan daripada YB. Bukit Tengah dan YB. Machang Bubuk. Merujuk kepada persoalan YB. Bukit Tengah dan YB. Machang Bubuk berkenaan kekeliruan terhadap mekanisma permohonan rayuan Enakmen Kebebasan Maklumat. Pemohon boleh mendapat maklumat lanjut dalam portal Kerajaan Negeri, [www.penang.gov.my](http://www.penang.gov.my) sekiranya terdapat kekeliruan terhadap mekanisma permohonan dan mekanisma rayuan yang kabur dan tidak jelas. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melantik *Chief Information Officer* (CIO) bagi semua jawatan negeri antara lain bertanggungjawab untuk membantu mereka yang memerlukan sebarang penjelasan mengenai Enakmen ini dan cara-cara untuk mendapatkan maklumat. Di dalam portal ini telah dibuat dua (2) undang-undang subsidiari berkaitan Enakmen Kebebasan Maklumat 2010 iaitu Peraturan-peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang, Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan. Masalahnya adalah buat masa kini 43% daripada permohonan telah pun ditolak dan masalah besar adalah untuk membuat permohonan mereka kena bayar RM50.00 atau pun RM100.00, tetapi ditolak tanpa diperjelaskan sebelum itu mengapa permohonan mereka akan ditolak dan jika mereka rayu mereka kena keluarkan RM50.00 lagi atau pun RM100.00 lagi. Jadi sebenarnya ini sistemnya tidak begitu baik. So, saya harap Yang Berhormat akan meneliti sebelum ditolak pegawai informasi haruslah menghubungi pemohon menjelaskan mengapa mungkin ditolak dan memberi peluang untuk memperbaiki sebelum ditolak secara terus. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Saya ingat jumlah permohonan adalah tujuh (7) saja. Bila sebut 43% macam inilah.....(gangguan). So, yang ditolak tiga (3) saja. Kenapa mereka ditolak. Maklumat yang dipohon tidak lengkap, dokumen perjanjian yang dipohon masih dalam peringkat deraf dan surat kebenaran dari syarikat yang diwakili tidak disertakan. Memang syarat-syarat dia. Jadi isu ini fi, RM50. Memang itu bukan saja daripada Yang Berhormat yang kata dekat saya bahawa fi ini saya rasa mungkin dalam, ini saya akan bangkitkan dalam EXCO supaya kita menilai semula sama ada ini satu (1) yang saya rasa munasabah atau pun mungkin kita mahu kurangkan. Itu memang kita boleh buat dalam tu.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan. Dan juga pemohon dibantu untuk memperbaiki permohonannya sebelum ditolak terus. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Sebab FOI ini satu yang baru maka pegawai-pegawai maklumat kemudian pemohon-pemohon ini mungkin izinkan *some suggestion period* supaya memperbaiki mekanisme-mekanisme. Jadi kita memang sudah jelaskan dalam EXCO kalau ada isu apa-apa masalah ini, EXCO akan menentukan apabila kita bertemu tiap-tiap minggu ini. Jadi, terima kasih atas soalan ini. *We will see how we can improve it.* Terima kasih dan Batu Uban akhir sekali isu peternakan di Batu Kawan kepada Yang Berhormat Batu Uban perkara ini diuruskan oleh Yang Berhormat Kasthuri sekarang selepas Pilihan Raya 2013 maka apa yang dapat tahu bahawa dia telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan penternak dan MPSP dan juga dengan *staff* PDC saya rasa itu suatu yang proses ini saya rasa bukan mudah diselesaikan sebab tanah yang disediakan 17 ekar ini adalah *fit lot*, so jadi ini yang sebenarnya yang biasa ini gunakan tradisional, mereka biasanya tidak akan menggunakan 17 ekar dan kemudian mereka pilih tempat yang lain. So jadi saya telah menasihatkan Yang Berhormat Kasthuri supaya cari tanah-tanah JPS supaya mendapat TOL, di proses ini memang dijalankan saya harap bahawa perkara boleh diselesaikan dan saya pun dengar penternak mahu menjual Lembu dan sebagainya lah, saya pun tak tau lagi so perkara ini diuruskan Ahli Parlimen Batu Kawan Yang Berhormat Kasthuri.

YB. Dato' Speaker itu sahaja *respond* saya kepada soalan-soalan yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ini saya menyokong apa ini usul. Terima kasih.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Perai saya persilakan Pantai Jerjak untuk buat penggulungan.

## **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan, *Bismillahirrahmanirrahim.. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah* bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana diberi kesempatan untuk bertemu dan berkumpul dalam Dewan yang mulia ini menghadiri Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri yang Ketiga Belas pada petang yang mulia ini untuk membawa amanah dan harapan rakyat Negeri Pulau Pinang.

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan sepanjang sesi pada kali ini sesungguhnya setiap cadangan, kritikan, pengiktirafan dan pujian yang diberikan seharusnya di terima dengan hati yang terbuka dan pertimbangan yang sewajarnya diberi oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terpelihara. Saya juga melahirkan syukur apabila Kerajaan Negeri sekali lagi berjaya mencatatkan lebihan belanjawan sejak tahun 2008 sehingga kini tujuh tahun (7). Saya percaya ini hasil daripada prinsip yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus yang menjadi nadi dalam urus tadbir Kerajaan Negeri. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang telah merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas pada 30 April yang lalu, terima kasih juga di atas keperihatinan, pandangan dan nasihat yang telah diberikan oleh Tuan Yang Terutama Tun kepada kita bagi melaksanakan pembangunan dan pentadbiran Negeri Pulau Pinang yang kita cintai ini.

Keperihatinan Tuan Yang Terutama Tun dalam memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan memenuhi keperluan rakyat dan seterusnya dinikmati oleh semua lapisan rakyat Negeri Pulau Pinang amatlah disanjung tinggi dan saya juga ingin mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa diberikan kesejahteraan, dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki dan mendapat keberkatan serta kerahmatan untuk terus memegang tampuk kepimpinan tertinggi di Negeri Pulau Pinang.

Saya terus masuk ke dalam portfolio saya yang pertama Jawatankuasa MMK Perhubungan Masyarakat. Saya ingin mengajak semua rakyat bersatu padu tanpa ada perselisihan faham tidak mengira pangkat, darjat, keturunan, bangsa, agama mahupun fahaman politik. Di sini saya ingin menasihatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk diri saya sendiri supaya tidak membangkitkan isu-isu perkauman demi menjaga perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat bebilang kaum di Negeri Pulau Pinang. Saya ingin menasihatkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk saya sendiri supaya menjaga perpaduan, jaga keharmonian dan kesejahteraan masyarakat bebilang kaum saya sentiasa berpegang kepada falsafah ...(dengan izin) *Surah Al-Hujurat* yang berbunyi ...(baca surah Al-Hujurat) yang bermaksud "Wahai manusia aku jadikan kamu lelaki dan wanita bersuku-suku, berbangsa-bangsa agar kamu kenal mengenal di antara satu sama lain."



Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh YB. ADUN Berapit mengenai perselisihan faham berlainan kaum dan agama yang timbul disebabkan penganut agama yang ekstrime di Taman Medan Petaling Jaya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat supaya perselisihan faham antara kaum di negara kita adalah disebabkan oleh Ahli-ahli politik dan pemimpin-pemimpin politik yang bimbang dengan kesatuan berbilang kaum yang akan mengancam kedudukan mereka. Ini selaras dengan perlembagaan Malaysia Perkara 3(1) ianya dinyatakan bahawa Islam adalah agama rasmi Persekutuan tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman, damai di mana-mana bahagian Persekutuan, justeru saya ingin mengajak semua rakyat berbilang kaum untuk menjaga keharmonian kaum dan masyarakat berbilang agama dan bangsa demi negeri kita Pulau Pinang yang tercinta. Mungkin dalam sesi 5 hari sebenarnya ada satu tarikh yang sering dikaitkan dengan isu ini iaitu 13 Mei tetapi Alhamdulillah tidak ada sesiapa yang menyebut isu itu jadi kita harap kesefahaman ini dapat dijalinkan seterusnya.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN kawasan Machang Bubuk berkaitan syor Kerajaan Negeri memperkasakan fungsi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti untuk mengurus tadbir JKKK, untuk menambahbaik cadangan pemberian skim insurans kepada JKKK. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan pemberian skim itu kepada JKKK dan Kerajaan Negeri akan mengkaji dan meneliti serta dan bersedia untuk mempertimbangkan cadangan tersebut mungkin dalam bentuk insurans berkelompok. Kita sedia faham bahawa JKKK ialah sukarelawan dan memang kita memberi elaun kepada Pengerusi dan Setiausaha dengan jumlah yang lebih daripada AJK-AJK yang lainnya. Ini merupakan ada satu dua dibangkitkan tapi tidak ada skim apa-apa setakat ini. Bagi mencapai objektif penubuhan JKKK, setakat ini strategi perancangan dan pelaksanaan dilaksanakan oleh JKKK telah banyak membantu dalam melicinkan urusan pentadbiran di peringkat kawasan tempatan yang merupakan kelompok terhampir dengan masyarakat setempat. JKKK menjadi mata dan telinga Kerajaan Negeri, peranan JKKK sebagai pengantara antara adalah bersesuaian dan memudahkan urusan penyelesaian masalah dalam sesebuah kelompok masyarakat.

Perancangan dan pelaksanaan projek-projek kecil di kawasan setempat juga dilakukan dengan lebih berkesan dengan mengambil kira kehendak serta keperluan penduduk, segala dasar Kerajaan dapat disalurkan kepada masyarakat dengan lebih berkesan melalui JKKK. Bagi memastikan semua JKKK sentiasa peka kepada objektif penubuhan maka manual berkaitan telah diedarkan sebagai panduan. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil kira keperluan JKKK yang baru dilantik dalam memantapkan urusan pentadbiran, urusan kewangan dan berhubungan masyarakat. Perancangan sesi, dia satu penggal itu dua tahun 2015, 2016 perancangan akan lebih agresif lagi di mana MMK Perhubungan Masyarakat telah memutuskan setiap JKKK membuat profil JKKK dalam untuk kawasan mereka dalam tempoh sehingga hujung Julai ini. Jadi kita mengharapkan JKKK akan lebih mengetahui kawasan mereka untuk membantu menjelaskan peranan dan juga dasar Kerajaan Negeri. Bagi memastikan semua JKKK sentiasa aktif dalam melaksanakan program dan membuat perjumpaan dari semasa ke semasa teguran dan pemantauan dilakukan melalui Penghulu Mukim. Kali ini kita memerlukan Penghulu-Penghulu di Mukim untuk lebih aktif dan mereka akan memantau dan meneliti masalah-masalah yang terdapat dalam JKKK yang antaranya kerap pertukaran ahli di kalangan mereka, sebagai usul penggalak mana-mana JKKK yang berjaya menunjukkan kemampuan dan prestasi cemerlang akan dianugerahkan JKKK terbaik untuk peringkat negeri dan juga peringkat daerah pada tahun ini.

Sehubungan dengan JKKK ini juga YB. ADUN Machang Bubuk mencadangkan untuk menambah peruntukan yang tadi insurans, yang ini cadangan peruntukan, yang tadi insuran ya. Cadangan peruntukan kewangan kepada JKKK untuk menganjurkan aktiviti atau program untuk pembangunan rakyat masyarakat setempat. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan tersebut dan bersedia untuk meneliti, mengkaji serta mempertimbangkan cadangan tersebut. Walau bagaimanapun JKKK digalakkan untuk terus menjana pendapatan sendiri melalui sumber-sumber seperti berikut, ia ada tiga:

Pertama adalah pengurusan sewaan tapak pasar malam di kawasan mereka.

Kedua sewaan melalui kemudahan-kemudahan dewan, gerai ataupun gelanggang sukan tertakluk kepada mana-mana JKKK yang disediakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Buat masa ini sememangnya satu-satu JKKK diberikan RM1,000 walau pun tidak diberi sekali gus dalam tempoh setahun tapi dia merupakan permulaan kita bagi dalam tempoh tiga bulan sekali tapi setakat RM1,000 sahaja kerana diharapkan bahawa mereka boleh menjana aktiviti ekonomi mereka sendiri.

Yang ketiga digalakkan juga menubuhkan koperasi di kalangan JKKK terlibat dan memasuki pengusahaan industri kecil dan sektor seperti makanan, pertanian dan juga perternakan. Silakan.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Pantai Jerjak. Saya ingin bertanya. Tadi Pantai Jerjak memaklumkan setiap JKKK diperuntukan RM1,000 setahun. Dalam kawasan-kawasan yang mana ada penyelaras, saya dimaklumkan penyelaras juga diberikan peruntukan. Bolehkah kita tahu banyak mana peruntukan penyelaras dan adakah peruntukan ini disalurkan melalui untuk kegunaan JKKK di kawasan-kawasan ini dan banyak mana peruntukan disalurkan untuk kegunaan JKKK?

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Peruntukan yang diberikan kepada penyelaras tidak kesemuanya untuk JKKK, tetapi mereka boleh memberi sebahagian untuk membantu JKKK untuk melaksanakan program, dalam RM100,000 keseluruhan, tetapi untuk JKKK tidak kesemuanya diperuntukkan untuk mereka. Kerajaan Negeri cuma peruntukan RM1,000 sahaja kepada mereka...(gangguan) RM100 setahun.

Saya teruskan, inisiatif JKKK yang telah menubuhkan koperasi di kawasan masing-masing ini secara langsung membantu menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat, institusi JKKK mampu sebenarnya dikembangkan mengambil kira skop kemajuan dan keselamatan komuniti di mana aktiviti-aktiviti boleh dikembangkan melalui aktiviti wanita yang telah saya sebut dalam salah satu (2) soalan yang telah di bangkitkan iaitu di bawah JKKK ini kita mempunyai enam (6) biro dipanggil. Jadi salah satu (1) Biro itu adalah Pembangunan Belia dan Wanita sebab itu kita lihat dalam perancangan wanita JKKK institusinya bersedia untuk menerima aktiviti-aktiviti di kalangan wanita ini dan boleh diserapkan melalui salah satu (1) daripada enam (6) bidang yang diwujudkan di bawah JKKK. Dalam masa yang sama juga saya rujuk kepada soalan yang

dibangkitkan oleh Seri Delima mengenai dengan Pasukan Keselamatan Peronda Sukarela satu (1) daripada enam (6) juga adalah Jawatankuasa Kebajikan dan juga Keselamatan yang mana ia merupakan satu aktiviti yang boleh dikembangkan di bawah salah satu (1) daripada enam (6) di bawah Jawatankuasa ini.

Seterusnya merujuk kepada soalan yang dikemukakan ADUN Penaga isu Dewan Orang Ramai Kampung Kota Aur. Untuk makluman Yang Berhormat Dewan ini telah pun dibina kurang hampir 25 tahun yang lalu, terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri keluasan 124 meter persegi tak besar sangat. Keseluruhan binaan bangunan ini berdasarkan simen kecuali tiang, kerangka bumbung dan siling dibuat oleh kayu, bangunan ini sememangnya telah 25 tahun tidak boleh digunakan lagi kerana kerosakkan yang teruk dan struktur yang dikuatiri tidak kukuh. Bangunan ini juga tidak ekonomi untuk dibaiki dan jika terdapat keperluan dicadangkan untuk dirobuhkan dan mungkin kalau perlu akan dibina semula dengan anggaran kos lebih kurang dalam RM100,000. Jadi kita akan pantau dewan ini dan satu (1) lagi ialah berkaitan dengan dewan banjir Rantau Panjang yang digunakan sebagai hostel kepada pekerja asing .....(gangguan) ia dipanggil hostel.

Untuk makluman Yang Berhormat ADUN Penaga dewan banjir dibina sekitar awal 1990-an, sebagai Pusat Penempatan Banjir di kawasan Rantau Panjang dewan ini diambil alih oleh pentadbiran JKKK selepas 2008. Selepas Projek Tebatan Banjir Sungai Muda siap tiada yang berlaku dewan ini dijadikan tempat sosial masyarakat setempat hasil lawatan pada 14 Mei baru dua (2), tiga (3) hari lalu. Saya minta penghulu pergi tengok disana, mendapati memang tidak ada penempatan warga asing yang disebutkan dan pihak JKKK memaklumkan bahawa kontraktor Projek Tebatan Sungai Muda telah diberikan kebenaran menggunakan premis tersebut bagi menjalankan kerja pada ketika itu. Jadi sekarang ini telah selesai dan memang tidak ada warga asing yang berada di situ. Sila

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Gambar ini ditangkap dan diambil hari ini 15 haribulan, kelmarin 14 haribulan, 13 haribulan pada 13 haribulan. Ada orang pergi *check* memang ada ini bukan orang kata apa buat dakwaan tanpa bukti memang ada. Jadi kalaulah Yang Berhormat Pantai Jerejak mengatakan hantar penghulu pergi *check* dan penghulu kata tak ada yang mana nak percaya sebab saya hantar orang saya sendiri pergi *check* kelmarin dulu. Jadi saya bukan nak panjangkan cerita ini tapi nak maklumkan apa yang berlaku.

**Timbalan Ketua Menteri I :**

Yang Berhormat Penaga selepas ini pun saya akan pantau kembali nak pastikan bahawa dewan tersebut dapat digunakan untuk masyarakat. Terima kasih. Jawatankuasa MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya hendak tanya ada beberapa dewan yang saya tunjuk gambar pada hari itu. Selain dari Rantau Panjang, Kota Aur, Permatang Bendahari, Pengkalan Bongor, Guar Kepah saya harap Yang Berhormat dapat lihat dan pantau lah, terima kasih.

## Timbalan Ketua Menteri I:

Jawatankuasa MMK Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan. Merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Adun Tanjung Bunga berkaitan status terkini, berkaitan pelabur syarikat-syarikat multinasional MNC di Taman Perindustrian Batu Kawan, untuk Scan disk Storage Malaysia dia telah siap pembinaan fasa yang pertama dan telah pun beroperasi Februari tahun ini 2015. Penang Seagate ini merupakan *extension* daripada Seagate yang ada di belah Pulau di sana di Batu Kawan telah memulakan kerja-kerja penanam cerucuk pada suku pertama tahun ini *hemoniatrics* telah siap pembinaan dan telah beroperasi *a quarter one..* (dengan izin) 2015. Untuk PDV Penang Design Village oleh Pelias Sdn. Bhd. Kebenaran merancang telah diperolehi dan kini sedang proses mendapat kelulusan pelan MPSP, kerja-kerja menanam cerucuk telah dijangka siap pada akhir tahun 2016. Bangunan IKEA dan keseluruhan pembangunan 245 ekar oleh IKANO dan Aspen Vision Land Sdn. Bhd. Fasa pertama projek ini iaitu kompenan komersial telah pun dikemukakan pada MPSP, *submitted* suku pertama tahun ini, bagi projek gedung IKEA setakat ini belum dimulakan tapi surat perjanjian dijangka siap pada 2019 hingga 2024. KDU College, Paramount Corporation projek ini telah memperolehi kebenaran merancang pada April yang lalu kini sedang diproses untuk mendapat pelan bangunan projek ini akan dimulakan sebaik sahaja memperolehi kelulusan PBT dan dijangka siap pada 2018.

Satu lagi projek perumahan mampu milik, projek Bandar Cassia kerja-kerja pembinaan untuk Fasa 1 untuk 250 unit telah dimulakan pada Disember 2013 dan dijangka siap Ogos 2016. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat ADUN Tanjung Bunga berkaitan dengan syarikat MNC yang telah memberi impak yang besar untuk pekerjaan dan faedah rakyat. Peluang pekerjaan yang diwujudkan. Apakah terdapat peluang pekerjaan? Jumlah keseluruhan pelaburan yang berjaya di bawa masuk oleh MNC ke Pulau Pinang 2014 semua telah maklum RM8.62 bilion sebanyak 17,896 peluang pekerjaan telah diwujudkan di Pulau Pinang. Kemasukan syarikat MNC pada tahun 2014 seperti Scandisk Storage, Penang Seagate, Bosch ini Audio System, Klasa Oil and Gas, dan Autotech ONG daripada French dijangka mampu menawarkan sebanyak tambahan 5,414 peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang setakat suku kedua 2015. Syarikat HP (Hewlett Packet) dijangka mampu menjana sebanyak 985 peluang pekerjaan dan kelmarin Y.A.B. Ketua Menteri, Kerajaan Negeri telah menerima MOU untuk Jabil Circuit sebanyak RM1.0 billion lagi yang akan memberi peluang 2,500 pekerjaan untuk dua (2) hingga lima (5) tahun akan datang. Ini membuktikan bahawa Pulau Pinang masih menjadi pilihan utama pelabur-pelabur asing dengan kestabilan politik sumber tenaga, kerja berkemahiran dan jalinan infrastruktur terbaik melalui darat, air dan udara. Kesempatan ini boleh diambil oleh rakyat terutamanya pelabur tempatan untuk turut serta sebagai *supplicant* yang melonjakkan hubungan perniagaan yang lebih positif. Kerajaan Negeri melalui Invest Penang untuk mengambil pelbagai insentif untuk menjemput pelabur berteknologi tinggi untuk melabur di Pulau Pinang. Antara teknologi-teknologi yang kita sediakan iaitu aktiviti penyelidikan pembangunan, reka bentuk, pembuatan produk, pembuat bioteknologi, LED, *Solar, Medical Advises, Aerospace avionics*, serta *shared services and outsourcing*. PDC juga telah memperuntukkan kawasan-kawasan yang khusus untuk pelabur-pelabur berteknologi tinggi di Taman Perindustrian Batu Kawan Penang Science Park dan Nos Science Park yang disebut oleh rakan-rakan EXCO yang lain.

Berkaitan soalan juga daripada Yang Berhormat Tanjung Bunga mengenai status perkembangan terkini BPO Hub, Ketiga-tiga projek BPO Park di Batu Maung, Prime di Bayan Baru, *Penang International Technologies Park* Batu Kawan Park masih dalam peringkat perancangan dan reka bentuk yang sedang dirancang. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 17 ekar di Bayan Baru dan Bayan Lepas untuk menjadikan *hubs business process outsourcing*. Fasa 1 dan Bayan Lepas di Fasa 2 akan menawarkalima (5) tahun. Ini merupakan projek terbesar BPO di Pulau Pinang pada tahun 2013 juga PDC telah berjaya menjual sebanyak 105.87 ekar tanah Batu Kawan kepada 50 buah syarikat dengan nilai jualan sebanyak RM876 juta yang turut menjana 3,948 peluang pekerjaan. YB. Tanjung Bunga juga bertanyakan mengenai BPO Hubs yang menjana 21,000 peluang pekerjaan. Projek BPO dan IPO menjangkakan 20,000 hingga 30,000 peluang pekerjaan yang bertaraf bernilai tinggi untuk tempoh 10 tahun. Projek ini dijangka beroperasi pada tahun 2018 dan telah pun menawarkan peluang pekerjaan kepada ramai orang melalui beberapa pelaburan yang di bawa masuk sejak tahun lepas lagi.

Soalan juga daripada ADUN Kebun Bunga membangkitkan tentang apakah cadangan Kerajaan Negeri bagi menambahbaik berkaitan industri kecil dan sederhana dalam bidang animasi teknologi, IOT (*Internet of Things*), untuk meningkatkan taraf hidup keluarga *middle, low class*. Bagi menambahbaik Industri Kecil dan Sederhana dalam bidang animasi IOT atau *Internet of Things* Kerajaan Negeri melalui agensi Invest Penang, PDC, merancang untuk mewujudkan Pusat Animasi Kreatif dan Teknologi IOT dalam usaha untuk membantu usahawan kecil dan sederhana yang terlibat dalam bidang animasi teknologi ataupun yang terlibat dalam sektor *internet of things*. Bagi merealisasikan projek ini satu (1) bangunan lagi di bawah projek ini ialah Wisma Yeap Chor Ee yang terletak dalam kawasan tapak warisan UNESCO George Town yang akan dibangunkan bagi menyediakan kemudahan ruang pejabat, program mentor dan sebagainya untuk membantu usahawan yang terlibat dalam bidang ini. Satu (1) lagi juga dalam bidang teknologi yang disebut iaitu *Big Data Analytic*. Apabila koridor raya multimedia MSC diperkenalkan di Negeri ini pada tahun 2005 tujuannya adalah untuk memacu Negeri Pulau Pinang ke era teknologi maklumat dengan menjadikan negeri ini sebagai hub multimedia berpaksi ekonomi berteraskan pengetahuan. Ini termasuk mengalakkan pelaburan-pelaburan dalam aktiviti-aktiviti digital seperti animasi kreatif, internet aplikasi, mudah alih, dan juga permainan di samping mengkaji teknologi baru seperti BDA, IOT dan sebagainya.

Satu lagi pertanyaan mengenai Kerajaan Negeri meningkatkan sektor pelaburan asing bersama-sama dengan pihak MIDA. Kerajaan Negeri melalui Invest Penang bersama-sama agensi tempatan yang lain sentiasa bekerjasama dengan pihak MIDA. Kita tak *stand alone* dalam hal ini untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan antarabangsa. Baru-baru ini pada 22 hingga 24 April 2015 Invest Penang dan juga MIDA sebagai rakan kongsi sokongan kepada SEMI telah menganjurkan satu SEMICON Asia Tenggara 2015, iaitu acara semi konduktor terbesar di Rantau Asia yang buat julung-julung kali dibuat di Pulau Pinang. Setakat ini buat di Singapura, pertama kali di Pulau Pinang ia merupakan satu (1) sejarah khususnya dalam semi konduktor kerana dapat mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menarik untuk pelaburan teknologi tinggi.

Jawatankuasa MMK Pembangunan Usahawan. Kerajaan Negeri melalui inisiatif Jawatankuasa MMK Keusahawanan terus membantu usahawan memperluaskan jaringan perniagaan dan mengalakkan aktiviti keusahawanan yang dijalankan. Besarlah harapan Kerajaan Negeri dengan Pelaksanaan Program Mikrokredit (PTSR) Projek Titian Saksama Rakyat, peniaga-peniaga kecil dapat menikmati peluang ekonomi hasil daripada pembangunan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sentiasa bersikap proaktif dalam memberi peluang kepada perniagaan graduan yang ingin memulakan perniagaan melalui skim melalui Pinjaman Mikro Kredit PTSR. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan setakat ini RM11 juta sehingga Disember 2014. Sebanyak RM8.6 juta telah dibelanjakan untuk membantu usahawan Pulau Pinang melalui program ini. Peruntukan sebanyak RM8.6 juta telah pun memberi manfaat kepada seramai 2,036 peniaga kecil seluruh Negeri Pulau Pinang sejak dimulakan pada tahun 2009. Pada 2014 Kerajaan Negeri telah meluaskan pinjaman skim ini kepada Tabung Usahawan Tani Muda yang diuruskan oleh EXCO pertanian....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Pantai Jerejak, sedarkah YB. Pantai Jerejak sekarang ini telah ramai sekali usahawan-usahawan muda dan usahawan-usahawan yang asalnya yang membuat produk dalam rumah, membesar kepada bengkel dan mereka memerlukan kilang-kilang sebenarnya, tidaklah besar sangat dan mereka ini menghadapi kerana tidak ada dan tidak cukup kilang-kilang yang membolehkan mereka membesarkan lagi termasuklah kedai-kedai yang membolehkan mereka mendapatkan hasil dan sebagainya. Ini kekangan sekarang yang dihadapi oleh usahawan-usahawan kita yang berada diluar bandar dan berapakah peruntukan yang disediakan untuk mereka dan sejauh manakah tindakan yang diambil oleh YB. Pantai Jerejak bagi mereka? Yang kedua kita tidak lagi pergi ke *Medan Fair* atau ke negara-negara lain diluar di Asia Countries Yang Berhormat bawa mereka untuk mereka promosi produk mereka di sana.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Buat masa ini kita menyediakan untuk mikro kredit sekecil PTSR, selepas daripada itu kita tidak menyediakan dari segi bentuk kewangan, tetapi kita juga berinteraksi dengan *chamber-chamber of commerce* bukan sahaja *Malay Chamber of Commerce* tetapi semua Chinese and Indian, melalui MMK Keusahawanan. Kita membantu untuk mereka mengikuti rombongan-rombongan, walaupun disebut Medan Fair kita telah tidak buat di bawah EXCO Industri domestik. Memang kita ada rancangan untuk pergi ke luar negara contohnya di Negara Thailand ada, China dan juga pada tahun lepas kita telah pergi ke Turki dan sebagainya. Dari semasa ke semasa melalui MMK Keusahawanan ini kita memang ada rancangan seperti yang dinyatakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bagaimana dengan premis-premis, kilang-kilang untuk mereka membesarkan, daripada rumah menjadi kilang, saya rasa setakat ini tidak ada langsung. Adakah PDC menyediakan premis-premis sebegitu?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Dalam perancangan dibuat melalui Invest Penang, banyak plot-plot SME, industri kecil yang kita buat di Seberang Perai khususnya di Batu Kawan. Permintaan sebenarnya cukup tinggi, memang kena *compete* untuk mendapatkan ruang-ruang tersebut melalui PDC dan Invest Penang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Pantai Jerejak harus faham bahawasanya keupayaan kewangan usahawan-usahawan Bumiputera terutamanya yang bergerak dari kampung ini memerlukan modal yang tinggi, mereka tidak ada modal yang banyak itu. Jadi adakah Yang Berhormat bagi plot tanah untuk mereka beli kemudian dirikan kilang, itu satu perkara yang mustahil untuk mereka capai. Kecuali PDC membuat bengkel-bengkel 30x100 kaki untuk mereka, mungkin mereka boleh sewa secara bulanan. Ini boleh membantu mereka, kalau mengharap mereka untuk membeli tanah untuk mendirikan kilang, saya rasa itu di luar kemampuan kewangan mereka YB. Pantai Jerejak.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

MMK Keusahawanan bersedia dengan jawatankuasa kami jika sekiranya YB. Pulau Betong tahu ada di kalangan mereka yang berminat boleh datang untuk perbincangan, kita boleh bincang untuk buat unjuran-unjuran. Saya teruskan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):**

Penjelasan, saya ingin menambah sedikit dengan apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Pulau Betong. Memang terdapat keperluan yang mendesak untuk menyediakan premis-premis perniagaan IKS yang kecil-kecil ini untuk peniaga-peniaga kerana di kawasan-kawasan yang sesuai dan strategik. Kalau buat jauh-jauh sangat pun tidak sesuai untuk mereka gunakan. Kalau semua dipusatkan di Batu Kawan ia tidak memenuhi keperluan di Seberang Perai Utara, keperluan di Balik Pulau dan sebagainya. Saya minta kalau boleh dirancang dan dilaksanakan supaya lebih banyak premis perniagaan dan IKS untuk usahawan-usahawan kecil dan sederhana di Pulau Pinang. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat, ini boleh bawa dalam mesyuarat MMK. Saya hendak merujuk kepada soalan daripada YB. Paya Terubong berhubung dengan senarai terperinci jumlah usahawan wanita pada tahun 2009 hingga April 2015. Bagi tahun 2009 hingga 30 April 2015 PDC telah menerima sebanyak 2,055 permohonan untuk usahawan wanita, daripada jumlah itu 1,046 peminjam adalah wanita. Kalau dilihat peratus partisipasi daripada, saya masih menyebut tentang mikro Kredit ini, data yang kita ada, sebanyak 55.7% peminjam atau pun yang memanfaatkan daripada PTCR ini adalah daripada wanita. Ini menunjukkan bahawa memang kita membantu banyak juga sebagaimana yang disebutkan oleh kebanyakan Yang Berhormat-Yang Berhormat, bagaimana wanita atau ibu tunggal untuk dapat memanfaatkan mikro Kredit yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Seterusnya berkaitan dan cadangan dari YB. Kebun Bunga supaya Kerajaan Negeri menambah baik industri kecil, saya ingat saya telah jawab ini. YB. Bayan Lepas bertanyakan mengenai hasrat untuk membangunkan kawasan perniagaan khusus untuk Bumiputera. Saya juga telah menjawab semasa soalan-soalan lisan iaitu kita memang tidak mempunyai rancangan-rancangan yang khusus untuk Bumiputera kerana Kerajaan Negeri mengamalkan sistem kesamarataan semua kaum tanpa mengira agama dan juga bangsa. Rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan Negeri adalah untuk semua lapisan masyarakat, ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada semua yang berkelayakan. Dicadangkan oleh ADUN Bayan Lepas supaya Kampung Makam dibangunkan sebagai kawasan pembangunan yang moden seperti projek perumahan yang tersusun dan perniagaan. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam kajian Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang di bahagian Pulau, Kampung Makam telah dikenalpasti sebagai satu tempat pembangunan semula. Sehubungan itu, sebarang aktiviti pembangunan semula hendaklah menempatkan penduduk asal di lokasi yang sama melalui penyediaan Perumahan Mampu Milik dan kawasan perniagaan sebagai sebahagian daripada komponen pembangunan tersebut.

Saya masuk ke sektor yang seterusnya....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Pantai Jerejak, saya hendak merekodkan rasa sedih jugalah kerana Yang Berhormat tahu bahawasanya senario kedudukan ekonomi orang Melayu dan orang Cina, lebih-lebih lagi usahawan Melayu dan Cina adalah berbeza di pelbagai peringkat, tak sama. Kalau semua disamaratakan sepertimana kata YB. Pantai Jerejak sebut benda yang sama dengan semalam, hari ini pun sama juga. Bagaimana kita hendak membolehkan usahawan-usahawan Melayu di kampung-kampung ini hendak berniaga, membesarkan dan berlawan dengan usahawan-usahawan yang banyak duit? Suatu yang agak mustahil Yang Berhormat dan saya rasa mesti ada *consideration* tertentu boleh diberi kepada mereka ini YB. Pantai Jerejak, kalau tidak mereka yang baru hendak berniaga mereka akan terkebelakang dan tak mungkin akan kehadapan, YB. Pantai Jerejak.

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya hendak mengulas apa yang disebutkan oleh YB. Pulau Betong. Bukan kita tidak pentingkan pembangunan khususnya kaum Bumiputera tetapi dalam jawapan saya secara keseluruhan pada hari kelmarin bahawa kita ada skop yang boleh dibantu khususnya daripada institusi-institusi Islam contoh, Pusat Zakat, daripada tanah wakaf, aset-aset ini kita semua ada. Jadi sekarang ini kita perlu gembungkan usaha tersebut untuk diberi manfaat kepada kaum Bumiputera, yang itu satu. Satu lagi ialah projek-projek dalam Kerajaan sendiri kita ada mempunyai data bahawa tender-tender, kita buat *open tender*. Bagi Kerajaan Negeri sebenarnya lebih daripada 94% ini *open tender* dari segi institusi-institusi yang berjaya mendapat *open tender* ini adalah terdiri daripada Bumiputera sendiri....(gangguan).



### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Pantai Jerejak kalau dimasukkan ZENITH BUGC sebagai Bumiputera memangla banyak tetapi ZENITH itu bukan Bumiputera. Saya bercakap tentang usahawan-usahawan kecil yang hendak naik ini, usahawan-usahawan kampung yang ada produk ini, ini yang saya minta supaya bantuan diberikan. Jangan kata semua sama rata kerana *play field* yang berbeza-beza YB. Pantai Jerejak. Saya ingat YB. Air Putih pun faham perkara ini. Memang susah, kita bercakap tentang realiti sebab saya *deal* dengan usahawan-usahawan ini dan saya tahu bagaimana susahnya mereka ini nak dibandingkan dengan syarikat-syarikat besar yang ada di Pulau Pinang ini. Berilah bantuan tertentu kepada mereka untuk mereka bergerak. Tak mencukupi dengan kredit Y.A.B. Air Putih. Kalau boleh contohnya, PDC mendirikan kilang-kilang kepada mereka ini, bukanlah kilang yang besar, kilang sederhana besar yang membolehkan mereka mendapat sijil GMP, MeSTI dan HALAL. Beri bantuan kepada golongan yang macam ini...(gangguan).

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Daripada apa yang Yang Berhormat sebut saya mohon kepada mereka di kalangan bumiputera yang mampu untuk memohon kepada MMK saya dan saya bersedia untuk membantu mereka ini. Mungkin apa yang saya sebutkan tadi memang diperingkat mikrokredit tetapi dia perlu mohon daripada situ dulu. Daripada mereka mana-mana yang mampu untuk membesarkan, *expand* dia punya perniagaan mereka, kita boleh rancang dan membangunkan mereka untuk mengisi peluang-peluang yang sebenarnya kita ada. Terima kasih.

Saya masuk yang terakhir. Jawatankuasa Pembangunan Koperasi . Walau pun tidak banyak disebutkan, cuma daripada YB. Sungai Dua. Saya menyambut baik saranan dan cadangan ADUN Sg. Dua menggalakkan penubuhan koperasi, kariah masjid serta menggalakkan pihak masjid menjalankan aktiviti perniagaan seperti gerai ataupun *one stop center* bagi menambah dana peruntukan masjid. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Disember 2014, terdapat 677 koperasi telah didaftarkan di Negeri Pulau Pinang dan koperasi-koperasi yang didaftarkan terdiri dari pelbagai kategori seperti pembinaan, pengangkutan, pengguna, perbankan, perindustrian, perkhidmatan, pertanian dan sebagainya. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi terdapat sebanyak 16 buah koperasi kariah masjid. Walau bagaimanapun sehingga tahun 2015 kita dapat menambahkan lagi dengan promosi yang ada, kita dapat menambah sebanyak 14 lagi jumlah menjadi 32 buah koperasi masjid. Ini secara tidak langsung bagaimana kita hendak menggalakkan Islam Bumiputera melalui koperasi-koperasi kariah masjid. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang dan MMK Koperasi Negeri sentiasa bersama dengan perhubungan Angkasa untuk memastikan bahawa banyak lagi koperasi dalam bentuk keusahawan berasaskan kepada kariah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pergulungan pada hari ini, saya rasa belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua ibu di seluruh Malaysia, Selamat Hari Jururawat kepada semua jururawat yang selama ini telah banyak berkorban, masa dan tenaga demi menyelamatkan nyawa pesakit. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Hari Guru yang akan disambut pada 16 Mei ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada semua Pejabat-pejabat Daerah di seluruh Negeri Pulau Pinang yang telah memberikan

kerjasama yang baik. Sekalung penghargaan dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berjaya menggalas amanah dan tanggungjawab yang diberikan demi menjaga kebajikan rakyat di Negeri yang tercinta ini.

YB. Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Pantai Jerejak. Saya seterusnya ingin mempersilakan Air Putih untuk membuat penggulungan.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas keperihatinan Tuan Yang Terutama Tun terhadap rakyat dan pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Ini jelas digambarkan melalui ucapan dasar Tuan Yang Terutama Tun di perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas pada 30 April 2015.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah juga dizahirkan di atas pelantikan Tuan Yang Terutama Tun sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang buat kali yang keenam. Tahniah diucapkan kepada Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan. Bagi pihak seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang kami mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Berbahagia Toh Puan sentiasa diberi kesejahteraan dan dipanjangkan umur dan mendapat keberkatan serta kerahmatan untuk terus memegang tampuk kepimpinan tertinggi di Pulau Pinang. Masih belum lewat untuk saya zahirkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas pencapaian bersejarah iaitu Pengisytiharan Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang ketiga belas di Malaysia berkuatkuasa pada 1 Januari 2015. Semestinya ucapan tahniah juga diucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' Hajah Patahiyah Binti Ismail di atas lantikan beliau sebagai wanita pertama yang memegang jawatan Datuk Bandar di Negeri Pulau Pinang. Dengan status terbaru ini adalah diharapkan supaya perkhidmatan yang diberikan oleh MBPP akan lebih efisien dan mencerminkan sebuah bandar raya yang maju dan bertaraf antarabangsa dan bersih, hijau, sihat dan selamat.

Bulan Mei menyaksikan juga kemenangan utuh buat Negeri Pulau Pinang di mana Kerajaan Negeri yang didokong oleh Pakatan Rakyat telah berjaya mengekalkan kerusi Parlimen Permatang Pauh dalam Pilihan Raya Kecil yang berlangsung pada 7 Mei 2015 dengan majoriti 8,041 undi. Ini jelas menunjukkan sokongan kuat dan kepercayaan rakyat tanpa mengira kaum dan agama terhadap kepimpinan Kerajaan Negeri pada penggal ini. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan dalam sesi perbahasan pada Dewan kali ini. Saya merasa gembira kerana banyak perkara telah dikemukakan semasa sesi perbahasan ini. Walau pun ada beberapa ulasan yang kurang tepat atau tidak berasas, memang ia adalah sebahagian daripada rentak dan gaya dalam perbahasan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang mencerminkan sifat demokrasi dan budaya akauntabiliti yang ditonjolkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Sesungguhnya hasil perbincangan ini merupakan keberkatan kepada kemufakatan antara kita semua yang sanggup berkompromi tanpa berkira sebarang perbezaan semata-mata menuntut sebuah Negeri yang lebih maju dan berdaya saing berlandaskan urus tadbir CAT, Cekap Akauntabiliti dan Telus. Di kesempatan ini juga saya ingin menegaskan bahawa dakwaan yang Kerajaan Negeri Pulau Pinang dikatakan bergantung semata-mata kepada penjualan tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjana pendapatan adalah tidak benar sama sekali. Isu ini telah ditimbulkan dalam Pilihanraya Kecil dan kita telah jawab saya rasa rakyat pun tahu apakah kedudukan sebenarnya. Di sini Dato Yang di-Pertua apa lebih diberikan tumpuan oleh pihak rakyat ialah pembangunan yang seimbang bukan sahaja di kawasan Pulau tetapi juga di kawasan Seberang. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian sebagai satu contoh kawasan Permatang Pauh saya masih ingat bahawa Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Ahmad Zaid Hamidi pernah berjanji untuk memberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM5.0 juta sekiranya Barisan Nasional memenangi Pilihanraya Kecil Permatang Pauh. Mungkin beliau tidak tahu bahawa selama 7 tahun ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membelanjakan peruntukan sama ada secara langsung atau tidak langsung sebanyak RM70 juta untuk kawasan Parlimen Permatang Pauh. Apakah RM5 juta ringgit berbanding dengan RM10 juta setiap tahun yang dibelanjakan oleh pengundi Permatang Pauh, itulah sebabnya pengundi Permatang Pauh berasa mereka diperlekehkan dengan habuan yang cuba diusahakan seperti ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Bangga lah Kerajaan Negeri dapat memperuntukkan RM10 juta setiap tahun untuk Parlimen Permatang Pauh. Tetapi bila diumumkan macam itu, saya hairan kenapa Penanti terpaksa berhempas pulas untuk membuat usul memohon dan sebagainya untuk mendapat peruntukan untuk membina parit, longkang dan menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasannya sampai *stress*, sampai sakit.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa YB. Ketua Pembangkang drama sangat. Dramatis sangat memang beliau sakit, tetapi beliau sakit bukan kerana itu, so janganlah terlalu dramatiklah. So kalau...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato Hajah Jahara Bt. Hamid):**

Bukan dramatik, saya hanya ikut apa yang dia kata...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tetapi dia sakit, dia di hospital kerana dapat Lepto, ah *Leptostrisis* ini bukan *stress*. Saya rasa janganlah. No lah. *Lets talk facts, shes got Lepto*. Jangan kata facebook. Ini tak ada kaitan dengan *stress* dan kalau *Lepto*, *lepto is not related to stress*. *Come on, we have a doctor in the house. You can ask the doctor* YB. Seberang Jaya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kita baca dalam *facebook* dia, dia kata dia rasa *stress*, sekarang berada di Hospital, dalam *facebook* kita baca....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tetapi kerana sekarangnyalah ialah *Lepto*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Hari ini tetapi saya kata dia *stress* pada hari itu sebab usulnya sudah di tolak, dan dia *stress*, maksud saya begitu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya rasa kita berdasarkan fakta, kita berdasarkan fakta apa yang .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*Facebook* dia sendirilah. Akuilah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini berdasarkan fakta dan sekarang beliau telah beritahu, ini berdasarkan *Lepto*. *And Lepto* itu adalah satu penyakit yang saya rasa saya pun pernah menjadi mangsa, saya pernah masuk wad kerana *Lepto*. So jangan ingat bahawa ini perkara biasa, saya pun, kerana mungkin minum, minuman kita minum di tepi jalan, ada apa-apa itu berlaku. Tetapi janganlah kita kaitkan dengan perkara lain....(gangguan), nanti bagi saya habis dulu. So saya harap kalau kita nak hantam pun janganlah ambil kesempatan demikian. *That's all, I want to say thats all*. Bolehkah kita balik kepada perkara ini, jangan pergi simpang sana, simpang ini, saya rasa

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak, tak...(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*No, no I am serious*, kalau kita nak bincang, kita bincang tentang perkara rakyat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey, saya serius YB. Air Putih. Kita bersimpati dengan Penanti. Saya tahu dia apabila 30 haribulan dia datang ke sini, untuk perasmian, dia memang semangat untuk hadir dan berbahas. Saya dukacita sebab dia sakit, kita bersimpati dengan dia. Apa yang disebut tadi adalah merujuk kepada *Facebook* dia yang menyatakan dia *stress* selepas usulnya ditolak. Itu kenyataanya di *Facebook*. Itu sahaja YB. Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Okey, saya, tetapi bukan kerana *stress* dia sakit. Itu yang dikaitkan tadi oleh YB. Telok Ayer Tawar. Sekarang sakit kerana *Lepto*. So itulah tak betul. Janganlah drama sangat, kalau tidak kita tahu mungkin nak sandiwara sedikit, tetapi janganlah, kita balik kepada perkara asal. Kita balik kepada perkara yang berkaitan dengan rakyat. Dan tadi yang disebut oleh Telok Ayer Tawar, ini terpulang kepada Speaker, so kalau nak dapat apa-apa sebabnya, Speaker telah jawab, Ini bukan kuasa saya, ini kuasa Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sila.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya tertunggu-tunggu soalan yang telah pun dibangkitkan kononnya YB. Penanti *stress* kerana usul ditolak dan Ketua Pembangkang telah beberapa kali telah pun bangkitkan isu ini yang kononnya yang juga masalah di kawasan Penanti juga tidak diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri kerana usul juga. Saya ingin memaklum kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terdapat lima (5) usul yang dikemukakan oleh YB. Penanti. Telah pun ditolak oleh saya atas sebab-sebab yang tertentu, kalau ingin lebih tahu mengenai sebab-sebab itu telah pun saya menulis surat kepada beliau. Misalannya usul yang dibangkitkan antaranya, satu (1) telah pun YB. Penanti bertanya dalam empat (4) soalan. Misalannya antara 1 usul yang saya tak mahu bacalah, telah pun ada empat (4) soalan, tiga (3) soalan bertulis, satu (1) soalan lisan yang telah tanya dengan masalah yang sama. Itu jadilah satu sebabnya usul beliau ditolak tetapi bukan maksudnya soalan atau pun masalahnya tidak dibangkit atau pun tidak dijawab kerana kesemuanya melainkan satu (1) yang beliau tanya silap iaitu dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, yang lain semua YB. Penanti telah pun membawa melalui soalan bertulis ataupun soalan lisan. So saya nak memberi sedikit penjelasan, supaya ini jangan silap tafsir atau pun disengajakan bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi perhatian kepada YB. Penanti. YB. Penanti juga, kalau beliau ada di Dewan ini, akan saya juga memberi penerangan seterusnya bagi kepada beliau. So saya nak...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Ariff Bin Bahardin):**

Minta Laluan, YB. Air Putih. Selepas mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Speaker. Saya harap Ketua Pembangkang boleh tarik balik kenyataan tadi dan mohon maaf kerana seperti yang dijelaskan oleh YB. Speaker tadi tidak timbul isu bahawa YB. Penanti terpaksa minta usul untuk mendapatkan peruntukan dahulu, bahkan faktanya peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada Kadun Penanti, Seberang Jaya, Padang Pasir dan kepada Permatang Pauh, telah dibahagikan mengikut keperluan seperti yang diminta seperti oleh JKKK dan juga perancangan. Jadi saya harap YB. Telok Ayer Tawar boleh tarik balik kenyataan tadi dan minta maaf.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Y.A.B. Air Putih, silakan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih. Saya ingin nak sebut tentang pembangunan yang kita jalankan dekat seluruh Negeri Pulau Pinang. Bukanlah sekadar lima (5) tahun sekali, saya rasa itu yang kita benci sama sekali. Pembangunan lima (5) tahun sekali yang di bawa budaya lima (5) tahun sekali yang di bawa oleh Barisan Nasional. Banyak isu-isu macam pemberian sumbangan kepada dewan-dewan sekolah, mengapa masa pilihanraya kecil baru memberikan pengagihan RM200.000 kepada semua sekolah. Tak akan ia tidak boleh diberikan dalam masa bukan musim pilihanraya. Saya bagi contoh, kita lihat pembangunan yang kita buat dekat Permatang Pauh, pihak Kerajaan Negeri bina dewan yang paling cantik di Pulau Pinang. Kita bina di Seberang Jaya, Seberang Perai Arena. Kita pun nak bina pasar, menaik taraf pasar di Jalan Tenggara dekat Seberang Jaya. Dan dekat Kampong Pelet bukan sahaja dekat Seberang Jaya, di antara Penanti dan juga Permatang Pasir. Kita telah membuat rancangan untuk bina dewan di Kampong Pelet, dan pengambilan tanah telah dilakukan tahun lepas sebelum pilihan raya berlaku. Inilah pembangunan mampan, berterusan yang kita jalankan bukan pembangunan lima (5) tahun sekali. Dan saya rasa rakyat tentu tahu bahawa kalau kita nak berikan perkhidmatan, tunjukkanlah keikhlasan, tunjukkanlah kejujuran. Janganlah lima (5) tahun sekali baru datang, yang penting ialah kita mesti sentiasa datang bagi wang jangan lima (5) tahun sekali bagi. Tiap-tiap tahun bagi, saya rasa itu yang penting.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Minta Laluan.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Air Putih. Kerajaan Pusat dia tidak pernah mengabaikan Pulau Pinang, saya dah cakap dalam perbahasan saya bahawasanya setiap tahun akan ada peruntukannya yang diberikan untuk Negeri Pulau Pinang bagi pembangunannya.

Pembangunan yang pertama 69 projek bernilai RM253 juta, bagi pelan yang kedua 88 projek, RM309 juta. Bagi pelan yang ketiga RM441 juta. Bagi pelan yang keempat, 40 projek, RM144 juta dan pelan yang kelima bagi tahun ini, 105 projek untuk RM3 billion. So, ini berjumlah RM4.7 bilion. Ini kan pemberian yang berterusan, bukan lima (5) tahun sekali, berterusan YB. Air Putih. So, saya tak boleh terima kalau kata kita hanya bagi lima (5) tahun sekali, saya rasa tak betul yang itu. Kita bagi berterusan dan tentunyalah apabila ada program tertentu pengumuman itu biasa. Itu biasa dan ini bukannya lima (5) tahun sekali YB. Air Putih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini hanya diumumkan apabila menjelang Pilihanraya Kecil Permatang Pauh. Kalau tak ada Pilihanraya Kecil Permatang Pauh tak akan sekolah-sekolah akan dapat sumbangan, saya rasa janganlah tipu sendirilah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat, kita di Balik Pulau kita bagi RM1.3 juta kepada dua (2) buah sekolah Cina. Tak ada pilih raya di Balik Pulau, kita bagi juga.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kalau ada, saya ucapkan syabas.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itulah janganlah....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tapi saya sebut tentang Permatang Pauh. Di mana Timbalan Perdana Menteri sendiri datang untuk memberikan wang. Mengapa tak diberikan sebelum pilihan raya? Macam saya sebut tentang dewan yang kita nak bina dekat Kampung Pelet. Pengambilan tanah dijalankan tahun lepas. Sebelum kes Dato' Seri Anwar dijatuhkan masuk penjara. Ini bukan untuk pilihan raya kecil. Ini dijalankan yang saya sebutkan pembangunan mampan dan berterusan. Tak dipengaruhi oleh pilihan raya. Itulah yang saya rayu, jauhilah kita daripada budaya lima (5) tahun sekali. Kerana sekarang rakyat tak makan habuan lima (5) tahun sekali. Rakyat mau lihat pembangunan secara institusi sistematik dan saya rasa YB. Pulau Betong, saya hormat beliau sebagai seorang profesional. *I know you are decent surveyor*, ini bukan main-main. Bukan kangkong punya *surveyor*, *you are decent surveyor*. Mana saya cakap ada kampung.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Janganlah nak memperlekehkan, *you are accountant*, janganlah memperlekehkan *other surveyor* yang kangkong pula.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ada, ada.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tak boleh lah cakap macam itu, ini satu penghinaan kepada *profession surveyor*.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya boleh tunjuk mana syarikat yang ada kaitan dengan Goh Choon Lye. Surveyor yang ada kaitan dengan Goh Choon Lye. *You* tahu siapa Goh Choon Lye kah?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tahu, tapi tak boleh macam tu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita tak mahu sebut pasal itu. Bila saya hormat Yang Berhormat sebagai seorang *surveyor* yang *decent*....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tahu Yang Berhormat menghormati saya tapi Yang Berhormat menghina yang lain.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak apa, tak apa. Kalau *you* tak mahu terima penghormatan anda sebagai seorang *surveyor* profesional, saya tarik balik, tak apa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Bukan, soalnya tak boleh menghina profesion yang lain.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Mana ada saya menghina. *In every profession there always a black sheep* itu *understand. Every profession there is a black sheep and I'm saying that..* (dengan izin) *I'm respect you as a decent profesional* dan kerana saya hormat sebagai anda sebagai profesional sebagai Juruukur profesional. *I'm know that you good surveyor, profesional.* Itu lah saya cakap mengapa kita tidak boleh wujudkan satu (1) sistem, satu (1) budaya politik yang sihat. Janganlah hanyalah berdasarkan musim pilihanraya baru kita buat permohonan, baru kita buat sumbangan. Tak kan kita tak boleh buat sepanjang masa. Itu yang saya nak tekankan dan kalau Yang Berhormat tak setuju tak apa, itu hak Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kan YB. Air Putih saya tekankan bahawa berterusan dari RMK 1, 2, 3, 4 berterusan lima tahun kita buat, bukan sedikit, banyak.



## Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya sebutkan tentang kes Pacifik Permatang Pauh. Mengapa tidak diberikan sebelum pilihanraya, hanya masa pilihanraya baru bagi. Kalau itu *rolling plan* adalah, kalau ada saya alu-alukan, harap adalah. Kita hendak lihat dekat mana projek-projek yang telah disebutkan oleh YB. Pulau Betong kalau boleh kita kongsi maklumat, kongsi maklumat dekat mana. RM4.0 juta lebih ini dibelanjakan, yang saya tahu tentu ada jalan yang dibuat untuk *connecting road* kepada Jambatan Kedua Pulau Pinang. Kita tahu ini memang ada, kira-kira RM800 juta. Itu ada tapi di sana selain daripada itu Kerajaan Negeri tak tahu langsung, kita nak dapat maklumat. Kita tak dapat itu sebab saya cakap kongsi maklumat. Kita rela dapat dimaklumkan, okey. Itu yang saya sebut dan seperti yang saya sebut tentang pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bukan sahaja dekat Pulau, dekat Seberang Jaya. Kalau boleh kita nak pastikan bahawa kedua-dua dekat Pulau, dekat Seberang dapatlah menikmati pembangunan *not only* seimbang tapi pemampasan dan juga bertaraf antarabangsa. Itulah sebabnya kita lihat Seberang Perai Arena, saya rasa YB. Pulau Betong pun ada pergi tengok. Itu diusahakan oleh Kerajaan Negeri sebagai satu tanda komitmen untuk membawa pembangunan sedemikian yang kita lihat dekat kawasan Pulau kita pun cuba boleh buat dekat Seberang. Sebelum ini kita pun berasa bangga akhirnya ada hotel lima (5) bintang dekat Seberang Perai. Hotel The Light terletak di Seberang Jaya kawasan Permatang Pauh lagi. Tak akan faham. Tapi ada hotel lima (5) bintang lah, itu adalah satu kemajuan. Ya, tapi sekurang-kurangnya swasta ada keyakinan. Kalau tak ada keyakinan mereka tak akan buat, bukan senang, bukan senang. Tapi masa dulu tak adalah....(gangguan). Mungkin kalau Balik Pulau bawa Pakatan Rakyat, mungkin adalah. Kita tetap akan sabar, kita tetap akan sabar.

So di sini Dato' Yang di-Pertua, kalau kita lihat tentang pembangunan, penyediaan kemudahan yang kita akan jalankan mengikut dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang telah pun diwartakan pada tahun 2007 di samping itu pembangunan yang seimbang juga harus menitik beratkan kepentingan untuk mengekal dan memelihara kawasan sensitif alam sekitar, kawasan pertanian dan juga kawasan tanah tinggi yang melebihi 76 meter. YB. Paya Terubong, YB. Berapit, YB. Telok Ayer Tawar, YB Sungai Acheh dan beberapa lagi ADUN-ADUN telah membangkitkan cadangan Tuan Yang Terutama Tun untuk membina Dewan Undangan Negeri yang baru dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru.

Sebagai makluman semua Yang Berhormat yang ada dalam Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kajian kesesuaian perlu dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri sebelum memutuskan cadangan ini. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri perlu meneliti beberapa aspek penting seperti kesesuaian lokasi, asebiliti yang lebih mudah, kelengkapan dan keperluan kemudahan, ruang, reka bentuk dan lain-lain keperluan yang baik, luas dan selesa diambil kira dalam cadangan pembinaan Bangunan Dewan Undangan Negeri dan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru. Namun begitu Kerajaan Negeri berterima kasih di atas segala pandangan dan cadangan yang telah diberikan. Begitu juga dengan pandang daripada Yang Berhormat tentang cadangan kegunaan Bangunan Dewan Undangan Negeri semasa bagi dijadikan muzium setelah Dewan Undangan Negeri baru disiapkan. Ini saya rasa adalah satu cadangan yang boleh pertimbangkan kemudian apabila kita pindah ke Bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru kelak. Tapi tentu ia makan masa dan dalam aspek ini untuk Pusat Pentadbiran yang sekarang dekat KOMTAR, saya rasa untuk Kerajaan Negeri

Pulau Pinang buat masa ini masih hendak menumpu di kawasan KOMTAR kerana sejarah dan juga latar belakangnya. Kalau tiba-tiba ia dipindahkan, saya rasa ia akan memberikan satu impak negatif yang mungkin menjejaskan perniagaan dan juga kawasan persekitaran berdekatan dengan KOMTAR. Oleh itu, buat masa ini tidak ada satu cadangan untuk memindahkan Pusat Pentadbiran daripada KOMTAR. Tapi kita memang akui bahawa mungkin sudah sampai masanya untuk membina satu Bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru dan kalau dibandingkan dengan Pusat Pentadbiran kosnya memang lebih rendah untuk satu Pusat Pentadbiran saya ia akan makan kos yang jauh lebih tinggi. Sebagai satu pemulaan kita mengambil langkah untuk Bangunan Dewan Undangan Negeri yang baru dulu kerana ia adalah satu simbol demokrasi. Ia mencerminkan kuasa rakyat. Kami rasa ia harus diberikan tumpuan.

YB. Tanjong Bunga telah menyentuh berkenaan Laporan Ketua Audit Negara mengenai kelemahan prestasi lima buah Pejabat Daerah dan Tanah serta Bahagian Strata Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, teguran Laporan Ketua Audit Negara yang dibuat kepada Bahagian Strata Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang adalah berkenaan Pengurusan Hak Milik Strata, Pengurusan Bahan Batuan dan Pengurusan Pemberimilikan Tanah. Kesemua teguran yang dibangkitkan telah diambil tindakan sewajarnya di mana maklum balas kepada Ketua Audit Negara telah dikemukakan termasuk usaha oleh Pejabat Tanah terlibat untuk menuntut semula kekurangan kutipan yang telah berlaku akibat perbezaan kaedah kiraan yang digunapakai. Begitu juga dengan teguran berkaitan dengan Pengurusan Hak Milik Strata telah diambil tindakan dan diselesaikan. Arahan terbaru ini akan dapat mengelakkan isu tersebut daripada berulang. Di antara kandungan arahan tersebut adalah semua pengusaha kuari perlu mengemukakan permohonan untuk memperbaharui permit mengeluarkan dan memindah bahan batuan kepada Pejabat Daerah dan Tanah berkenaan sebelum atau pada bulan Julai setiap tahun untuk membolehkan permit dikeluarkan pada awal tahun berikutnya. Penjualan tanah-tanah di dalam kawasan perusahaan Perai kepada pelabur dibuat oleh PDC. Di dalam satu kes yang telah disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara harga jualan daripada PDC kepada Syarikat Southern Steel adalah atas kadar RM25.00 sekaki persegi. Ini bermakna syarikat berkenaan telah membeli tanah berkenaan mengikut harga pasaran pada masa itu. Harga premier yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada PDC adalah atas kadar RM130.00 sekaki meter persegi iaitu bersamaan dengan RM12.08 sekaki persegi. Harga ini lebih rendah daripada harga yang dibayar oleh Syarikat Southern Steel sebanyak RM25.00 sekaki persegi kepada PDC.

Sehubungan dengan perbezaan harga jualan tersebut Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk PDC membayar perbezaan sebanyak RM12.02 sekaki persegi kepada Kerajaan Negeri untuk menjadikan harga bayaran PDC dan Southern Steel bersamaan dengan bayaran PDC kepada Kerajaan Negeri. Ini mengikut Laporan Ketua Audit Negara. Oleh kerana ada perbezaan di antara RM12.00 dan RM25.00 sekaki persegi, maka pihak Ketua Audit Negara cakap ada kurang kutipan tapi ia tidak wujud kerana yang wujud ialah PDC terima RM25.00 tapi sewaktu dia bayar RM25.00 kepada Kerajaan Negeri, tapi dia tak bayar RM25.00 dia bayar RM12.00. Sekarang ditimbulkan oleh Laporan Ketua Audit Negara bahawa ada kurang kutipan maka kita akan minta PDC untuk membayar segala RM25.00 sekaki persegi kepada Kerajaan Negeri, so tidak ada kurang kutipan kerana ini adalah di antara *right hand to left hand*. Semuanya adalah institusi Kerajaan Negeri. Sebenarnya diuntung oleh PDC sekarang akan diuntung oleh Kerajaan Negeri, so tidak ada sebarang kurang kutipan.

YB. Pengkalan Kota membangkitkan persoalan tentang status pembangunan di tanah berhampiran Gat Lebu Macallum. YB. Pengkalan Kota juga memohon supaya pihak PDC membuka tender untuk projek LMC dan memantau tanah-tanah PDC yang belum dibangunkan memandangkan berlaku pencerobohan ke atas tanah-tanah tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, PDC sememangnya mempunyai perancangan untuk membangunkan tanah seluas 1.8 ekar yang terletak di Seksyen 11E Daerah Timur Laut iaitu di Gat Lebu Macallum. Projek yang dicadangkan melibatkan Projek Perumahan Mampu Milik dan juga ruang komersial. Projek tersebut masih belum dapat dilaksanakan kerana masih lagi diperingkat *feasibility study* dan projek ini dijangka hanya dapat bermula pada tahun 2017. Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara tender terbuka bagi membolehkan harga kompetitif diperolehi. Pada masa ini PDC juga telah mengambil tindakan membersihkan tapak daripada sebarang semak samun dan tindakan pemantauan terhadap sebarang aktiviti pencerobohan ke atas tanah tersebut.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin untuk bekalan air yang lestari bagi rakyat Negeri Pulau Pinang. Bekalan air yang lestari atau mampan adalah perkara utama yang menimbulkan kebimbangan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Cabaran utama kita adalah kekurangan sumber air mentah kerana Pulau Pinang secara geografinya adalah sebuah Negeri kecil dengan sumber air mentah yang agak terhad. Ketika ini sumber air mentah utama Pulau Pinang ialah Sungai Muda di Seberang Perai. Sejak tahun 1973, Pulau Pinang mengekstrak air atau mengambil air daripada Sungai Muda tanpa sebarang caj. Satu perkara statuskop sejak lebih 40 tahun dulu. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa berdiri teguh memastikan hak Pulau Pinang untuk mengambil air dari Sungai Muda tanpa sebarang caj kerana tiga (3) sebab utama.

Pertama, Sungai Muda adalah ciri geografi semula jadi yang mentakrifkan sempadan antara Kedah dan Pulau Pinang. Selaras dengan hak *riparian* atau *riparian* atau hak air. Ini saya ingat YB. Bertam pun akan setuju *riparian*, *water riparian*. Pemilik tanah berhampiran sumber air mentah semula jadi mempunyai hak ke atas aliran semula jadi. Penggunaan yang munasabah dan kegunaan yang bermanfaat. Dengan itu Pulau Pinang berhak untuk mengambil air dari Sungai Muda selaras dengan hak airnya. Kedah juga melakukan perkara yang sama. Oleh sebab itulah, tiada apa-apa caj selama 40 tahun ini. Demikian juga, tiada keperluan untuk apa-apa caj hari ini atau pada masa akan datang.

Pada tahun 1982, Kedah menandatangani memorandum pesefahaman atau MOU yang menjamin air mentah Pulau Pinang dari Sungai Muda sebagai pertukaran untuk tanah. Pulau Pinang menyerahkan 10.88 hektar tanah kepada Kedah dan bersetuju untuk memberikan kerjasama kepada Kedah berhubung pengurusan Empangan Muda. Sebagai balasan, Kedah bersetuju untuk penjajaran semula sempadan Negeri ke tengah Sungai Muda agar Pulau Pinang boleh mengekstrak atau mengambil air dari sungai di dalam sempadannya sendiri. Ini adalah dokumentasi jaminan air yang disediakan oleh Kedah. Ia adalah satu pra-syarat untuk pinjaman Bank Pembangunan Asia pada 1973 yang diatur oleh Kerajaan Persekutuan bagi Pulau Pinang melaksanakan projek-projek bekalan air.

Ketiga, Pulau Pinang memperolehi air mentah dari Sungai Muda tanpa sebarang kos kepada Kedah. Pulau Pinang menggunakan infrastruktur dan sumbernya sendiri. Air diangkat dari sempadan Pulau Pinang bukan daripada sempadan Kedah kerana jajaran sempadan adalah ditengah-tengah air sungai dan ini pun dipersetujui oleh kedua-dua Negeri. Pulau Pinang menggunakan infrastrukturnya dan sumbernya sendiri. Perlu

dinyatakan bahawa Kedah tidak mengepam air mentah ke Pulau Pinang setiap hari daripada kawasannya, tidak. Air mentah dari Sungai Muda mengalir secara semula jadi dengan graviti dari bukit ke laut, *repairing right*, itulah maksud water *riparian*. Oleh itu, tiada kos kepada Kedah, tiada alasan yang kukuh untuk mengenakan bayaran. Yang telah pun dipersetujui selama lebih 40 tahun, Yang nyata, ketika kemarau teruk yang berlaku pada masa lalu, Pulau Pinang membayar Kedah bagi air terawat kerana mereka menghantar air terawat daripada kawasan negeri mereka dan tentulah kita patut bayar. Walau bagaimana pun ini hanyalah kes-kes *isolated cases or* kes-kes tertentu sahaja dan bukanlah berkala pun yang membabitkan air terawat yang sangat kecil dan tidak dilakukan tetap atau berkala. Sekarang Pulau Pinang tidak lagi membeli air terawat daripada Kedah. Ini ialah keadaan dulu, sekarang tidak berlaku.

Oleh sebab itu untuk menyatakan bahawa kerana kita ada beli air terawat daripada Kedah maka kita kena bayar. Ini macam bila kita berikan bantuan kepada Kelantan mahupun kepada Perak maka Perak pun bayar kepada kita untuk kegunaan air. Saya rasa ini tak masuk akal, so saya harap perkara ini, penjelasan seperti ini dapat menyatakan dengan terang sekali bahawa memang kita berhak untuk mengambil air daripada Sungai Muda kerana ia terletak dalam kawasan sempadan Negeri Pulau Pinang. Jika Kedah perlukan bantuan kewangan untuk melindungi kawasan tadahan sekitar Ulu Muda yang membekalkan air untuk Sungai Muda, Kedah perlu mendapatkan dana Persekutuan untuk melaksanakan inisiatif ini. Dalam Rancangan Malaysia Ke-10, Kerajaan Persekutuan telah menyatakan ia akan mengambil inisiatif untuk menggalakkan negeri-negeri mewartakan hutan terutamanya kawasan tadahan air sebagai kawasan perlindungan. Melindungi kawasan tadahan sekitar Ulu Muda bukan sahaja akan memberi manfaat kepada Pulau Pinang. Langkah ini turut memberi manfaat kepada 3.8 juta rakyat di Kedah termasuk Pulau Langkawi dan juga Pulau Pinang dan selatan Perlis kerana ia akan memastikan air yang selamat dan mencukupi bagi Jelapang Padi Malaysia dan memelihara kawasan warisan semula jadi penting di Wilayah Utara untuk semua rakyat Malaysia dan pelancong alam sekitar. Oleh itu, Pulau Pinang akan menyokong penuh permohonan Kedah untuk pembiayaan Persekutuan bagi melindungi kawasan tadahan sekitar Ulu Muda.

Dengan sumber sedia ada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang boleh mengekalkan bekalan air yang baik di Pulau Pinang sehingga tahun 2020. Setakat ini, tiada catuan di Pulau Pinang walau pun perubahan iklim telah menyebabkan musim kemarau yang begitu lama. Pada tahun 2014 dan 2015, negeri-negeri lain seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Johor termasuk juga Taiping yang merupakan bandar paling basah di negara ini terpaksa menjalankan catuan air. Tiada sebarang catuan air di Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri telah mengarahkan PBAPP untuk mengelakkan catuan air walau apa cara sekali pun. Pada tahun 2009 PBAPP telah menjalankan kajian bebas Kajian Pelan Induk Untuk Air Minum di Pulau Pinang Sehingga 2050. Laporan kajian mencadangkan pelaksanaan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak atau SPRWTS. Ketika membuat perancangan bagi mengelakkan catuan di masa hadapan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah banyak kali menulis surat secara rasmi kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air atau KeTTHA iaitu sejak tahun 2013 memohon pelaksanaan segera Skim Pemindahan Air Mentah tersebut. Skim akan menjadi sumber air mentah kedua utama Pulau Pinang untuk menangani cabaran perubahan iklim. Ia juga akan menjamin air mentah yang mencukupi bagi Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

Walau bagaimanapun, Menteri KeTTHA Dato' Seri Maximus Ongkili memaklumkan kepada Pulau Pinang bahawa skim ini adalah terlalu awal dan Pulau Pinang dinasihatkan untuk mengurangkan penggunaan air perkapita untuk pengguna domestik. Pada 1 April 2015, PBAPP untuk membolehkan kita menerima nasihat yang diberikan oleh Menteri KeTTHA mengurangkan penggunaan air domestik. Melaksanakan kajian semula tarif air Pulau Pinang 2015. Matlamatnya adalah untuk mengurangkan penggunaan perkapita domestik di Pulau Pinang daripada 293 liter per kapita sehari kepada 260 seperti mana yang dinasihatkan oleh YB. Menteri KeTTHA Dato' Seri Dr. Maximus Ongkili. Inilah kenaikan tarif air untuk pengguna domestik yang pertama sejak tahun 2008 dan bukannya kali keempat sebagaimana fitnah yang didakwa oleh pihak Pembangkang. Lagipun Pulau Pinang harus mengurangkan penggunaan air kerana dari segi per kapita domestik adalah tertinggi di Malaysia berbanding dengan purata Nasional 210 liter per kapita. Penggunaan tinggi tidak dapat dikurangkan kerana tarif air domestik yang terlalu rendah dan ini telah dirujuk secara tidak langsung oleh Dato' Seri Dr. Maximus Ongkili. Bukan itu sahaja, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pun telah berkali-kali meminta Pulau Pinang menaikkan tarif air kerana terlalu rendah. Sebelum mereka membuat pengumuman secara umum meminta semua negeri menaikkan tarif air untuk pengguna domestik seperti mana yang dilaporkan dalam surat khabar pada 25 April tahun ini. Ini bagi memastikan Pulau Pinang mempunyai air yang mencukupi selepas tahun 2020 bagi menampung kelewatan pelaksanaan Skim Pemindahan Air Mentah daripada Perak.

Untuk memastikan pengguna-pengguna domestik Pulau Pinang menjimatkan air, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengekalkan purata tarif terendah di Malaysia bagi penggunaan domestik sebanyak 35,000 liter sebulan. Purata tarif ini hanya RM0.32 bagi setiap 1,000 liter. Ia adalah kurang daripada 50% berbanding purata kebangsaan iaitu RM0.66 bagi setiap 1,000 liter atau pun kalau berbanding dengan Negeri Johor RM1.05 lebih tiga (3) kali ganda lebih mahal daripada Negeri Pulau Pinang. Saya rasa ia masih merupakan tarif yang paling mesra rakyat di Malaysia. Kerajaan Negeri sangat serius untuk mengekalkan bekalan air yang baik dan berterusan di Pulau Pinang kini dan pada masa akan datang, kalau boleh kini dan selama-lamanya. Dalam soal bekalan air, Kerajaan Negeri Pulau Pinang benar-benar komited dalam memastikan bekalan air lestari atau mampan bagi rakyat Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada pihak pengurusan bahawa *under no circumstances there shall be any water rationing, if any water rationing is implemented it would route* dan untuk memastikan mereka tidak diananyi kerana komitmen Kerajaan Negeri maka kita pun setuju dengan beberapa langkah berkaitan dengan *water demand management and water sprite management*. Itulah yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Saya pun ingin mengambil kesempatan Dato' Yang di-Pertua, bahawa oleh kerana bekalan air yang memadai, tanpa catuan air telah memastikan atau menjaminkan kepada pelabur bahawa operasi mereka tidak akan terjejas untuk mana-mana syarikat pembuatan kalau berlaku catuan air mereka akan menghadapi kerugian yang amat besar. Saya tak mahu sebut tentang syarikat-syarikat tertentu dari negeri-negeri lain yang berhijrah ke Pulau Pinang kerana mereka mahu jaminan bekalan air. Saya rasa itu yang paling penting. Di sini saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan yang telah menerima cabaran ini. Seperti yang saya sebut *no water rationing under any circumstances*. Saya rasa itulah satu KPI yang amat penting bagi rakyat Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri mengalu-alukan langkah Kerajaan Negeri Terengganu mengikut langkah Pulau Pinang mengecualikan bayaran GST kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kepada rakyat. Kita tidak seperti Terengganu yang menyatakan ia hanya akan menanggung beban rakyat bagi bayaran GST hanya untuk setahun. Tapi untuk Negeri Pulau Pinang, bagi MBPP dan MPSP kami Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menjamin kepada rakyat bahawa kami tetap akan menanggung beban rakyat bagi bayaran GST bagi setiap tahun. Ini untuk sekali lagi menunjukkan kita tak mahu ikut budaya lima (5) tahun sekali. Kita buat setiap tahun dan tentu ia ada kosnya, kosnya bukan kurang.

Untuk MBPP RM15.6 juta, untuk MPSP RM5.8 juta ini akan ditanggung oleh MBPP dan MPSP. Tapi walau bagaimana sakit pun, saya rasa kita kena tahan asalkan dapat memberikan sedikit kelegaan kepada rakyat. Di sini MBPP dan MPSP perlu membayar terus sebanyak RM14.4 juta dan RM5 juta sebagai cukai *output* dalam melaksanakan kerja-kerja awam dan projek-projek pembangunan. Jumlah sebanyak RM11.4 juta cukai *output* ini iaitu kedua-dua MBPP dan MPSP akan dibayar terus kepada Jabatan Kastam. Seterusnya MBPP dan MPSP perlu mengutip daripada rakyat sebanyak RM1.23 juta dan RM863,000 iaitu keseluruhan sebanyak RM2.1 juta daripada rakyat untuk dibayar sebagai *input tax* kepada Jabatan Kastam. Kedua-dua *output tax* dan *input tax* akan ditanggung oleh MBPP dan MPSP. So di sini, kita tak faham, mengapa jalan, longkang, bina pasar raya, bina dewan yang kita nak buat dekat Kampung Pelet, kita kena bayar GST. Nasib baik itu SPA (Seberang Perai Arena) telah siap dibina di Seberang Jaya. Kalau tidak pun, akan kena GST. Itulah yang kita tak faham. Ini adalah yang disebut *output tax*. Rakyat tak kena secara langsung, tapi akhirnya wang mereka juga. *Input tax* letak kereta, kena GST. Sewa dewan orang ramai untuk buat kenduri, kena GST. Kahwin atau apa-apa program kena GST. Ini yang kita sepatutnya kutip daripada rakyat untuk bayar kepada Jabatan Kastam menjadi perantara, Kerajaan Negeri telah putuskan bahawa kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan akan menanggung bayaran beban GST ini. Ini setiap tahun, sila... (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kalau kita tengok konsep, Yang Berhormat sebagai akauntan mesti faham. Konsep GST adalah perniagaan. Majlis Perbandaran Pulau Pinang mesti buat perniagaan. Mereka ada dewan, mereka sewa kepada orang. So untuk mereka *absorb the cost*, patut sangat la. Kalau kata satu dewan, katalah RM10, GST 10 sen, RM10.60. So apa salahnya kita sewakan RM9.40, 60 sen kita *absorb* dan sekiranya itu satu bebanan untuk Kerajaan Negeri, kita boleh mohon tahun depan, sebab GST ni bukan *permanent*. Tahun depan boleh minta boleh *exempted* lagi sewa dewan dan sebagainya. Ini boleh bagi cadangan. Ini peringkat asas perjalanan. So di mana-mana yang kita rasa berat, kita boleh buat cadangan tetapi pada asasnya, konsepnya, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan berniaga. Ni dikenakan pada peniaga tetapi ada cukai pintu, cukai tanah tak dikena GST. Ni atas bentuk perniagaan. *parking* meniaga. Apa salahnya kurangkan sedikit keuntungan untuk rakyat.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Telok Bahang. Yang Berhormat Telok Bahang orang baik hati, orang bijak tapi saya rasa kali ini dia telah dikelirukan oleh orang atas di Kementerian Kewangan. Betul, ini boleh dianggap perniagaan. Tapi bila MBPP atau MPSP sewa dewan orang ramai, mereka berniaga untuk siapa? Mereka berniaga dalam istilah berniaga untuk rakyat supaya sewa untuk memberikan kegunaan kepada rakyat. Kita sewa itu dewan orang ramai dengan harga yang rendah kalau berbanding dengan hotel-hotel lima (5) bintang, hotel-hotel empat (4) bintang, mahal. Ini murah. Murah pun nak kena caj GST....(gangguan). Nanti saya habis. Saya nak habis semua *point* semua hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat Telok Bahang, kerana saya nak buktikan yang mereka ini memang tak masuk akal. Bukan Yang Berhormat tak masuk akal, Menteri Kewangan tak masuk akal. Memang tak masuk akal kerana projek-projek Kerajaan Negeri bukan laba, *non-profit*. Untuk dewan, kita bina dewan macam dekat Seberang Perai Arena, RM11.0 juta kita belanja. Adakah dengan kutipan sewa kita boleh dapat kita punya *care pack*, dapatkan *capital investment*. Kos pembinaan dewan. Tak mungkin. Tak mungkin langsung. Tapi kita nak berikan kemudahan untuk rakyat macam Yang Berhormat seorang pemain bola sepak yang handal. Sewa stadium, kena GST. Main bola untuk rekreasi, kena GST. Masuk akal tak? Tak masuk akal. Kita bukan nak kutip tiket untuk orang masuk, tak ada tapi kena GST juga. Itulah yang saya cakap, kalau kita semua telah berniaga, berniaga bukan untung. Berniaga untuk *public good*. Untuk manfaat rakyat. Mengapa perlu dikenakan GST? Dan itulah sebabnya sampai Tuanku Sultan Johor tak boleh tahan. Beliau bertitah, tak masuk akal. Ini bukan istilah saya, itu istilah Tuanku Johor. Ada salah tak? Tak ada salah. Sila.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kalau begitu Yang Berhormat, lebih baik kita bagi *free*. Tak payahlah kita sewakan. Bagi *free* lebih baik, apa salahnya? Kalau kita kata ini bagi *free* lah dan nombor satu (1), kalau tak boleh bagi *free*, kita boleh buat *proposal* tahun depan. Bagi *free* lah. Jangan buat berniaga.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang lain jangan ganggulah.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kita jadikan untuk perniagaan. Tapi kita kena faham..

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya minta Ahli Yang Berhormat yang lain jangan ganggulah. Anda pun dah diberi peluang.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Kita kena faham sebab itu *definition*, perniagaan. Yang Berhormat ada *point* sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat boleh ajukan untuk bajet tahun depan tetapi itu definisi, definisi perniagaan. Kalau apa-apa perniagaan, siapa saja buat perniagaan, memang itu tertakluk kepada *definition* dia. Okey, kita dapati tahu sekarang, oh ini tak bagus, ini, dan kita boleh buat cadangan. Sebagai Ahli Parlimen, Yang Berhormat boleh ajukan permasalahan itu penggal depan, untuk tahun yang akan datang, tapi kalau itu tidak diajukan, saya pergi di Parlimen melihat bagaimana Yang Berhormat berhujah isu ini. Tapi sayangnya, Yang Berhormat tak berhujah isu itu. Ketika saya di Parlimen. Saya pergi, saya pergi, saya pergi nak lihat dan saya harap perkara ini Yang Berhormat boleh ajukan sebab *definition* perniagaan mesti kena. Kita tak boleh buat *double standard*. Ini meniaga, ini tak boleh, itu boleh, ini tak boleh. So atas asas *definition*, dan boleh *exempted* kalau kita ada *point* yang kuat.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak ada apa-apa yang nak minta penjelasan?.....(ketawa).

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Takpalah, takpa, Yang Berhormat, kerana beliau telah di *confuse* kan oleh Menteri Kewangan, dia masih keliru sikit. Saya tak salahkan YB. Telok Bahang. YB. Telok Bahang sebut tentang ajukan. Ini telah diajukan. Bahas pun dah bahas tapi diajukan secara hitam putih bila saya tulis surat sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meminta pengecualian. 4 Mac saya tulis surat, tak ada jawapan langsung dan saya meminta bahawa kerana ia bukanlah bersifat keuntungan. Macam kalau kita buat jalan, ia dianggap sebagai perniagaan, dikenakan GST. Tak masuk akal. Kalau ini pun dianggap sebagai perniagaan, saya bagi contoh, kalau kita nak buat kerja amal, kita buat jalan untuk orang kampung, kita bina rumah untuk mangsa-mangsa banjir, ini perniagaan juga. Tapi mengapa ia boleh dapat pengecualian daripada pihak Kementerian? Dianggap sebagai satu tindakan atau aktiviti amal. Saya telah cadang. Tapi tak diterima dan itulah sebabnya, di sini, kita nak mengambil keputusan untuk menanggung beban ini sebagai satu tindakan bantahan, a *protest...*(dengan izin), a *protest against GST*. Yang Berhormat kena lihat kesan GST, bukan sahaja kos harga barangan naik merata-rata tetapi ada perniagaan yang terpaksa tutup kedai, gulung tikar. Kedai runcit, kedai ubat tradisional, kedai *hardware*, tutup. Tak boleh menangani masalah GST. Jangan sebut bahawa hanya orang berniaga saja kena, itu persatuan. Presiden Persatuan Pemandu Teksi, Encik Malik. Nama sama dengan Dato' Malik tapi yang ini Encik Malik. Dia buat aduan sama saya, mengapa kita pun kena bayar GST. Saya tanya macam mana kena bayar GST? Dia tanya balik sama saya, "CM, takkan kita tukar tayar tak perlu bayar GST kah?" Semua kena bayar GST dan saya percaya Yang Berhormat tahu, tapi adakah yang duduk atas-atas dia tahu tak? Dia tak tahu. Sampai Timbalan Menteri Kesihatan tak tahu bahawa bila kita nak cuci buah pinggang, itu pun kena GST. Dahsyat sekali. Macam mana kita cerita? Dia sendiri pun tak tahu. Itulah kesan negatif, itulah macam mana teruknya GST.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, Yang Berhormat telah *confuse* kan semua Dewan.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Siapa *confuse* siapa?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat *confuse* kan semua Dewan. GST ini sama, lebih ganti SST. Ganti SST, Yang Berhormat jangan ketawa. Yang Berhormat sebagai akauntan, saya nak tanya Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat ada peluang, Yang Berhormat pun akan buat GST. Tidak ada, tidak ada negara yang kata GST tidak baik. Tidak ada negara. Tetapi cara penerangan itu kelirukan rakyat. Ada kedai-kedai kerana tidak amalkan GST, mereka tidak ada pengurusan akaun yang baik. Ini adalah perkara-perkara yang baik dan kita pun akan bahas lagi. Saya ingat bagus Yang Berhormat pergi dulu hal-hal lain dan nanti kita buat dalam pembahasan sat lagi. Tak lari, BN tetap.....(gangguan).

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang. Kalau nak bagi kuliah dengan GST, saya rasa ambil masa panjang. Saya nak ringkaskan sahaja. SST satu peringkat, GST semua peringkat, *that why we call value added tax*. Kalau kita lihat, saya tak mahu cakap contoh Malaysia. Saya berikan contoh negara-negara lain. Singapura waktu dia mulakan GST 3% sekarang 7%. Bagi saya habis dulu....(gangguan). Anda sungguh pun bukan seorang akauntan, tetapi nampaknya macam akauntan. Ada sikit, gaya sikit. Lihat Singapura, yang pada asalnya, pada awalnya mereka kenakan GST, ekonomi pun terjejas tapi mereka dapat pulih dengan cepat, secara purata kalau kita lihat tempoh masa untuk membolehkan setiap ekonomi menyesuaikan diri dengan GST, sekurang-kurangnya dua (2) tahun. Sekurang-kurangnya dua (2) tahun. Lepas itu sekiranya semuanya berjalan licin, semuanya berjalan dengan bersih tanpa amalan rasuah, tanpa sebarang pilihan dua (2) tahun. Tapi kita lihat dekat Malaysia, macam mana *lobster* boleh dikecualikan GST. Itu yang kita tak faham. Saya rasa macam buah pinggang itulah, YB. Timbalan Menteri pun tak tahu. Itulah yang sebut ia tidak efisien.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, Yang Berhormat tak boleh bagi contoh *lobster*. *Lobster* tak proses. Dia tidak masuk bawah *definition*. Saya tanya Yang Berhormat, kalau kita beli *lobster* yang diproses, yang ditinkan, kena tak kena GST? Itu *definition*. Dia termasuk dalam *definition*. Saya tanya Yang Berhormat, ikan sardin. Kena tak? Yang Berhormat akan kata kena. Kalau ikan sardin yang tak diproses tak kena GST. Yang Berhormat tahu ini, sebagai akauntan Yang Berhormat tahu. Tapi Yang Berhormat pilih yang mana orang terkejut *lobster*? Besar, mahal. Tapi Yang Berhormat tidak kata definisi, definisi *lobster* yang tak proses dan proses. Senang saja, *simple* saja. Yang proses kena, yang tak proses tak kena. Yang Berhormat tak bersifat adil dalam hal ini..

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Telok Bahang, Telok Bahang. Saya terima cadangan tadi Telok Bahang nanti ada masa yang panjang bagi dalam, usul.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya dah bagi cadangan....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ketua Menteri nak pendekkan ke nak panjangkan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini definisi yang jadi yang memudaratkan kita semua. Definisi yang tidak diperincikan dan dihalusi oleh Pegawai Menteri Kewangan. Saya nak cakap di sini, bila kalau dia semua teratur dia akan hadapi masalah dan apabila mereka tidak bersedia, saya cakap, saya tegaskan di sini, Kementerian Kewangan tidak bersedia untuk hadapi masalah GST. Kita tengok mereka ada buat aduan kalau ada GST, harga akan turun, mana ada turun, tak turun, mana ada harga turun? Tapi Menteri cakap GST harga akan turun. *You* ingat rakyat nak percaya? Rakyat tak percaya. Sepatutnya turun. Itulah masalahnya bila ada masalah, tahu ada masalah, tapi tetap teruskan dengan GST. Saya nak bagi contoh, penjualan kereta. Penjualan kereta dari segi *volume* dia, turun tak turun? Turun, kerana sebelum itu mereka tidak perlu bayar 6%, sekarang, oh kena bayar *advance* 6%. Satu (1) kereta, kalau penjual kereta nak jual kereta, 10 kereta kena bayar 6%. dulu mana ada bayar 6%. *Sales tax* bukan bayar berdasarkan *whole of the car*. *Now you gonna pay for the entire price of the car*. Itu yang berlaku. Itulah sebabnya sekarang lihat dari segi unit penjualan kereta, turun. Siapa nak berani angkat? Sebelum kita jual, kita tempah kereta untuk buat dekat *showroom*, kena bayar 6% dulu. Faham tak? Definisi. Itu definisi. Sebut definisi lagilah. Definisi apa? Saya tak mahu bertekak dengan Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat yang salah. Yang Berhormat tak salah. Yang Berhormat kena keliru sahaja. Betul. Saya pembeli kereta, sebelum saya jual saya kena tempah tapi bila saya tempah 10 biji kereta, saya kena bayar 6% untuk 10 biji kereta yang saya belum jual. Mana saya boleh tahan. *You got cash flow problem*, dan bila kita cerita ini yang atas tak faham, dia tak pernah jual kereta, dia tak tahu. Tak apa dia tak tahu, takkan dia letak dia punya kepala dekat pasir. Itulah masalah dan masalah ini telah merebak kepada seluruh ekonomi kita. Menjejaskan, mencacatkan ekonomi Negara Malaysia. Tambah dengan 1MDB, tak payah ceritalah, sampai kita punya saham turun, kita punya nilai ringgit pun turun, apa-apa pun turun. Saya rasa semua tahu begitu serius mungkin ada orang yang cakap kita menghadapi krisis ekonomi kerana masalah yang kita hadapi. Saya harap bahawa ini bukan sekadar definisi masalah definisi bukan itu dari peringkat akar umbi. Masalah mesti keluarkan wang yang lebih untuk buat perniagaan yang mereka tidak perlu dikenakan sebelum ini seperti penjualan kereta yang saya sebut tadi. Sekarang Yang Berhormat baru faham, terima kasih.

Kerajaan Negeri kesal bahawa tindakan Kerajaan Tempatan menyerap cukai GST telah diserang habis-habisan oleh parti lawan secara serangan peribadi atau pun sebagai langkah populis. Bila kita menjadi perisai cuba melindungi rakyat daripada membayar GST menerusi MBPP dan MPSP. Ini tindakan populis, macam kita salah. Kita cuba melindungi rakyat, kita salah. Yang kenakan GST tidak salah. Yang kenakan GST hero, wira negara. Saya rasa itu memang tidak betul lah. Saya rasa GST seharusnya dimansuhkan kalau kita nak pulihkan ekonomi kita. Saya tidak mahu cakap panjang lagi dengan GST kerana tidak ada satu usul kecuali YB. Ahli Kawasan Telok Bahang masih nak dapat penjelasan lagi.

Saya nak rujuk kepada isu *middle bank* yang dibangkitkan berkali-kali. Kawasan *Middle Bank* telah dikenal pasti sebagai kawasan tebus guna melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2007 dan telah diluluskan oleh pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebelum sesuatu projek pembangunan tebus guna diluluskan oleh Kerajaan Negeri ianya perlu melalui beberapa prosidur penting bagi memastikan ianya mematuhi kesemua aspek perundangan termasuk penyelesaian kepada masalah sosial kawasan setempat. Bagi pembangunan di tanah tebus guna di kawasan *middle bank* ianya juga dikehendaki mematuhi prosidur yang telah ditetapkan seperti mendapat kelulusan DEIA. Laporan DEIA yang dikemukakan turut mengambil kira *impact* kepada eko-sistem hidupan laut di kawasan tersebut sebelum permohonan diluluskan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri belum memuktamadkan jenis pembangunan yang akan dilaksanakan di *middle bank* secara terperinci. Ia masih dalam peringkat penilaian, malah pakar juru perunding jurutera yang membuat penilaian terperinci masih belum dilantik. Oleh itu adalah tidak benar sekali bahawa Kerajaan Negeri telah memberikan kelulusan untuk pembangunan di *middle bank*. Ia masih dalam peringkat penilaian.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pulau Betong membangkitkan isu berkenaan *helicopter pad* bagi tujuan kecemasan di tingkat atas bangunan KOMTAR dan isu menukarkan KOMTAR daripada pusat pentadbiran Kerajaan Negeri kepada sebuah hotel. Untuk maklumat Yang Berhormat, aras 65 menara KOMTAR merupakan premis yang terlibat dengan projek pemuliharaan semula KOMTAR yang dilaksanakan oleh *Only World Group*. Di bawah projek ini aras tersebut akan diubahsuai menjadi sebahagian ruang *out door* atau *sky dining* di puncak bangunan KOMTAR. Pihak PDC telah mengarahkan untuk menyemak dengan pihak Bomba berkaitan dengan *helipad* tersebut dan telah dimaklumkan pihak tersebut tidak pernah dimaklumkan sebagai *helipad* oleh pihak Jabatan Bomba. Malah bomba pun telah meluluskan projek yang dilaksanakan oleh *Only World Group*.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Yang Berhormat saya menyesahkan sekali lagi bahawa Bomba tidak pernah meluluskan *helipad* tersebut. Bomba tidak pernah meluluskan untuk membina di situ. Ia disyaratkan tetapi di bina *because* saya pun bersempang dengan arkitek asal dimaklumkan kepada saya itu keperluan bomba untuk meletakkan, mengadakan atau menyediakan *helipad* di situ. Tiba-tiba hari ini Yang Berhormat kata *contradict* dengan apa yang saya faham. Kalau boleh saya minta Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Putih bagi saya salinan bomba menyatakan tidak mensyaratkan untuk meletakkan *helipad* di situ.

#### **Y.A.B Ketua Menteri:**

Inilah maklumat yang saya terima daripada PDC. Dah tentu PDC akan bertanggungjawab. Menurut PDC yang buat projek dekat aras 65 atas *helicopter pad*, KOMTAR telah mendapat kelulusan daripada Bomba. Kalau tidak mereka tidak boleh menjalankan projek ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Itu yang menghairankan saya. Sefaham saya *helipad* itu disyaratkan di dalam pembinaan awal. Mesti ada *helipad* di tingkat 65 dulu. Tetiba hari ini dibina pula dengan *Sky Dining* dan dikeluarkan diberi kelulusan tanpa *helipad* itu. Itu yang menghairankan saya begitu, dan jikalau bomba yang mengatakan sebaliknya maka saya berharap mendapatkan surat pengesahan daripada bomba kerana bangunan di sebelah pun Hotel St. Giles pun ada *helipad* diatas itu juga kerana ini keperluan bomba untuk bangunan yang *high risk*.

**Y.A.B Ketua Menteri:**

Saya rasa itu dia betul, kalau kita lihat semua bangunan yang lebih tinggi daripada St. Giles Wembley tidak ada *helipad*. St. Giles Wembley bina *helipad* atas pilihan mereka, kerana pemilik St. Giles Wembley, dia ada helikopter. Saya rasa Yang Berhormat pun tahu bahawa IGB yang sewakan itu helikopter kepada kes-kes malapetaka yang berlaku.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya membaca beberapa surat yang di hantar oleh arkitek asal kepada pihak Kerajaan Negeri tentang *helipad* ini. Jadi saya terkejut apabila dimaklumkan bahawasanya dalam syarat asal pun tidak memerlukan *helipad* ini. Ini satu benda yang...(gangguan).

**Y.A.B Ketua Menteri:**

*Helipad* tidak diperlukan oleh Bomba, kalau diperlukan oleh Bomba saya rasa Menara UMNO pun perlukan *helipad*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Baik itu apa tak *compile* ini...(gangguan).

**Y.A.B Ketua Menteri:**

Tidak ada. Saya dimaklumkan sahaja. Saya ingat Yang Berhormat lebih arif tentang KOMTAR daripada saya tetapi itulah maklumat yang saya terima. Baik..

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau boleh saya nak minta penjelasan daripada PDC tentang hal ini.

**Y.A.B Ketua Menteri:**

Saya akan cuba dapatkan daripada PDC.

### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Memang saya Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Putih, walaupun *middle bank* itu sekarang masih belum dalam kajian, saya harap ia menjadi salah satu eko-sistem yang terunggul di sini selain daripada yang terbesar di Johor yang telah di tambak dan di tebus gunakan dan juga ada satu saya fikir tidak salah bantahan di Johor oleh Gelang Patah bahawa eko-sistem ini harus dikekalkan.

Di Pulau Pinang memang ia ada diwartakan stok JUPEM Pulau Pinang yang ada satu kesalahan dibuat oleh kerajaan yang lalu tapi kalau kita boleh juga mendapatkan pandangan daripada pakar-pakar USM supaya satu kajian yang lebih betul dan sebab-sebab ia perlu dikekalkan. Saya harap Kerajaan Negeri kalau nak jadikan satu negeri hijau pun kita haruslah kekalkan semua alam sekitar yang ada eko-sistem semula jadi yang kita ada sekarang ini. Terima kasih.

### **Y.A.B Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bunga. Seperti yang sebutkan tadi bahawa pihak Kerajaan Negeri masih dalam peringkat penilaian. Kita masih belum lagi melantik Jururunding, Jurutera, Jururunding Jurutera dan selepas Jururunding setuju baru kita akan melantik kontraktor tetapi kita belum sampai ke tahap itu. Kita masih di peringkat awal, itulah sebabnya perkara yang disebut ini tidak timbul. Tetapi walau bagaimanapun tentu kita akan cuba untuk memastikan bahawa itu *sea grass* yang disebut oleh Yang Berhormat dapatlah di kekalkan.

Ini akan menjadi salah satu syarat. Oleh kerana ia adalah termasuk dalam RSN (Rancangan Struktur Negeri). Saya rasa itulah satu dokumen perundangan yang telah pun diwartakan dan kita kena ikut apa yang disebut dalam RSN ini. Oleh itu kita membuat kajian kalau ia tidak memenuhi keperluan-keperluan DEIA baru kita ada asas bahawa ia tidak memenuhi keperluan DEIA baru itu bila kita tolak kita ada asas. Kita tidak boleh suka-suka, kita tolak. Macam bila kita terikat dengan kontrak yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dulu. Suka atau tidak suka, mahu atau tidak mahu kita terikat. Kita kena hormati perjanjian yang ditandatangani ketika dulu sungguh pun kita tidak bersetuju kerana ini adalah konsep perundangan. Saya harap kita boleh faham dan aspek ini ia masih dalam peringkat awal dan biarlah penilaian dibuat terlebih dahulu.

Dato' Yang di-Pertua, YB. ADUN Air Itam membangkitkan mengenai perbezaan hukuman yang dijatuhkan kepada (OKT) Orang Kena Tuduh. Kes pencerobohan masuk ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berbanding dengan perbuatan yang sama di Perak, di mana Mahkamah Majistreet Pulau Pinang hanya mengenakan hukuman denda RM1,500 ke atas 16 penceroboh. RM1,500 untuk 15 Oktober dan RM2,000 untuk seorang OKT berbanding di Perak mengenakan hukuman penjara 10 bulan dan denda RM5,000. Perbezaan hukuman ini menjadi persoalan, sama ada hukuman OKT yang terlibat di Pulau Pinang adalah berlainan dari segi jenayah yang dilakukan. Oleh itu dalam aspek ini, Yang Berhormat memohon supaya Kerajaan Negeri menyusuli perkara ini dengan Pejabat Peguam Negara untuk merayu supaya hukuman setimpal dapat dijatuhkan.

Dato' Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Negeri telah meminta Peguam Negara untuk membuat rayuan tentang hukuman ini dijatuhkan. Tetapi kita telah pun difahamkan bahawa pihak Peguam Negara telah membuat rayuan dan kita tentu akan menyokong rayuan tersebut. Untuk memastikan bahawa hukuman yang setimpal dikenakan berdasarkan keseriusan tuduhan terhadap individu-individu tersebut. Mereka ini bukan sahaja mereka yang mencerooboh Dewan yang mulia ini, mereka juga mencemarkan keluhuran Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Malah pada masa yang sama telah menunjukkan bahawa mereka tidak menghormati kedaulatan undang-undang, menghina demokrasi dan memalukan rakyat. Keringanan hukuman ke atas penceroboh-penceroboh ini yang terdiri daripada pemimpin Ahli UMNO, yang diputuskan oleh pihak mahkamah dengan takzim hanya dapat ditafsirkan sebagai sokongan terhadap tindakan segelintir ahli masyarakat yang sewenang-wenangnya memperlekehkan prinsip-prinsip tersebut. Inilah yang saya hendak tegaskan disini, yang kita kritik ialah penceroboh-penceroboh dan kita harap bahawa rayuan dibuat untuk membolehkan hukuman setimpal terhadap tindakan penceroboh-penceroboh dan samseng-samseng ini.

YB. Ahli Kebun Bunga dan Ahli Pembangkang memohon PDC untuk memberi satu laporan berkaitan Pulau Jerejak. Saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri tidak pun menjual satu inci tanah di Pulau Jerejak. Sebaliknya Kerajaan BN lah yang dulu, yang mengadaikan hak dan kepentingan rakyat Pulau Pinang dengan menjualkan 80 ekar tanah Pulau Jerejak pada tahun 2001. Kerajaan Negeri tidak menjual satu (1) inci pun tanah Pulau Jerejak.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Ahli Air Putih, terima kasih. Saya mengakui Kerajaan Negeri hari ini tidak menjual tanah itu, dan transaksi telah pun dibuat kepada Syarikat Kerajaan Negeri pada masa itu adalah PDC yang JV dengan UDA. Bukankah PDC ini adalah anak syarikat negeri pada ketika itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ia dijual pada tahun 2001. Bukan oleh Kerajaan Negeri ini, Kerajaan Negeri ini Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak menjual satu (1) inci pun tanah di Pulau Jerejak. Ia telah dijual oleh Kerajaan BN.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kita pun tidak pernah kata ia dijual atau tidak dijual tanah ini. Tidak pernah kita kata pun. Di dalam dewan ini. Tidak pernah pun saya berkata Kerajaan Negeri ini menjual tanah.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu dilaporkan dan saya tidak sebut YB. Pulau Betong, tetapi saya hendak tegaskan bahawa Kerajaan Negeri tidak menjual satu inci pun tanah Pulau Jerejak. Tanah Pulau Jerejak yang dijual 80 ekar tahun 2001. Dan di sini ada *scandal* tentang penjualan tanah semua tahu *scandal* RM30 juta.

Yang pertama *premium* tanah dengan harga bawah pasaran. RM3.26 sekaki persegi, jauh daripada harga pasaran dan *premium* tanah RM10.6 juta tidak di bayar habis sebelum hak milik geran diserahkan kepada UDA atau kepada *Tropical Island Resort* (TIR). Hanya bayar 10% hak milik geran telah diserahkan dan ini bercanggah dengan undang-undang dibawah Kanun Tanah Negara kerana dibawah Kanun Tanah Negara, Seksyen 180 hanya *premium* tanah dibayar habis barulah boleh diserahkan hak milik geran tanah dan bila ini tidak dipatuhi, ini adalah satu kesalahan oleh pihak Kerajaan Negeri yang dahulu. RM10.6 juta tidak dibayar akhirnya saya nak nyatakan di sini kerana ia dibayar secara berperingkat. Pembayaran terakhir dibuat pada 27 Mac 2015, pembayaran terakhir RM2.5 juta kerana ia ada satu pembayaran berjadual. Pembayaran terakhir RM2.5 akhirnya dibayar pada 27 Mac 2015 dan dengan ini dilangsaikan RM10.6 juta kerana sebelum ini lewat bayar tak bayar. Akhirnya pihak Kerajaan Negeri menyatakan akan mengambil tindakan undang-undang untuk merampas tanah ini barulah cepat-cepat membayar. Silakan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

So ini bermakna ada terma-terma yang pembayaran berjadual sampai selesai. Mungkin ada kelewatan yang boleh dikenakan penalti di atas kelewatan itu kepada pihak, bukan kepada pihak UDA, kepada pihak *Tropical Island Resort* yang JV Co. atau pihak UDA. Begitu juga pada IVORY Bayan Mutiara dibayar selama 60 bulan? Itu jadual. Itu bukan satu kesalahan pun yang itu.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ya tetapi Kerajaan Negeri tidak berikan hak milik geran. Faham dak? *We did not surrender the title*. Ini *premium* tanah belum bayar habis telah serahkan hak milik geran mana boleh. Ini bercanggah dengan Seksyen 180 Kanun Tanah Negara.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Betul tapi mungkin.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu yang saya rasa perbezaan besar.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kalau itu berlaku memang itu bercanggah tapi PDC ialah syarikat Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita hanya 49%.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*Still*. Itu struktur.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tidak boleh. Kalau kita lihat dari segi undang-undang yang dapat kuasa majoriti adalah segala-galanya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Kenapa tidak minta PDC membayarkannya dengan segera?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kerana PDC selepas itu di bawah Kerajaan baru. Kita cakap ini tidak menguntungkan rakyat, ini merugikan rakyat. PDC tidak rasa kita hendak menuntut mendapat balik semua kita punya bayaran.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Pembayaran telahpun dibuat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Akhirnya dibuat selepas, belum lagi saya belum habis ini hanya *agreement* tanah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

*Agreement* tanah akhirnya habis tapi kos pelaburan macam mana? Pelaburan sebanyak RM15.435 juta PDC rugi. Lagi pinjaman sebanyak RM3.6 juta ini semua sekali RM19 juta yang kerugian yang dialami oleh PDC. Ini yang kena dituntut balik. Itu sebabnya pihak Kerajaan Negeri meletakkan syarat ini semua wang yang kita labur mesti dapat balik, nombor satu.

Nombor dua, kita mahu dapat harga sebenar tanah yang telah diserahkan oleh kerajaan dulu kita tidak mahu harga lelong yang dijual oleh Kerajaan BN kita mahu harga pasaran harga sebenar. Kedua-dua syarat ini kita telah sampaikan kepada sampaikan kepada UDA dan akhirnya selepas berbincang tujuh (7) tahun. Akhirnya UDA secara prinsip bersetuju menerima dua syarat ini dan kita hanya tunggu surat rasmi. Saya harap di sini kita tahu siapa yang salah siapa yang cuba betulkan kesilapan yang telah dibuat dan merugikan hak dan kepentingan rakyat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Air Puteh, saya tidak mahu itu *detail* daripada transaksi yang berlaku tapi soalan saya adalah "Apakah benar yang pihak pada kadar pemaju yang akan dibina di atas Pulau Jerejak dengan melebihi 1,000 unit rumah". Itu soalan saya. Saya tidak pernah tanya tentang struktur, *share* dan sebagainya dan saya juga YB. Air Putih Kerajaan Negeri akan menjual bahagian 40% ini kepada PDC atau kepada pihak yang lain?



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Ini terpulang kepada UDA seperti yang saya sebut apabila kita berbincang dengan pihak UDA. Kita hendak dua (2) syarat yang saya sebut tadi dipatuhi oleh UDA. Satu (1) pulangkan semua pelaburan termasuk pinjaman yang kita berikan sebelum ini. Kedua, bayar harga sebenar bukan harga murah, harga kroni yang dijual kepada UDA. Tentang soalan yang disebut oleh Pulau Betong saya rasa kita kena tunggu apa rancangan UDA. Selepas mereka bagi surat rasmi. Dalam aspek ini ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

40% akan dijual kepada UDA?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

49% akan dijual.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

40% akan dijual kepada UDA atau kepada pihak lain?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu terpulang kepada UDA. Kalau mereka hendak jual kepada pihak lain itu terpulang kepada UDA.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Soalan saya adakah akan dijual kepada UDA ataupun akan dijual kepada pihak lain?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itu kita akan jual kepada pihak UDA. Selepas itu UDA ada rancangan yang kita difahamkan mereka ada rancangan untuk jual kepada pihak lain tapi itu terpulang kepada UDA. Penting kita hendak dapat kita punya wang balik dulu lepas ini kita bincang perkara-perkara lain. Saya harap kita pergi satu (1) langkah demi selangkah. Okey baik, terima kasih. Sekurang-kurangnya kita boleh dapat balik apa yang kita telah rugi sebelum ini. Oh susah oh, susah. Kalau kita tidak tegas susah. Oh, sekarang baru cakap saya pandai. Untuk makluman...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tidak pernah cakap Yang Amat Berhormat tidak pandai.

## Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Batu Uban membangkitkan berkenaan 20 keluarga di Batu Kawan yang menternak lembu dan diarahkan untuk keluar dari kawasan tersebut memandangkan terdapat rancangan pembangunan di Batu Kawan. YB. ADUN Batu Uban memohon supaya Kerajaan Negeri melalui PDC membantu mereka untuk membolehkan mereka meneruskan aktiviti tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terutama kepada mereka yang merupakan kumpulan minoriti dan terlibat dan terjejas akibat oleh pembangunan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu Kerajaan Negeri telah meminta Pejabat Tanah Seberang Perai Selatan mengenal pasti tapak di Kampung Valdor berhampiran dengan Sungai Jejawi sebagai tempat pemusatan penternakan lembu di kawasan Batu Kawan. Oleh itu ke semua penternak perlu memohon LPS untuk tujuan tersebut dengan dikenakan bayaran yang paling minima bagi mereka meneruskan ternakan mereka.

YB. Air Itam membangkitkan soal-soal berkaitan apakah hasil laporan-laporan Suruhanjaya Siasatan mengenai kegagalan struktur-struktur sivil Menara UMNO di Pulau Pinang. Bilakah laporan tersebut dapat dimaklumkan kepada orang awam? Untuk makluman Yang Berhormat laporan mengenai dua insiden yang berlaku pada 6 Jun 2013 dan 13 Jun 2013 telah disediakan oleh jawatankuasa siasatan yang dipengerusikan oleh Ybhg. Dato' Yeo Yang Poh selaku Pengerusi Jawatankuasa. Ahlinya terdiri daripada Datuk Ir. Dr Gooi See Song dan juga Datuk Prof. Ir. Roslan Ibrahim. Penubuhan jawatankuasa siasatan ini telah dipersetujui oleh Tuan Yang Terutama Tun selaras dengan *Commissional Inquiry Act* 1950 dan pelantikan jawatankuasa ini telah diwartakan melalui Warta Kerajaan bernombor 504 bertarikh 15 Ogos 2013. Siasatan tersebut mengambil masa selama 20 bulan dan suruhanjaya tersebut telah menjalankan siasatan secara terbuka dan mendengar keterangan daripada 42 orang saksi bagi kejadian Bangunan UMNO. Laporan tersebut telah secara rasminya diserahkan kepada Kerajaan Negeri pada 28 April 2015 di dalam versi Bahasa Inggeris. Oleh itu Kerajaan Negeri kini sedang dalam proses melakukan penterjemahan terhadap keseluruhan laporan tersebut sebelum dikemukakan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang selaras dengan terma pelantikan dan penubuhan jawatankuasa siasatan tersebut. Penterjemahan daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Malaysia dijangkakan memerlukan sedikit masa kerana terdapat banyak istilah teknikal kejuruteraan yang perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Untuk makluman ketebalan Laporan Suruhanjaya itu adalah sebanyak 312 muka surat.

Dalam era pengaliran keluar warga tempatan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah menyokong inisiatif khas Kerajaan Negeri menubuhkan *Penang Future Foundation* yang merupakan program biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar Malaysia dengan *priority* keutamaan diberikan kepada anak negeri Pulau Pinang untuk belajar dalam jurusan terpilih dalam institusi pengajian tinggi di Malaysia dengan syarat mesti bekerja di Pulau Pinang untuk satu (1) tempoh masa selepas menghabiskan ijazah mereka. Kerajaan Negeri sentiasa bersungguh-sungguh meneroka e-inisiatif serta mewujudkan peluang bagi membendung arus pengaliran keluar pakar yang kini melanda negara.

Kita sedar bahawa Pulau Pinang tidak mempunyai sumber-sumber semula jadi, kemakmuran ekonomi dan kejayaan material kita adalah bergantung kepada keupayaan membina mengekal, menarik dan menggunakan bakat manusia. Dalam kata lain, ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri memupuk dan menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hab bakat atau *a talent a hub talent*. Pelaksanaan program *Penang Future Foundation* dimungkinkan daripada hasil sumbangan derma sektor swasta dan individu termasuk Penang Turf Park sehingga kini *Penang Future Foundation* memiliki dana bernilai RM20 juta adalah diharapkan supaya lebih baik *corporate* akan tampil ke depan dan menyumbang kepada *Penang Future Foundation* yang mana semua sumbangan kewangan akan dikecualikan daripada bayaran cukai. Kejayaan ekonomi dan sosial politik Pulau Pinang adalah hasil daripada usaha *collecting* semua rakyatnya. Sementara Pulau Pinang sedang menuju matlamat Negeri maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Semua kejayaan ini tidak bermakna sekiranya ia tidak dimiliki bersama. Kita semua harus mengimpikan impian yang sama. Impian Pulau Pinang. Impian Pulau Pinang adalah berjiwa rakyat dan berteraskan undang-undang serta menumpukan kepada tiga (3) golongan utama iaitu individu masyarakat dan institusi. Impian Pulau Pinang berkomited untuk mencapai lima (5) teras utama.

Satu (1) perpaduan kebangsaan berdasarkan prinsip-prinsip bersama iaitu keadilan demokrasi, kebebasan, nilai moral sejagat kepemimpinan, berintegriti dan martabat manusia.

Kedua, pertumbuhan ekonomi di mana sumber dikongsi dengan rakyat dan tidak dimonopoli oleh segelintir kroni.

Ketiga, keharmonian sosial yang meraikan kepelbagaian dan pertumbuhan *inclusive* sebagai tunggak masyarakat yang padu dan penuh insan.

Keempat pembangunan lestari untuk memastikan habitat yang bersih hijau selamat dan selamat.

Kelima usaha masyarakat dan individu yang memberikan ganjaran kepada mereka yang pintar dan cemerlang serta menyediakan peluang saksama bagi memastikan semua orang boleh merealisasikan potensi mereka.

Mekanisme impian Pulau Pinang hanya boleh diperkuat dan diperkukuhkan oleh institusi yang berteraskan undang-undang. Sebagai contoh Perlembagaan Persekutuan dan Negeri. Selain daripada mendokong kedaulatan Parlimen, Institusi Raja-raja dan Islam sebagai Agama Persekutuan boleh juga mempertahankan lima (5) komitmen ini. Institusi seperti keluhuran undang-undang, hukum berat untuk rasuah dan salah guna kuasa memberi harapan bahawa keesokan hari pasti lebih cerah untuk anak-anak kita. Dengan mengikrarkan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada Yang DiPertuan Agung, Yang di-Pertua Negeri dan Perlembagaan Negeri, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan bekerja keras untuk merealisasikan impian Pulau Pinang. Mari kita menjadikan Pulau Pinang sebagai landasan di mana semua impian kita direalisasikan dengan kebebasan mencapai potensi dan hak peluang sama rata untuk semua.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya. Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua dan juga yang akan datang. Sebelum kita meraikan bulan Ramadhan saya hendak ucapkan selamat berpuasa kerana kita akan jumpa selepas Hari Raya Haji dan tentulah kita harap bahawa sungguhpun kita ada pandangan yang berbeza, marilah kita berbahas dan juga mempunyai pandangan yang berbeza tetapi dengan matlamat yang sama iaitu kita mahu Pulau Pinang terus kukuh, terus maju dan terus memimpin Malaysia sebagai Negara yang sangat aman dan sejahtera. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan Dewan akan disambung pada jam 8.00 malam nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam.***

***Dewan disambung semula jam 8.00 malam.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sesi penggulungan telah pun selesai dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah pun mengambil bahagian dalam sesi penggulungan yang telah pun memakan masa sebanyak 15 jam 19 minit secara keseluruhannya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas pada 30 April 2015 dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.” Sebulat suara usul dipersetujui.

**Setiausaha:**

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan Penyata Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undang Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan sebagai risalah Bilangan 1 Tahun 2015 dan menetapkan bahawa risalah tersebut hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Dewan ini. Tarikh itu hendak disiarkan di dalam Warga Kerajaan mengikut Peraturan 119 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini ada sokongan.

## **Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

## **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan Penyata Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undang Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan sebagai Risalah Bilangan 1 Tahun 2015 dan menetapkan bahawa risalah tersebut hendaklah berkuatkuasa pada tarikh akan ditetapkan oleh Dewan ini dan tarikh tersebut hendak disiarkan di dalam Warga Kerajaan mengikut Peraturan 119, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Yang di-Pertua, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri telah ditetapkan sejak 29 Oktober 1959 melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bilangan 348 bertarikh 19 November 1959. Pindaan kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pernah dibuat seperti pindaan pada tahun 1975 dan 2005. Pindaan ini akan memantapkan demokrasi di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sokongan Badan Eksekutif ke atas pindaan ini yang disyorkan oleh *Backbenchers* termasuk Ahli-ahli Pembangkang membuka lembaran baru bukan sahaja kepada status demokrasi tetapi juga kepada peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk menjadikan CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) sebagai teras pengurusan dalam perjalanan Dewan dengan memperluaskan ruang soal jawab menerusi tambahan masa pertanyaan daripada tiga (3) jam untuk hari pertama sahaja kepada satu (1) setengah jam setiap hari persidangan. Maka akan membolehkan lebih banyak soalan dijawab dan dipertingkatkan ketelusan dan akauntabiliti.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri bersedia berdepan dengan soalan-soalan Ahli-ahli Dewan termasuk daripada Ahli Pembangkang. Kalau sebelum ini hanya satu (1) sesi tak kira berapa hari, hanya hari pertama tiga (3) jam. Kita sekarang telah memperluaskan setiap hari satu (1) setengah jam. Dan tentu ini akan memberikan banyak peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini untuk menanyakan soalan dan juga akan menambahkan beban kerja tapi saya rasa ini adalah penting kalau kita nak Dewan yang mulia ini menjadi satu medan untuk mencari akauntabiliti. Oleh itu Badan Eksekutif tanpa ragu-ragu menyokong dan menerima cadangan seperti ini. Sungguh pun untuk Ahli-ahli EXCO ini akan tambah kerja tapi saya rasa ini penting kerana bila kita sebut Pulau Pinang memimpin semula, bukan sahaja dari aspek ekonomi dan politik. Saya rasa dari segi demokrasi dan Dewan Undangan Negeri sebagai lambang demokrasi. Saya rasa kita memimpin di antara semua Dewan Undangan Negeri di Malaysia. Maka Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang boleh mengambil tempat sebagai *Assembly World* atau *First World Parliament*, *First World Assembly* yang bertaraf antarabangsa. Saya ingin melahirkan perasaan syabas, perasaan gembira menghargai sumbangan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pilihan yang telah mengesyorkan pindaan-pindaan tersebut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan YB. Air Putih. Kita bersetuju yang satu (1) hari setiap hari satu (1) jam setengah yang pertama untuk kita mengumpulkan soalan lisan. Adakah ini termasuk dengan hari penggulungan? Sama tiap-tiap hari sampai selesai?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tadi saya sebut setiap hari. Setiap hari. Asalkan ada hari persidangan, hari itu perlukan masa diperuntukkan untuk soal jawab. So setiap hari. Ya soal jawab.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Untuk perbincangan dua (2), (3) tiga hari dah habis soalan lisan. Jadi tak ada dah, tak payah lah. Sampai habis.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Kita tengok mana yang dululah. Sama ada soalan habis dulu atau masa habis dulu. Tengok mana habis dulu. So yang itu sebab kita buat setiap hari persidangan dan saya rasa ini menunjukkan keikhlasan daripada pihak Kerajaan untuk memberikan ruang yang lebih luas kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya Ahli-ahli Pembangkang. Boleh tiap-tiap hari guna pelurulah seberapa yang boleh.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

10 orang sahaja Yang Berhormat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak apa, tak apa....(gangguan), (ketawa). Dato' Yang di-Pertua, macam mana pun saya rasa, kami rasa bahawa kalau kita memberikan ruang yang besar ini yang luas ini saya harap bahawa ia digunakan dengan baik dan elok oleh Ahli-ahli Pembangkang bukan sahaja untuk mengambil kesempatan mencari peluang-peluang atau mengambil kesempatan mencari peluru-peluru politik, tapi untuk mempertingkatkan martabat Dewan yang mulia ini. Dan saya percaya sekiranya kita boleh menaikkan taraf perbincangan dengan fakta-fakta dan juga dengan ucapan-ucapan yang bernas. Maka hasrat kita untuk menjadi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sebagai *First World Parliament* bertaraf antarabangsa boleh tercapai.

Di sini kami tidak mahu lihat sebarang kawalan ke atas ruang-ruang yang diberikan dan ini saya harap bahawa pihak pembangkang pun boleh dapat memainkan peranan mereka. Saya di sini hendak sebut dengan terus terang. Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa langkah dengan memberi ruang yang lebih termasuk mewujudkan Jawatan Ketua Pembangkang dan juga memberikan elaun-elaun yang diperuntukkan dan ruang-ruang yang disediakan. Kita pun telah berikan peruntukan RM40,000 kepada semua ADUN-ADUN. Saya tahu ini bukan jumlah yang besar tetapi ini adalah satu tanda bahawa memang kita mahukan peranan yang dimainkan oleh pihak pembangkang dan kita harap bahawa dalam beberapa aspek yang dibincangkan. Pihak Kerajaan Negeri

menganggap Ahli-ahli Pembangkang sebagai sebahagian daripada Parlimen atau pun itu *assembly*. Saya rasa itulah peranan penting kerana hanya dengan pembangkang yang waras, hanya pembangkang yang waras, barulah demokrasi boleh hidup dengan sebenarnya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Air Putih. Sana nak rekodkan bahawa yang RM40,000 itu diberikan, tapi saya rasa tak ada siapa yang menggunakannya. So kami pulang balik kewarasan kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan duit rakyat. Terima kasih banyak-banyak.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Itulah yang saya sebut tadi bahawa kita buka hati secara ikhlas. Tapi itu terpulang kepada Ahli-ahli Pembangkang. Kalau ini diberikan kepada pihak kami di negeri-negeri lain yang mana kita jadi Ahli Pembangkang, kita akan terima dengan hari terbuka. Ahli Parlimen juga, YB. Padang Kota ingatkan tadi, Ahli Parlimen juga, kerana ini adalah wang untuk pengundi-pengundi Ahli-ahli Pembangkang. Mungkin ada saluran wang yang lain yang lebih besarlah. Tapi tak apa terpulang kepada Ahli-ahli Pembangkang dan keikhlasan dan juga ada yang ikhlas itu sungguh pun tidak diterima, tapi saya rasa ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri memang ingin mendokong demokrasi dan juga peranan yang dimainkan oleh semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Hanya saya harap...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan Air Putih. Kita menghargai *token* yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan kepada ADUN-ADUN pembangkang, tapi kalau betul-betul ikhlas berilah peruntukan yang sama banyak. Bukan sahaja *token* untuk melaung-laungkan bahawa dah beri peruntukan. Ini yang saya mohon.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ingin terus terang di sini. Bila kita mencadangkan pemberian peruntukan pihak Kerajaan menghadapi banyak bantahan daripada peringkat akar umbi. Tapi kita masih bertegas untuk memberikan peruntukan sedemikian kerana kami rasa ia adalah satu aspek penting yang dihormati. YB. Ketua Pembangkang cadangkan peruntukan ditambahkan. Kita mula dululah, kalau ia dapat berfungsi kita boleh timbang untuk dinaikkan. Tapi kalau tawaran kita ditolak begitu saja, saya rasa ini hanya membuktikan apa yang disebut tadi atau bantahan tadi memang berasas dan kita susah untuk menyakinkan bahawa memang parti pembangkang boleh mainkan peranan yang sama penting. Nak lagi?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Air Putih memang kami berterima kasih memberi kepada kami. Sepertimana kata Yang Berhormat tadi, kalau bagi pun memang akan mendapat tentangan daripada *grass root* dan kami takut tidak akan ada keikhlasan daripada YB. Air Putih dan juga penyokong-penyokong di bawahan kami tidak mahu diungkit dalam Dewan ini, seperti mungkin Seri Delima mengungkit dan sebagainya. So sebab itu kami menyerahkan kembali Yang Berhormat tapi kami tahu bahawasanya duit itu ada dan gunakanlah untuk

penduduk-penduduk kawasan itu. *After all* ada Penyelaras-penyelaras DUN di situ yang boleh menggunakan wang itu. Oh ada RM100,000. Oh hebat, sebab itu mereka *action* lebih. Terima kasih dan kami pulangkan untuk digunakan di dalam masyarakat setempat. Terima kasih.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Tak apalah kalau itu YB. Ahli-ahli Pembangkang tak mahu menerima tawaran ikhlas ini saya tidak boleh terima alasan yang diberikan adalah kerana akar umbi kita menentang. Itulah sebenarnya ia ditolak kerana ia *but that is not a reason*. Ini bukan seharusnya dijadikan alasan kerana pemimpin yang sebenarnya adalah mereka yang berani buat keputusan yang betul dan sebagai pemimpin barisan EXCO berani buat keputusan yang betul, sungguhpun mendapat tentangan dari pihak akar bumi dan tapi ia ditolak oleh pihak Pembangkang. Saya tak mahu bercakap panjang lebar tentang ini bahawa saya hanya sebut bahawa pihak kami menerima prinsip demokrasi di mana memang ada peranan penting yang dimainkan oleh Parti Pembangkang dan itulah sebabnya kita mahu menjadi Dewan Undangan Negeri ini sebagai *First World Parliament*. Bila kita cakap Pulau Pinang memimpin kita harap dalam semua aspek termasuk dari segi Dewan Undangan Negeri ini. Sungguhpun tawaran ikhlas ini diketepikan begitu sahaja. Okey baik kita rasa sedikit kesal.

Secara ringkasnya cadangan ini melibatkan sebanyak 16 peraturan yang sedia ada tiga (3) peraturan baru dicadangkan diwujudkan. 16 pindaan kepada peraturan sedia ada itu adalah seperti berikut:

Peraturan 26 (7) iaitu Cara Menyoal. Peraturan ini dipinda untuk menambah masa menyoal soalan mulut iaitu lisan daripada tiga (3) jam bagi tiap-tiap mesyuarat kepada selama satu (1) jam setengah bagi tiap-tiap hari mesyuarat. Pindaan ini dibuat supaya peluang diberikan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri untuk mendapat jawapan soalan lisan boleh ditingkatkan lebih banyak soalan boleh dijawab secara lisan, tambahan pula seisi soalan lisan iaitu satu (1) setengah jam bagi tiap-tiap hari mesyuarat boleh menambahkan peluang Ahli Dewan Undangan Negeri untuk bertanya soalan dan mendapat jawapan terus dari Ahli Dewan Mesyuarat Kerajaan secara langsung berkenaan isu-isu semasa atau pun isu-isu yang diminati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang dilaporkan oleh media massa.

Dua (2), Peraturan 51 iaitu Melanggar Peraturan. Pindaan ini dibuat dengan menambah ayat iaitu atau melanggar mana-mana peraturan atau ingkar perintah Yang di-Pertua pindaan ini memberi kuasa kepada Yang di-Pertua memerintah mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri keluar dari bilik persidangan sekiranya kelakuannya sangat-sangat tidak senonoh atau melanggar mana-mana peraturan atau ingkar perintah Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri seperti yang terdapat dalam Peraturan 46, 47 dan 48 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri.

Tiga (3), Peraturan 102 iaitu mengenai Pelantikan Jawatankuasa Pilihan dan Peraturan 109 iaitu berkiatan Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap. Peraturan ini dipinda dengan digugurkan ayat berikut iaitu "Hendaklah dibuat bilangan ahli-ahli dari Pihak Kerajaan dan Pihak Pembangkang yang menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa itu sama banyaknya" digantikan dengan ayat baru iaitu "Terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada enam (6) orang dan tidak lebih daripada 10 orang ahli. Seberapa



bolehnya tiap-tiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan supaya terbayang di dalamnya kadar parti masing-masing dalam majlis. Pindaan ini dilakukan bagi memberi gambaran yang lebih realistik keanggotaan Jawatankuasa dan kerusi yang dimiliki oleh parti yang berkenaan.”

Empat (4), Peraturan 23 (1) iaitu peraturan mengenai soalan-soalan. Peraturan ini digunakan dengan menggugurkan dengan menggunakan ayat iaitu “Sekurang-kurangnya 21 hari beliau bermaksud hendak menanyakan soalan ini dengan menggantikan dengan ayat baru iaitu sekurang-kurangnya 14 hari untuk soalan lisan dan sekurang-kurangnya 21 hari untuk soalan bertulis.” Dengan pindaan ini isu-isu yang melibatkan kepentingan awam yang memerlukan jawapan lisan boleh dipendekkan sekurang-kurangnya 14 hari supaya ADUN boleh menanyakan soalan lisan secara semasa atau masa kini. 21 hari bagi soalan lisan adalah terlalu lama untuk perkara-perkara cemas, sementara 21 hari untuk soalan bertulis dikekalkan.

Kelima, Peraturan 109 (a) iaitu Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan, itu Peraturan 109(b) Peraturan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Peraturan 109(c) iaitu Jawatankuasa Dewan dan Peraturan dan 109(d) Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Pindaan ini melibatkan cerai (a) Peraturan 109(a) perenggan 5, Peraturan 109(b) perenggan 4, Peraturan 109(c) perenggan 5, Peraturan 109(d) yang dilakukan bagi membolehkan Dewan melantik semula Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa sekiranya meninggal dunia atau jawatannya telah menjadi kosong oleh kerana apa-apa sebab yang lain. Pindaan adalah bertujuan untuk memudahkan pengisian semula.

Keenam, Peraturan 15(1)(h) iaitu berkaitan Aturan Urusan Mesyuarat. Pindaan ini bertujuan supaya jawapan soalan bertulis hendaklah diletak di meja ahli sebelum sesi soalan lisan bermula. Ahli memerlukan jawapan bertulis untuk tujuan perbahasan.

Ketujuh, Peraturan 114 iaitu Peraturan Mengundi, Peraturan 45 iaitu mengeneipkan pemberitahu Peraturan 63(1) iaitu berkaitan dengan pindaan. Pindaan ini bertujuan supaya ejaan atau bahasa yang digunakan dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang adalah selaras dengan *standard* ejaan dan bahasa pada masa kini. Contohnya perkataan “ia” digantikan dengan “ya”. Peraturan 114 lebih molik digantikan dengan lebih molek, lebih “molik” digantikan dengan lebih “molek”. Peraturan 45 dan “secucuk” digantikan kepada “bersesuaian” Peraturan 63(1). Selain daripada pindaan ini juga melibatkan yang terdapat dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu “mulut” digantikan dengan “lisan”, “Speaker” digantikan kepada “Yang di-Pertua” dan “Timbalan Speaker” digantikan dengan “Timbalan Yang di-Pertua”.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terdapat tiga (3) peraturan baru iaitu satu (1) mewujudkan peraturan baru iaitu Peraturan 5(a) mengenai cadangan melantik Timbalan Setiausaha Dewan. Peraturan baru ini diwujudkan untuk membolehkan Timbalan Setiausaha Dewan dilantik supaya tugas Setiausaha Dewan dan Timbalan Setiausaha Dewan boleh bertukar ganti. Terdapat banyak simpati dan empati.

Pada masa sekarang Setiausaha Dewan akan berada di Dewan Persidangan sehinggalah mesyuarat ditangguhkan. Timbalan Setiausaha Dewan ini akan dilantik oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri atas budi bicara. Pelantikan Timbalan Setiausaha Dewan hendaklah diwartakan sepertimana lantikan Setiausaha Dewan.

Dua (2), mewujudkan peraturan baru iaitu Peraturan 6(b) berkaitan dengan ahli-ahli yang tidak dapat hadir. Peraturan baru ini diwujudkan supaya ahli yang tidak dapat menghadiri Mesyuarat Dewan Undangan Negeri hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha Dewan. Setiausaha Dewan seterusnya akan memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri yang akan selanjutnya memaklumkan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri. Dengan adanya peraturan baru ini Ahli-ahli Dewan akan lebih peka dan lebih bertanggungjawab tentang betapa pentingnya menghadiri Persidangan Dewan serta menghormati Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri apabila tidak dapat hadir. Di samping itu ahli atau keluarga boleh memberitahu Setiausaha Dewan mengenai ketidakhadiran semasa Dewan sedang bermesyuarat atau selepas Dewan ditangguhkan. Jika ahli tersebut mengalami kecederaan serius, koma, kecemasan dan sebagainya.

Tiga (3), mewujudkan tambahan peraturan baru iaitu Peraturan 46(xiii)(e) berkaitan aturan-aturan berbahas. Peraturan baru ini diwujudkan dengan menambah Perenggan 4 kepada Peraturan 46(xiii) bagi menghalang hujah-hujah yang berunsur diskriminasi terhadap gender atau jantina, kaum dan agama.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri demikianlah pindaan dan peraturan baru kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Peraturan-peraturan Dewan yang telah menghasilkan laporan ini. Oleh itu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri dan juga Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kerana telah bertungkus lumus untuk menyediakan bahan-bahan rujukan yang teliti untuk jawatankuasa tersebut.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri adalah ini dicadangkan menetapkan tarikh berkuatkuasa pindaan dan peraturan baru Peraturan-peraturan Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ialah 13 Ogos tahun ini dan hendaklah disiarkan dalam Warta Kerajaan mengikut Peraturan 119, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan dilaksanakan dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri akan datang semua perjalanan pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan mestilah mematuhi pindaan baru ini. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini adalah sokongan?

#### **Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong. Pindaan ini melibatkan 16 peraturan sedia ada dan tiga (3) peraturan baru yang dicadangkan. Harapan saya dengan pindaan yang telah dinyatakan daripada tiga (3) jam untuk satu (1) hari kepada satu (1) setengah jam pada setiap hari akan membolehkan lebih banyak lagi soalan-soalan lisan dijawab daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada kebiasaannya kalau hanya setakat tiga (3) jam kita mungkin boleh menjawab mungkin 12 atau 13 soalan sahaja banyak lagi soalan-soalan yang selama ini belum dapat dijawab. Jadi dengan

pindaan ini mungkin lebih banyak lagi soalan boleh dijawab. Setelah meneliti secara keseluruhan kepada soalan-soalan, saya mengalu-alukan pindaan dan menyokong penuh dengan cadangan tersebut. Sekian.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat adakah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri. Silakan Ahli Yang Berhormat Air Itam.

### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Terima kasih Dato Speaker, kerana beri peluang saya untuk menyertai perdebatan terhadap usul peraturan. Apabila saya imbas kembali peraturan-peraturan ini saya kira masa sebenarnya kita sudah 18 bulan untuk *move on this* peraturan baru kerana saya cari balik surat-surat yang ada pada *file* saya, saya ingin memberikan pengikhtirafan *acknowledgment* kepada Dato' Speaker kerana pada 12 Disember 2013 beliau telah mengarahkan Setiausaha Jawatankuasa Peraturan untuk menulis satu (1) surat kepada semua ADUN-ADUN *backbenchers* dan juga Pembangkang untuk meminta maklum balas terhadap pindaan peraturan. Pindaan peraturan berlaku pada hari ini bukan *top up approach*, *is a bottom up* ia adalah *bottom up approach* dari ADUN-ADUN dari *bottom* sampai kepada Jawatankuasa Dewan mendapat keputusan daripada *executive*, baru tiba di sini memakan masa 18 bulan. Pada masa itu saya pada menjawat masih memegang jawatan sebagai Pengerusi *Backbenchers* untuk Pakatan Rakyat saya telah menjawab surat Speaker itu dan surat itu masih ada dalam *file* saya. Surat saya bertarikh 16 Januari 2014, saya telah menulis kepada Speaker tentang cadangan untuk pindaan peraturan dengan *justification* dengan idea-idea yang melalui *research* dan saya berbesar hati kerana dua (2) daripada cadangan yang saya buat telah diterima oleh Jawatankuasa Dewan dengan pindaan. Dua (2) daripada peraturan yang saya kemukakan banyak beberapa. Dua (2) daripadanya telah diterima saya rasa Jawatankuasa Dewan dan antara dua yang saya *submit* dan itu merupakan hasil kajian *research* melalui *Standing Order Parliament Malaysia* dan juga *Standing Order House of Commons United Kingdom*.

Saya baca *Standing Order UK* dan juga *Parliament Standing Order* dan dua (2) yang saya kemukakan adalah tentang tambahan masa *debate*. Cadangan asal saya ialah enam (6) jam. Dua (2) jam untuk setiap hari. Dua (2) jam *times* tiga (3), jumlah enam (6) jam iaitu supaya menambahkan bilangan soalan-soalan. Justifikasi yang saya letak sana untuk menambahkan masa pertanyaan soalan lisan sebanyak 100% dan boleh dibahagikan kepada tiga (3) hari persidangan supaya peluang ADUN untuk mendapatkan soalan lisan boleh ditingkatkan dan lebih banyak soalan boleh banyak soalan boleh dijawab secara lisan.

Buat masa ini, tiga (3) jam hanya dapat menjawab kira-kira 15 soalan. Perlu dipanjangkan kepada cadangan saya enam (6) jam supaya kesemua 27 ADUN *backbenchers* kerajaan dan pembangkang, saya cakap pembangkang boleh ada peluang untuk menanya dan dijawab sekurang-kurangnya satu (1) soalan lisan setiap orang. Tambahan pula saya cadangkan dua (2) jam untuk tiga (3) hari persidangan boleh menambahkan peluang soalan ADUN dan jawapan EXCO secara spontan berkenaan isu-isu awam dilaporkan oleh media massa. *There was my reasoning of course* saya mendapat sokongan Jawatankuasa Dewan yang terdiri daripada *backbenchers* dan

pembangkok yang telah diubah. Ada satu setengah jam tiap-tiap hari. *I think this is* akan juga. Kalau EXCO kena datang tiap-tiap hari untuk jawab soalan *I think* kerja banyak sikit. Tapi itu cadangan waktu itu supaya kita dapat satu (1) perbincangan yang lebih *lively debate*

Cadangan yang kedua yang saya terima juga, yang saya kemukakan ialah tentang hari. Saya mencadangkan supaya hari menjawab soalan itu dipendekkan daripada 21 hari untuk jawapan bertulis masih kekal, tapi saya cadangkan untuk pendekkan soalan lisan itu kepada tempoh soalan itu saya cadangkan kepada tujuh (7) hari. Tapi Jawatankuasa Dewan memindanya kepada 14 hari dengan mengambil kira isu-isu pentadbiran, *of course* Dewan kita sangat sibuk. Saya cadangkan tujuh (7) hari, *I still alright*. Sekurangnya justifikasi yang saya letak memandangkan isu-isu yang melibatkan kepentingan awam memerlukan jawapan lisan daripada Kerajaan, maka masa perlu dipendekkan supaya ADUN boleh menanyakan soalan yang berlaku secara semasa. 21 hari adalah terlalu lama untuk perkara-perkara cemas atau *urgent*. Ada dua (2) kategori iaitu soalan lisan dan soalan bertulis. Maka tidak membebankan pentadbiran dengan kekalkan 21 hari untuk bertulis dan ubah tujuh (7) hari untuk soalan lisan. *Of course* Jawatankuasa Dewan ubah dia sebanyak 14 hari saya *acceptable* kerana ada masa telah dipendekkan daripada 21 hari ke 14 hari. Mungkin ini akan menambahkan kerja-kerja EXCO kerana, *I think alright* kerana apabila kita bandingkan dengan Parlimen 28 hari. Tapi di *house of commence* United Kingdom 3 hari saja.

Oleh itu saya berani tulis tujuh (7) hari. *It's okay*, saya rasa kita masih perlu perkemaskan pentadbiran *response* dengan soalan-soalan ini dan memang ia akan memberikan kerja tambahan kepada Eksekutif. Saya dengan ini ingin memberikan *acknowledgment* kepada Tuan Speaker selaku Pengerusi Jawatankuasa Dewan yang dapat menggemblungkan cadangan-cadangan dari semua *backbenchers* dan pembangkang atau mendapat kata sepakat dalam Jawatankuasa Dewan dan juga mendapat persetujuan daripada Eksekutif tentang perubahan *standing order* ini. Ini akan mencatatkan satu sejarah kerana kali terakhir kita mengubah *standing order*. Buku ini, peraturan ini diubah pada tahun 2005. Buku ini dicetak pada tahun 2006. 10 tahun kita tak tukar peraturan. Dan ini kita mengambil kesempatan ini untuk memberikan *all the changes propose amendment* dalam peraturan baru ini. Ini dapat melihatkan satu (1) penglibatan daripada kalangan *backbenchers* untuk memberikan sebagai satu *check and balance* terhadap Eksekutif. Saya rasa ini perlu mendapat sokongan sama ada daripada pembangkang atau pun daripada Kerajaan. Dengan ini saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Padang Kota. Silakan.

#### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Saya juga ambil kesempatan untuk memberi sedikit pandangan terhadap pindaan kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sepertimana dibentangkan oleh Y.A.B. ketua Menteri hasil daripada kerja yang dilakukan oleh Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang dipimpin oleh YB. Dato' Yang di-Pertua sendiri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada YB. Dato' Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat kerana selepas 18

bulan dapatlah dibentangkan kepada Dewan ini dan apa yang lebih molekul lagi dengan ejaan baru adalah dapat persetujuan daripada kedua-dua pihak supaya ini merupakan satu usaha daripada Ahli-ahli Dewan tanpa mengirakan parti yang kita wakili.

Ahli-ahli Yang Berhormat, peraturan-peraturan ini adalah hasil daripada perjalanan demokrasi. Bukan saja di Malaysia saja, sebab satu (1) tradisi demokrasi yang beratus-ratus tahun daripada *house of commune* dan lain-lain Dewan Parlimen yang semua menggunakan peraturan-peraturan mesyuarat untuk mengawal perjalanan sidang mesyuarat. Bayangkan kalau tak ada buku biru yang kecil ini, saya rasa perjalanan mesyuarat ini akan menghadapi pelbagai kesulitan. Walaupun ada buku biru ini pun ada banyak cabaran. Bayangkan jika tak ada. Jadi, semangat yang patut kita tunjukkan adalah mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan yang diguna pakai oleh Dewan ini bukan kita nak katakan bukan sebab apa, sebab ini warisan daripada satu legasi turun temurun yang sudah pun dipraktik dan didapati berguna untuk sistem demokrasi ini.

Walau pun ada beberapa pindaan dan juga fasa-fasa yang baru, cuma saya ambil kesempatan sebagai orang yang veteran kira bolehlah, untuk memberi pandangan bahawa memang ada banyak khazanah dalam buku biru ini. Sebagai Ahli Dewan yang baru, telitilah setiap fasa di sini. *I am sure you can learn something from every phase, every* perkara, setiap perkara akan memberi tunjuk ajar yang begitu bermakna kepada kita sebagai *legislator*. Apabila seseorang mengguna pakai peraturan saya rasa sidang sesi ini jarang perlu. Itu pun satu gejala yang amat baik. Jarang *standing order* digunakan untuk mengawal emosi pada kali ini. Setiap kali ada orang pakai *standing order*, kita cuba lihat kembali adakah ahli itu gunakan *standing order* yang betul atau tidak untuk menangani situasi itu. Dari itu kita mula belajar bagaimana menggunakan *standing order* walau pun Speaker atau pun ahli-ahli dan dalam *standing order* pun ada perkara-perkara berhubung dengan bagaimana menanya soalan lisan dan bertulis. Bagaimana kita nak buat usul-usul. Kalau ahli yang baru faham dan mengerti apa yang terkandung dalam ini, saya rasa tak cetusnya insiden seorang ahli mengadu bahawa usul dia tidak diterima. Kalau teliti bagaimana usul boleh ditulis, saya rasa kalau tak biasa buat mungkin Dewan ini boleh menganjurkan bengkel setengah hari lah mungkin untuk membolehkan ahli-ahli yang perlu, kalau ahli-ahli menganggap tak perlu, tak perlu hadir untuk teliti, belajar dan juga ambil maklum tentang apa yang perlu kita buat. Dalam membuat soalan pun ada caranya. *Look at the archive in parliament*. Kita tak perlu pergi *house of commune* la, saya rasa Dewan Rakyat pun ada bahan-bahan yang berguna untuk kita rujuk. Kalau nak pergi ke *house of commune* lebih baiklah sebab akan kita dapat perkara-perkara yang lebih boleh ditambah baik dari segi perjalanan mesyuarat ini di mana jawapan kepada soalan memang cukup pendek. Tak panjang lebar. Dua (2) minit, tiga (3) minit untuk jawab satu (1) soalan. Tak perlu 15 atau 30 minit. Itulah perkara-perkara yang kita harus hayati.

Saya percaya dan dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua dan juga Y.A.B. Ketua Menteri dan juga kepada EXCO kerana bersetuju dan bersama dengan YB. Dato' Yang di-Pertua dalam membentangkan pindaan ini untuk kelulusan Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Padang Kota. Tanjong Bunga sila.

### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua bagi peluang saya untuk membahaskan usul penyata Laporan Jawatankusa Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini terutamanya saya akan bahaskan satu (1) usul perubahan itu iaitu saya mengalu-alukan perubahan ini bahawa tiga (3) jam satu (1) hari diubah kepada satu setengah jam setiap hari dalam sesi soalan lisan dan saya juga mengalu-alukan ucapan Y.A.B. Air Putih supaya satu reformasi demokrasi Dewan yang mulia ini menjadi Dewan yang lebih unggul di mana ruang lebih besar untuk ADUN-ADUN berbahas, peluang menangani isu-isu tempatan yang tak dapat ditangani boleh dibawa kat sini, dibincangkan. Dapatkan polisi atau keputusan yang lebih baik dikemukakan dan bukan saja saya fikir kuantiti soalan dikemukakan dengan perubahan ini, tapi cara-cara atau cara pembahasan ADUN tidak boleh dipertikaikan dan direndahkan bila persoalan dibawa di antara *legislative* dan eksekutif.

Kualiti jawapan penggulungan juga harus dipertingkatkan. Semua isu-isu dibahaskan mestilah dihuraikan dengan terperinci oleh eksekutif dan penggulungan dibahaskan dengan secara CAT demi satu langkah kecil untuk reformasi dalam Dewan ini supaya benar-benar betul-betul pertingkatkan demokrasi ini. Contohnya dalam sesi ini bila kita bahas cara-cara yang digunakan dalam pembahasan ini memang ada yang berlainan sikit tapi saya selepas mendengar dan huraian cara penggulungan MMK eksekutif saya berasa tidak puas hati saya fikir satu lagi KPI boleh digunakan dengan 3Q iaitu IQ, EQ dan PQ. IQ semua tau, EQ semua juga tahu PQ semua mungkin tak tau. PQ adalah *political quality*. Jadi *politic quality* memang itu ada *quality democracy*. Jadi saya fikir saya tidak pertikaikan IQ eksekutif atau Yang Berhormat-Yang Berhormat tapi selepas dua hari tiga hari ini EQ dan PQ saya fikir tidak memuaskanlah mungkin 70% sahaja boleh dicapai ada 30% tidak memuaskan. Jadi saya fikir ada haraplah dengan adanya usul ini harap sesi yang akan datang kita dapat mempertingkat EQ dan PQ kita semua dalam Dewan ini.

Satu lagi saya dengan usul ini saya juga selalu cadangkan satu usul juga kalau boleh dibuat pindaan pindaan dalam Perlembagaan Pulau Pinang kita ini terutamanya Artikel 7 kalau hendak tahu apa artikel 7 itu sila rujuk kepada Perlembagaan Pulau Pinang itu di luar perbahasaan ini saya cadangkan sahaja. Jadi dengan itu saya mohon menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Tanjong Bunga. Saya sila Ahli Yang Berhormat sekarang kita perlu masuk ke sesi penggulungan untuk usul ini. Saya mempersilakan Y.A.B. Air Putih untuk pergulungan usul.

### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Air Itam, YB. Padang Kota dan YB. Tanjong Bunga yang telah mengambil bahagian dalam perbahasaan atas usul Pindaan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang telah dicadangkan oleh saya tadi saya rasa semua komen-komen yang diberikan memang bertujuan untuk memperbaiki dan juga meningkatkan kualiti dan juga taraf Dewan Undangan Negeri yang mulia ini ke satu tahap antarabangsa ataupun kalau boleh lebih tinggi.

Seperti yang saya sebut tadi ini adalah permulaan sekiranya perlu kita pun boleh mencadangkan pindaan yang seterusnya tertakluk kepada keputusan yang dibuat Jawatankuasa Pilihan Peraturan Dewan. Di sini saya rasa sungguhpun tidak ada Ahli Pembangkang yang mengambil bahagian dalam perbincangan tadi tapi saya anggap ini sebagai tanda mereka bersetuju ke atas pindaan ini kerana mereka juga sebahagian daripada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Dewan yang saya sebut tadi. So ini saya rasa adalah satu tanda bahawa kita boleh capai satu kata sepakat dan ini berlainan dengan Dewan Rakyat kerana semasa pihak kami menjadi Ahli Pembangkang tidak dapat capai kata sepakat kerana semua akan kena budus tapi di sini, pihak kami dan semua Ahli-ahli Dewan termasuk Ahli Pembangkang boleh capai kata sepakat menunjukkan bahawa memang pihak eksekutif, pihak Kerajaan, pihak kami sini bersedia untuk menyeberangi jurang politik untuk bekerjasama dengan pihak Pembangkang supaya kita sama-sama dapat menaikkan martabat Dewan yang mulia ini. Oleh itu saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang menyokong dan saya harap bahawa insiden yang berlaku sebelum ini di mana ada penceroboh-penceroboh dan samseng-samseng ke atas mesyuarat Dewan yang mulia ini hanya ada satu episod hitam yang menjadi satu sejarah hitam tapi tidak akan berulang lagi. Sekian terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri seperti berikut. Bahawanya Dewan ini meluluskan Penyata Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang dibentangkan sebagai Risalah Bilangan 1 Tahun 2015 dan menetapkan bahawanya risalah tersebut hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Dewan ini dan tarikh itu hendaklah disiarkan di dalam Warta Kerajaan mengikut Peraturan 119, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya". Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara usul dipersetujui.

**Setiausaha:**

Usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan penutupan tiga (3) akaun amanah yang tidak aktif dalam kumpulan Wang Amanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Akaun Kira-Kira Workshop Jabatan Kerja Raya, Akaun Stor Tak Beruntung dan Akaun Stor Tak Beruntung Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat seperti mana sedia maklum, Akaun Kira-Kira Workshop JKR, Akaun Stor Tak Beruntuk dan Akaun Stor Tak Beruntuk JKR telah ditubuhkan di bawah seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 Akta 61 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan bagi maksud-maksud tertentu. Ketiga-tiga akaun terlibat tidak aktif antara enam hingga sepuluh tahun dan pihak audit dan Laporan pihak Ketua Audit Negara bagi penyata kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2013 telah mencadangkan supaya ketiga-tiga akaun amanah terlibat ditutup kerana tidak aktif dalam jangka masa yang agak lama melebihi lima (5) tahun. Arahan amanah kepada ketiga-tiga akaun amanah kerajaan terlibat di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 menetapkan sebarang baki kredit dalam akaun amanah yang ada di tutup hendaklah di masukkan ke dalam akaun hasil negeri disatukan. Jumlah baki ketiga-tiga yang hendak ditutup tersebut adalah RM376,044.05. Justeru selaras dengan cadangan penutupan ketiga-tiga akaun amanah tersebut maka baki terkumpul berjumlah RM376,044.05 akan diperakaunkan ke akaun hasil negeri disatukan.

Sekian YB. Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Saya mohon mencadangkan usul di Dewan Undangan Negeri untuk penutupan tiga akaun amanah yang tidak aktif dalam Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Akaun Kira-Kira Workshop JKR, Akaun Stor Tak Beruntuk dan Akaun Stor Tak Beruntuk JKR selaras dengan cadangan penutupan ketiga-tiga akaun amanah tidak aktif terlibat maka jumlah baki ketiga-tiga akaun amanah sebanyak RM376,044.05 boleh diperakaunkan ke akaun hasil dalam negeri disatukan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong penutupan akaun amanah ketiga-tiga akaun amanah ini melibatkan tiga akaun amanah yang tidak aktif dalam kumpulan Wang Amanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Akaun Kira-Kira Workshop JKR, Akaun Stor Tak Beruntuk dan Akaun Stor Tak Beruntuk JKR. Ketiga-tiga akaun ini tidak aktif sejak enam hingga sepuluh tahun dan sesuai ditutup dan ia juga telah disyorkan oleh Laporan Ketua Audit Negara. Baki ketiga-tiga akaun ini berjumlah RM376,044.05 akan dimasukkan ke akaun negeri disatukan diselaraskan dengan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu Akta 61. Dengan penutupan ketiga-tiga akaun ini bukan sahaja menyebabkan akaun tidak aktif ditutup tapi juga membolehkan baki yang ada dalam akaun tidak aktif dipindahkan ke dalam akaun hasil negeri disatukan. Saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya tanya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul Y.A.B. Ketua Menteri? Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi pergiluan dipersilakan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk membuat ucapan.



**Y.A.B. Ketua Menteri:**

Saya menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul daripada Y.A.B. Ketua Menteri berbunyi seperti berikut “Saya mohon mencadangkan meluluskan penutupan tiga akaun amanah yang tidak aktif dalam kumpulan Wang Amanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Akaun Kira-Kira Workshop Jabatan Kerja Raya (JKR), Akaun Stor Tak Beruntung dan Akaun Stor Tak Beruntung Jabatan Kerja Raya (JKR) dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara usul diterima.

**Setiausaha Dewan :**

Usul daripada YB. Batu Maung.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

YB. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan yang mulia hari ini meluluskan ketetapan menuntut Kerajaan Persekutuan untuk membatalkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang berkuatkuasa 1 April 2015 baru-baru ini kerana mempunyai impak negatif kepada ekonomi dan memudaratkan kehidupan harian keluarga khususnya golongan yang tidak berada dan termasuk juga projek-projek Kerajaan Negeri yang mungkin terjejas seperti jalan raya, longkang besar, dewan, longkang, pasar, dewan orang ramai, padang dan ini adalah bebanan yang bertambah sebanyak 6%.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ada sokongan?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya menyokong....(gangguan).

## Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Kita telah banyak berbincang selama lima (5) hari ini tentang impak-impak GST kepada masyarakat, kepada rakyat Negeri Pulau Pinang malahan kepada Kerajaan Negeri sendiri. Ini adalah satu laporan yang telah dijalankan satu *study* yang telah dijalankan oleh Penang Institute dan rumusannya ialah yang pertama.

GST ini adalah satu pencukai yang regresif sebabnya ialah *the highers ...*(dengan izin), *the highers earning household average monthly income RM30,000 paid only 1.56% of GST. While the lowers earning household average income of RM605 paid 2.62% GST okay? The worst hit household paid 0.37 GST. This household earn 2,579 per months.* Ini menunjukkan yang *tax in* adalah membebankan rakyat keseluruhan.

Dato' Yang di-Pertua perasaan cukai GST ini hanya merupakan satu jalan mudah bagi Kerajaan Persekutuan yang gagal mengurus ekonomi Negara dengan baik kerana kalau pihak Kerajaan Persekutuan berjaya mengurus ekonomi dengan baik maka ketirisan yang berlaku yang ada di dalam Laporan Juruaudit Negara itu adalah perkara yang pertama patut diselesaikan oleh pihak Kerajaan sebelum GST ini dilaksanakan. Ini juga satu jalan pintas untuk mengurangkan defisit bajet.

Dato' Yang di-Pertua, bukan sahaja pandangan ini adalah pandangan kita di sini, tetapi pandangan keseluruhan masyarakat yang mempunyai maklumat tentang GST ini, seperti sepertimana banyak yang telah kita tahu, bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Mahathir, Sultan Johor, Tun Daim Zainuddin juga seperti Tengku Razaliegah dua bekas Menteri Kewangan termasuk juga Dato' Seri Anwar Ibrahim. Kalau kita tengok pandangan agama ada tulisan-tulisan oleh ulamak-ulamak yang terkenal yang juga telah menghuraikan iaitu haramnya cukai secara mutlak, GST ini ialah cukai secara mutlak okey. Satu lagi yang saya ingin, ini pandangan ulamak bukan pandangan saya.

Satu lagi saya ingin ungkapkan satu cerita ataupun satu riwayat, riwayat yang iaitu berikut adalah berapa potongan artikel yang telah diterbitkan kisah imam Al-Nawawi, Iman Nawawi yang diminta oleh raja zamannya Al-Malik Al-Zahir untuk memberi fatwa bagi mengharuskan raja itu mengambil harta rakyat untuk digunakan memerangi musuh yang mengancam negara itu pada masa itu. Tujuan itu pada zahirnya baik kerana mempertahankan negara dari ancaman musuh harta itupun hendak digunakan adalah untuk keperluan jihat, namun ramai ulamak yang telah dibunuh ketika itu kerana enggan mengeluarkan fatwa berkenaan. Imam Al-Nawawi juga enggan menulis surat sokongan terhadap tindakan Raja Zahir itu sekalipun beliau tahu pengambilan harta itu untuk kepentingan negara. Apabila raja bertanya kepada beliau, mengapa beliau enggan menyokong? Beliau menjawab, ini perkara yang sah, dengar:

“Setahu saya yang engkau dahulunya seorang hampa tidak mempunyai harta kemudian Allah memberikan kurniaan kepada kamu lalu angkat kamu menjadi seorang raja, aku dengar yang engkau memiliki seribu hamba lelaki dan setiap mereka memiliki tali pinggang emas, engkau juga ada memiliki 200 hamba perempuan dan setiap daripada mereka memilik bekas perhiasan, jika engkau membelanjakan itu semua sehingga hamba-hamba lelaki kamu hanya memakai tali pinggang kain dan hamba-hamba perempuan kamu hanya memakai baju tanpa perhiasan juga baitulmal tiada simpanan wang harta dan tanah, maka aku akan fatwakan untuk kamu.”

Itu adalah kesimpulannya iaitu pembaziran yang berlaku 1MDB dan yang lainnya, juga hari ini surat khabar kita dapat lihat Nazir *takes 1MDB broad to task* Ini adalah perkara yang menunjukkan yang kerajaan tidak perlu mengimplimentasikan GST oleh sebab banyak lagi perkara-perkara yang boleh berlaku untuk dapat 6, 7 bilion, sekian, saya mencadangkan...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebelum itu saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turunkan pelakat, boleh nanti tunjuk di luar Dewan. Ada sokongan.

### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya menyokong. Dato' Speaker berkenaan dengan GST mengapa kita nak mengimplimen GST. Apabila kini kami menghadapi masalah-masalah tertentu di sini why you need GST, Kerajaan Pusat kata *this is a more inclusive collect of pact*, cari cukai, mengapa cari cukai, kena cari wang. Di sini kami melihat 57 tahun, *fifty seven years administration* Kerajaan Pusat telah hutang lebih daripada RM700 bilion. Jikanya dalam pentadbiran kami telah hutang RM700 bilion. Apakah ini tandanya? Tanda bahawa *you are incompetent in the money manage* khasnya kini, kami telah lihat bahawanya masalah-masalah 1MDB *this is a clear tearful of incompetence* jikanya *incompetency* hari ini bila kewangan hendak dikutip sebagai cukai untuk kerajaan, soalan pokok, *how are you going to manage it* apabila *you have soon side incompetency*?

Di sini perkara seluruh negara kami telah dikeliru, *we have been explained* pada dunia SST 10% sekarang GST adalah *only 6%* barangan, harga barang boleh turun sesen, apa yang turun? Saham *share* turun nilai ringgit turun. *In a simple aromatic*, saya telah siap sediakan di sini *simple aromatic* tak tahu mereka faham tak boleh faham. SST bila *Sales and Service Tax* di mana barangan makanan telah dikecualikan, jikanya mana-mana kilang yang berusaha mereka terlibat dengan makanan di mana barangan mereka tidak ada cukai jualan, mereka juga boleh minta pengecualian jualan barangan *packaging* untuk mengurangkan kos makanan. Di sini kami tiada, hari ini lebih kurang 25% orang-orang kerja bayar *income tax*, orang yang telah pencen tak payah apa *tax*, jikanya mereka tidak ada melebihi, suri rumah, orang bersekolah, kanak-kanak semua tidak payah bayar *tax*, tetapi apabila sampai GST memang semua lapisan kerana jika sekiranya ia adalah *multilevel tax session*. Saya tunjuk di sini contohnya satu pengilang yang hendak jual kedai mereka kepada pemborong, *the wholesaler if the price is only one hundred ringgit*, dia bayar apa, cukai jualan RM10.00 dia kena bayar, siapa tanggung? *The wholesaler* tanggung, *wholesaler* kalau dia jual, dia hendak untung RM30.00, dia di sini dia jual RM140. *Wholesale, wholesaler* kalau dia kepada *trader* dia sudah jual dia hendak dapat RM30.00 dia jual berapa, dia jual RM170.00, *no more* lain-lain dan apabila peruncit hendak jual kepada *consumer* hanya RM200.00. *This is simple, single level tax*.

Apabila sampai GST lihat juga RM100.00 dia jual kepada *wholesaler*, berapa 6%, RM106.00, *wholesaler* kepada siapa *trader* hendak dapat RM30.00, 106+30+GST sekarang RM144.16. Di sini kalau peruncit dia hendak jual, dia akan dapat RM30.00, RM144.16+30 = RM176.16+GST sudah jadi RM184.61. Di sini bila *consumer* dia beli, dia beli berapa, dia dapat RM30.00, *consumer* jual berapa RM227.49. *This is the GST*. Mahu pilih ya dan di sini Rakyat Malaysia telah difahamkan oleh Menteri kata GST harga barang naik.

YB. Dato' Speaker soalan pokok, 57 tahun pentadbiran, kewangan begitu merosot, *you have no direction*, kewangannya telah dikutip. *How a you going to manage, where ar you spend the money?* Kehendak bagi tahu dan khasnya apabila *Treasury and the Custom Department* mereka pun tidak faham sendiri cara untuk membuat kiraan, di mana kami lihat *prepaid* punya masalah sahaja. *Prepaid* sahaja sudah banyak begitu masalah, dulu Kerajaan adalah khidmat untuk rakyat, khidmat untuk rakyat sekarang pun kena GST. Dulu semua kerajaan baik pun Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat, agensi-agensi kerajaan semua bila mereka hendak beli apa-apa barangan melalui *local order* semua tiada cukai, sekarang tidak ada semua kena bayar cukai. Saya hendak bagi tahu Pusat Dialysis CAT di Balik Pulau hanya 42 pesakit sahaja. Pusat Dialysis ini tanggungan GST di mana kami tidak mahu bagi kepada pesakit *of course* 130,000 per annum, this is GST.

Oleh yang demikian bila masa ada BN (Barang Naik) kerana BN Barang Naik dengan GST Gasak Sampai Tulang, habis. Oleh yang demikian saya merayu bahawanya kami minta suara sokong *take away* GST. GST tidak selaras untuk ini *until you unchanged*, kalau mahu tunjuk macam mana oleh pentadbir tanpa GST. PRU-14 bila Pakatan Rakyat ada di Putrajaya, *we show you open tender* macam Pulau Pinang tak payah GST. Hapuskan rasuah tak ada GST, hapuskan salah guna kuasa tak ada GST. Pakatan punya polisi semua akan selaras. Dengan ini saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang telah memaklumkan kepada saya bahawa mereka tidak berhasrat untuk berbahas usul ini. Maka saya ingin membawa usul ini terus kepada proses mengundi. Yes gulung, *just no* bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul daripada YB. Ahli Kawasan Batu Maung berbunyi seperti berikut:

“Bahawanya Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan menuntut Kerajaan Persekutuan untuk membatalkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikuatkuasakan pada 1 April 2015 baru-baru ini kerana mempunyai impak negatif kepada ekonomi yang memudaratkan kehidupan harian keluarga khususnya golongan yang tidak berada termasuk juga projek Kerajaan Negeri yang mungkin terjejas seperti jalan raya, longkang, pasar, dewan orang ramai dan padang hijau kerana beban kewangan yang bertambah 6% ini dipersetujui”

Ahli-ahli yang bersetuju, katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

#### **Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”.

#### **Ahli-ahli Pembangkang:**

“Tidak”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Ya” lebih banyak, usul diterima.

**Setiausaha:**

Usul daripada YB. Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa Dewan yang mulia ini mengutuk pendakwaan bermotif politik terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, mantan Ketua Pembangkang Parlimen dan Ahli Parlimen Permatang Pauh kerana tindakan tersebut adalah zalim dan tidak berasaskan kepada prinsip demokrasi dan keadilan. Saya mohon

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ucapan pencadang, kalau ada?

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Ada. Ada ucapan. Tetapi izinkan saya letakkan gambar.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sekejap boleh tetapi turunkan semula. Nanti boleh buat di luar.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Okey.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Machang Bubuk, boleh turunkan. Nanti boleh tunjuk kat luar.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Saya hendak berucap berkenaan perkara ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Turunkan. Nanti banyak masa *you* boleh tunjuk di luar, kita sudah nampak.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Dato' Yang di-Pertua, sekali lagi Datuk Seri Anwar Ibrahim mengalami penganiayaan politik, difitnah dan dipenjarakan lima (5) tahun kali ini. Mahkamah Persekutuan telah menolak rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim tentang kes fitnah liwat ini.

Sejak dari permulaannya, pelbagai pendakwaan dan fitnah yang tidak berasas telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi serta membuat ketetapan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak bersalah atas kes liwat dan beliau dibebaskan. Tetapi Kerajaan Pusat tetap ingin membawa kes ini ke Mahkamah Rayuan di mana kita tidak nampak kerajaan atau Jabatan Peguam Negara bersemangat begitu tinggi untuk berbuat demikian bagi kes-kes yang melibatkan kepentingan awam dan juga kes-kes skandal yang lain ke mahkamah tetapi hanya untuk kes Anwar Ibrahim sahaja. Daripada perbuatan Mahkamah Rayuan dan hakim-hakim terburu-buru dalam menentukan tarikh dan masa dan membuat ketetapan, kita boleh nampak segala-galanya adalah untuk mengelakkan Anwar Ibrahim dinamakan sebagai calon untuk Pilihanraya Kecil di Kajang yang telah diadakan pada 23 Mac 2014.

Adakah sistem kehakiman kita bebas? Adakah mahkamah kita membuat ketetapan yang seimbang dengan prinsip yang objektif. Selain itu pengadilan Dato' Seri Anwar Ibrahim bakal juga menjadi topik perbincangan Majlis Hak Asasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) apabila Switzerland bersedia membawa usul berkenaan untuk mengingatkan Malaysia bahawa Negara Eropah itu memandang berat isu-isu keluhuran undang-undang dan perbicaraan yang adil dan seterusnya memberi tekanan kepada pihak berkuasa untuk membebaskan Anwar Ibrahim. Switzerland juga akan membangkitkan isu pengendalian kes mahkamah Anwar Ibrahim dalam Mesyuarat Dua Hala dengan Malaysia yang akan diadakan pada penghujung tahun ini di mana masalah hak asasi juga akan dipertimbangkan dalam perundingan EFTA, *European Free Trade Association*, tersebut. Dalam kenyataan kerajaan itu, beberapa keraguan telah dibangkitkan, ia termasuk dalam perbicaraan kes ini, penjelasan tidak diberi mengapa Saiful Bukhari Azlan berjumpa dengan Perdana Menteri Dato' Najib pada masa itu sebagai Timbalan Perdana Menteri. Perjumpaan tersebut juga melibatkan pendakwa untuk kes Datuk Seri Anwar ini. Selain daripada Switzerland, Kerajaan Amerika, Australia dan Majlis Hak Asasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga telah mengeluarkan kenyataan dan melahirkan rasa kecewa dengan keputusan Anwar Ibrahim dipenjarakan selama lima (5) tahun. .

Pandangan *International Court of Justice* (ICJ)...(dengan izin) ialah perbicaraan kes Anwar Ibrahim telah melanggar beberapa prinsip undang-undang antarabangsa. Antaranya termasuk sebelum Anwar dibuktikan bersalah, mengikut prinsip dia sepatutnya adalah tidak bersalah. Sebaliknya sebelum keputusan mahkamah dibuat, pelbagai usaha sengaja dibuat untuk membuktikan dia adalah bersalah dan kesalahan tersebut adalah munasabah. Keputusan ini telah memberi tamparan yang besar ke atas semangat keadilan kehakiman. *Amnesty International*...(dengan izin), juga telah berkata bahawa kes Anwar Ibrahim jelas sekali bermotifkan politik dan juga penganiayaan politik yang serius. Pihak berkuasa perlu menghentikan siasatan serta-merta. Penganiayaan politik yang berlaku ke atas Anwar Ibrahim telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa dan juga di dalam negara. Kes ini juga bukan sahaja menunjukkan ketidakadilan kepada Anwar Ibrahim sendiri, ia juga tidak berlaku adil kepada parti pembangkang, malah memberi kesan buruk kepada kedudukan Malaysia di antarabangsa.

Oleh itu, saya mengutuk sekeras-kerasnya penganiayaan politik yang telah dikenakan ke atas Anwar Ibrahim oleh pihak berkuasa berkenaan dan juga menyeru agar sistem kehakiman diperbaharui untuk memulihkan integritinya. Dengan ini saya memohon untuk mencadangkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ada sokongan? Silakan.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Saya ingin menyokong usul yang dikemukakan oleh YB. Machang Bubuk di mana saya ingin menyatakan di sini bahawa memanglah ia adalah satu fakta bahawa pendakwaan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah satu pendakwaan yang bermotifkan politik. Kita sudah tahu Dato' Seri Anwar Ibrahim telah didakwa dengan dakwaan *sodomy* sebanyak dua (2) kali, malahan salah seorang pemerhati antarabangsa iaitu Hakim Persekutuan Australia wanita yang pertama Elizabeth Aven telah membuat observasi bahawa beliau bertanya kenapakah di Malaysia selalu yang didakwa dengan *sodomy* bukan orang lain tetapi seorang itu sahaja iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim, ini adalah observasi yang dibuat oleh beliau. Selain dari itu, jurucakap Pejabat Persuruhjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Encik Rubert Colwill juga menyoal tentang proses perbicaraan yang penuh dengan episod yang tidak mengikut prinsip prosedur *justice*...(dengan izin). Ia banyak menimbulkan persoalan-persoalan sama ada Dato' Seri Anwar ini mendapat keadilan atau tidak. Tambahan lagi pemenjaraan Dato' Seri Anwar Ibrahim disifatkan oleh dunia antarabangsa bahawa beliau adalah seorang tahanan politik seperti Nelson Mandela dan Ang Syu Ki, itu disifatkan oleh dunia antara bangsa dan bukannya saya. Bukannya cuba digambarkan oleh pemerintahan Barisan Nasional bahawa ia adalah satu tahanan jenayah semata-mata. Malahan Pertubuhan Amnesty International telah menyifatkan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim merupakan seorang *prisoner of conscious*...(dengan izin), malah ia adalah lebih daripada nyata dan tanpa keraguan lagi bahawa pendakwaan dan hukuman terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim sememangnya bermotif politik, zalim dan tidak berasaskan prinsip demokrasi dan keadilan. Dengan ini saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan sekali lagi pihak pembangkang telah memaklumkan bahawa pihak mereka tidak ingin membahas usul ini, saya ingin membawa proses terus kepada penggulungan dan proses mengundi. Siapa sokong?

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Dato' Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon untuk menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah usul daripada YB. Machang Bubuk seperti berikut:

“Bahawanya Dewan yang mulia ini mengutuk pendakwaan bermotif politik terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, mantan Ketua Pembangkang Parlimen dan Ahli Parlimen Permatang Pauh kerana tindakan tersebut adalah zalim dan tidak berasaskan kepada prinsip demokrasi dan keadilan.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

“Ya” lebih banyak, usul diterima.

**Setiausaha:**

Pemilihan Ahli Dewan Negara.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, diminta mengemukakan cadangan nama-nama calon untuk dipilih sebagai Ahli Dewan Negara yang baru bagi menggantikan YB. Dr. Ariffin bin SM Omar dan YB. Tuan Haji Syed Sahir bin Syed Mohd yang akan tamat tempoh keanggotaan sebagai Ahli Dewan Negara pada 1 Jun 2015. Pemilihan akan dijalankan mengikut Jadual ke 7, Perlembagaan Persekutuan, mereka yang dipilih akan berkhidmat selama tiga tahun, mulai 2 Jun 2015. Nama calon untuk dipilih hendaklah dicadangkan dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan ini. ahli yang mencadang atau ahli yang menyokong hendaklah mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu bahawa dia bersetuju untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara jika dia dipilih.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mencadangkan YB. Dr. Ariffin bin SM Omar dipilih semula sebagai Ahli Dewan Negara apabila tamat tempoh pada 1 Jun 2015. Tarikh lantikan ialah pada 2 Jun 2015 selama tiga (3) tahun.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan?

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Dr. Ariffin bin SM Omar mendapat pendidikan Bachelor of Arts, Sejarah Asia Tenggara di USM pada tahun 1973. Master of Arts atau Sarjana Sejarah dan Sains Politik di Universiti Singapura pada tahun 1979 dan Ph.D Doctorate Sejarah Asia Tenggara di Australia National University atau ANU pada tahun 1991. Beliau merupakan pakar sejarah Melayu yang terkemuka dan juga bekas pensyarah di UUM dan juga USM. Beliau juga merupakan ahli pengasas Aliran dan pernah menjadi Setiausaha pertama Aliran dari tahun 1978 sebelum mengambil alih sebagai Presiden Aliran pada tahun 1997. Sebagai pemimpin masyarakat sivil beliau telah menerajui agenda masyarakat tanpa rasuah dan pengistiharan juga untuk semua wakil rakyat dan juga menjalankan pemantauan pilihanraya. Beliau adalah penulis buku terkemuka Bahasa Melayu yang diterbitkan pada tahun 1991 oleh *Oxford University Press*. Iaitu Krisis Mengenai Konsep Demokrasi dan Kemasyarakatan Dunia Melayu juga buku Revolusi Indonesia pada tahun 2001. USM



yang diberikan iaitu mengenai Kejatuhan Munakir Melayu di Sumatera Timur serta Pengarah Bumiputera Polisi Kajian Malaysia tahun 2004. Mengenai Penyelewengan Akibat Pengenepian Kehadiran Sosial Keadilan Sosial dalam konteks Malaysia yang kosmopolitan. Beliau juga adalah ahli tertinggi pusat parti DAP. Berdasarkan pengalaman beliau yang mendalam dan luas juga atas prestasi beliau yang cemerlang semasa beliau menjadi Senator dalam penggal pertama saya berpendapat bagi pihak Kerajaan Negeri bahawa cadangan pelantikan beliau bagi kali kedua sebagai senator akan membolehkan beliau mewakili hasrat dan suara serta perjuangan rakyat Pulau Pinang untuk sebuah negeri yang maju bersatu-padu dan sejahtera. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada cadangan lain?

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ingin mencadangkan Puan Siti Aishah Binti Sheikh Ismail dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi Ahli Dewan Negara yang akan tamat tempoh pada 1 Jun 2015 dan tarikh lantikan ialah pada 2 Jun 2015.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya ingin mencadangkan Siti Aishah Binti Sheikh Ismail dipilih sebagai Ahli Dewan Negara. Beliau dilahirkan di Klang, Selangor pada 3 Mei 1985 dan kini berumur 30 tahun. Beliau akan mengisi kekosongan berikutan tamatnya perkhidmatan Tuan Haji Syed Shahir Bin Syed Mohamad sebagai Ahli Dewan Negara yang akan tamat pada 1 Jun 2015. Puan Siti Aishah Binti Sheikh Ismail memperolehi Diploma IT dan Komunikasi Kolej Community Of Campus University Malaya. Beliau adalah Ketua Srikandi Keadilan Malaysia dan Ahli Majlis Pimpinan Pusat Keadilan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah terdapat dua calon yang telah dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara yang akan berkhidmat tiga (3) tahun mulai 2 Jun 2015 iaitu Yang Berhormat Dr. Ariffin Bin SM Omar dan Siti Aishah Binti Sheikh Ismail dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak setuju katakan “Tidak”.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebulat suara, usul di terima.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang. Terima kasih kepada Dato' Speaker dan juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Ketua Menteri I:**

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat YAB. Ketua Menteri telah mencadangkan Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

***Dewan ditangguhkan pada jam 9.40 malam***